



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

LAPORAN SURUHANJAYA SIASATAN DIRAJA

MENGENAI PENEMUAN KEM PENEMPATAN SEMENTARA
DAN KUBUR DI WANG KELIAN, PERLIS

2019



**RUJUKAN UMUM LAPORAN
SURUHANJAYA SIASATAN DIRAJA
MENGENAI PENEMUAN KEM
PENEMPATAN SEMENTARA DAN
KUBUR DI WANG KELIAN, PERLIS
2019**

**TUN ARIFIN BIN ZAKARIA
[PENGERUSI]
TAN SRI NORIAN MAI TAN
SRI RAZALI BIN ISMAIL
DATO' NOORBAHRI BIN BAHARUDDIN
DATUK JUNAIDAH BINTI ABDUL RAHMAN
DATO' NAZIRAH BINTI HUSSAIN
DR. TAN SENG GIAW**

SENARAI KANDUNGAN

PERUTUSAN Pengerusi	x
RINGKASAN Eksekutif	xiv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 PENDAHULUAN	1
1.2 LATAR BELAKANG	1
1.3 ASAS-ASAS PENUBUHAN SURUHANJAYA	4
1.4 PENUBUHAN SURUHANJAYA	4
1.5 TERMA RUJUKAN SURUHANJAYA	6
1.6 METODOLOGI SIASATAN	7
BAB 2 LAWATAN KERJA AHLI SURUHANJAYA	
2.1 PENDAHULUAN	8
2.2 LAWATAN TAPAK KE KEM DI BUKIT WANG BURMA, WANG KELIAN PADA 15 MAC 2019	11
2.3 LAWATAN TAPAK KE KEM DI GENTING PERAH, WANG KELIAN PADA 16 MAC 2019	
Pemerhatian Melalui Tinjauan Udara	17
Pemerhatian Melalui Laluan Hutan	20
2.4 PERJUMPAAN DENGAN PENDUDUK KAMPUNG WANG KELIAN PADA 17 MAC 2019	34
2.5 LAWATAN TAPAK KE KEM DI GENTING PERAH PADA 1 MEI 2019	35
2.6 LAWATAN KE JALAN KESELAMATAN DAN PEMBANGUNAN (KESBAN) SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND PADA 2 MEI 2019	46
2.7 RUMUSAN LAWATAN KERJA KE BUKIT WANG BURMA, GENTING PERAH DAN JALAN KESELAMATAN DAN PEMBANGUNAN (KESBAN)	
Bukit Wang Burma dan Genting Perah	56
Jalan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN)	58
2.8 LAWATAN KERJA KE SEMPADAN MALAYSIA-THAILAND DI KELANTAN PADA 20 JULAI 2019	59
2.9 RUMUSAN LAWATAN KERJA KE SEMPADAN MALAYSIA-THAILAND DI KELANTAN	74

BAB 3 PENDENGARAN AWAM

3.1 PENDAHULUAN	77
3.2 KRONOLOGI PENEMUAN KEM DAN KUBUR DI BUKIT WANG BURMA DAN GENTING PERAH	
Penemuan di Bukit Wang Burma	77
Penemuan di Genting Perah	85
Penemuan Kedua di Bukit Wang Burma	88
3.3 PENGGALIAN KUBUR DAN PENGESAHAN MAYAT	
Operasi Penggalian Kubur dan Pengesahan Mayat	89
Pengumpulan Bukti Barang Fizikal Operasi Wawasan Khas	101
Bedah Siasat Mayat	111
Penggalian Kubur dan Pengesahan Mayat Operasi Wawasan Khas 2	115
Rumusan Penggalian Kubur dan Penemuan Mayat	117
3.4 KETERANGAN MANGSA	
Mangsa 1 (S38)	121
Mangsa 2	124
Mangsa 3	125
3.5 TANGKAPAN PATI DAN TINDAKAN PERUNDANGAN	126
Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155]	127
Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 [Akta 670]	128
Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) [Akta 297]	129
Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) [Akta 747]	130
Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613]	131
Akta Senjata 1960 [Akta 206], Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [Akta 37] dan Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 [Akta 357]	132
Kanun Keseksaan [Akta 574]	133
Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593]	133
Akta Ekstradisi 1992 [Akta 479]	134
Akta Perlindungan Saksi 2009 [Akta 696]	134

BAB 4 DAPATAN SURUHANJAYA

4.1 PENDAHULUAN	135
4.2 DAPATAN DARIPADA PENDENGARAN AWAM DAN LAWATAN KE LOKASI	136
Jenayah Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran	136
Kem Penempatan Sementara PATI	136
Sindiket	138
Perihal PATI dan Kem Penempatan	139
Koordinasi Penguatkuasaan	140
Kawalan Sempadan	145
Penglibatan Penjawat Awam	146

4.3	PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)	150
	Penyiasatan di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670]	151
	Pengendalian Ekshibit	153
	Pengurusan Mayat	154
	Rumusan Suruhanjaya	156
4.4	ANALISIS PERUNDANGAN, KONVENSYEN ANTARABANGSA DAN LAIN-LAIN	
	Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670]	157
	Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155] dan Akta Pasport 1966 [Akta 150]	160
	Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) [Akta 297]	161
	Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) [Akta 747]	163
	Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613]	164
	Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [Akta 621]	164
	Akta Ekstradisi 1992 [Akta 479]	165
	Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Mengenai Jenayah Terancang (UNTOC)	165
	Protocol against the Smuggling of Migrants by Land, Sea and Air	166
	Protocol to Prevent, Suppress and Punish Trafficking in Persons, especially Women and Children	166
	Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967	167
	Instrumen Antarabangsa dan Serantau yang Berkaitan	167
	Analisis dan Dapatan	167
4.5	KERJASAMA DUA HALA MALAYSIA - THAILAND	169
4.6	ANALISIS ISU KEMASUKAN PATI (FAKTOR PENOLAK DAN PENARIK)	170
4.7	DASAR KERAJAAN	173
 BAB 5 SYOR-SYOR PENAMBAHBAIKAN		
5.1	PENDAHULUAN	174
5.2	SYOR-SYOR PENAMBAHBAIKAN	
	Dasar	175
	Pembangunan Modal Insan	177
	Aset	178
	Prosedur Operasi Standard (SOP)	180
	Koordinasi dan Kawalan Sempadan	180
	Kerjasama Antarabangsa	182
	Kesedaran Awam	183
5.3	PENUTUP	184

INDEKS

A. SENARAI JADUAL	xxiv
B. SENARAI GAMBAR	xxiv
C. SENARAI PETA	xxvii

SENARAI SINGKATAN

4WD	:	Kenderaan pacuan 4 roda
AADK	:	Agensi Antidadah Kebangsaan
ACTIP	:	ASEAN Convention Against Trafficking in Persons Especially Women and Children
AKSEM	:	Agensi Kawalan Sempadan Malaysia
APMM	:	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
APR	:	Anggota Pangkat Rendah
ASEAN	:	The Association of Southeast Asian Nations
ATM	:	Angkatan Tentera Malaysia
BICAM	:	Border Information Cooperation Agencies Meeting
CEDAW	:	Committee on the Elimination of Discrimination against Women / Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita
CRC	:	Convention on the Rights of the Child / Konvensyen Hak Asasi Kanak-Kanak
CRPD	:	Convention on the Rights of Persons with Disabilities / Konvensyen Hak Asasi Orang Kurang
CCTV	:	Closed-circuit television
DNA	:	Deoxyribonucleic acid
DVI	:	Disaster Victim Identification
FELCRA	:	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
FELDA	:	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
GBC	:	General Border Committee
HR	:	Human Remains
ICQS	:	Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan
IPD	:	Ibu Pejabat Polis Daerah
IPK	:	Ibu Pejabat Polis Kontinjen
JIM	:	Jabatan Imigresen Malaysia
JKDM	:	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
JPJ	:	Jabatan Pengangkutan Jalan

JTK	:	Jabatan Tenaga Kerja
JUPEM	:	Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
KDN	:	Kementerian Dalam Negeri
Kem	:	Kem penempatan sementara PATI
KEP	:	Kertas Enkuiri Polis
KESBAN	:	Keselamatan dan Pembangunan
KKM	:	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPDNHEP	:	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
LMM	:	Laporan Mati Mengejut
MAPO	:	Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran
MAQIS	:	Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia
MARTEK	:	Markas Taktikal
NGO	:	Pertubuhan bukan Kerajaan
NST	:	New Straits Times
OKT	:	Orang Kena Tahan
PATI	:	Pendatang Asing Tanpa Izin
PBB	:	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PDRM	:	Polis Diraja Malaysia
PERHILITAN	:	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara
PGA	:	Pasukan Gerakan Am
PKK	:	Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan, Kementerian Dalam Negeri
PKP	:	Pegawai Kanan Polis
POCA	:	Akta Pencegahan Jenayah 1959 [Akta 297]
PPM	:	Pasukan Polis Marin
PTKPN	:	Perintah Tetap Ketua Polis Negara
RELA	:	Jabatan Sukarelawan Malaysia
ROA	:	Refer Other Agency

- RV : Rendezvous point
- SIAP : Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan
- SOP : Standard Operating Procedure / Prosedur Operasi Standard
- SOSMA : Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012
[Akta 747]
- SUHAKAM : Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
- UNHCR : United Nations High Commissioner for Refugee
- UPP : Unit Pencegahan Penyeludupan

PERUTUSAN PENGERUSI

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana di atas limpah kurnia dan izin-Nya jua, maka Suruhanjaya Siasatan Diraja Mengenai Penemuan Kem Penempatan Sementara dan Kubur di Wang Kelian, Perlis telah dapat menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan dengan jayanya.
2. Tidak dapat dinafikan tragedi Wang Kelian pada tahun 2015 telah meninggalkan detik-detik hitam dalam sejarah Negara berhubung kemasukan pendatang asing. Tugas utama yang diamanahkan kepada Suruhanjaya adalah untuk merungkai apakah yang sebenarnya berlaku di Wang Kelian dan faktor-faktor yang telah menyebabkan berlakunya tragedi tersebut. Bertitik-tolak dari sini, Suruhanjaya cuba mengenal pasti pelaku-pelaku yang terlibat dengan jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran yang merupakan punca berlakunya kejadian yang kejam dan tidak berperikemanusiaan di Wang Kelian.
3. Dalam hubungan ini, Suruhanjaya telah meninjau kawasan hutan simpan Wang Kelian untuk menyaksikan sendiri kesan peninggalan kem dan kesan kubur serta melihat sendiri sekitar kawasan sempadan darat Malaysia-Thailand di negeri Perlis.

4. Rata-rata ahli Suruhanjaya tidak dapat menahan rasa sedih dan terharu apabila melihat tinggalan kem tahanan dan beberapa kesan kubur di tengah-tengah hutan tebal. Tidak dapat digambarkan betapa kejamnya penganiayaan yang dilakukan ke atas mereka yang tidak berdosa ini oleh sindiket demi mengaut keuntungan semata-mata.

5. Di sini timbul persoalan, bagaimana tragedi ini boleh berlaku tanpa dikesan oleh mana-mana pihak yang telah dipertanggungjawabkan untuk menjaga keselamatan di sempadan darat Negara kita. Pada masa tersebut, terdetik di benak fikiran saya bahawa sempadan darat Negara kita begitu senang sekali dibolosi.

6. Dengan terhasilnya laporan ini, adalah menjadi harapan Suruhanjaya supaya semua persoalan yang berbangkit telah terjawab dengan sepenuhnya. Ini bagi membolehkan semua pihak dari dalam dan luar negara untuk menilai sendiri apa yang sebenarnya telah berlaku di Wang Kelian.

7. Di kesempatan ini, saya bagi pihak ahli-ahli Suruhanjaya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kerajaan yang telah memberi penghormatan dan peluang kepada kami untuk terus menabur khidmat dan bakti kepada Negara melalui penubuhan Suruhanjaya ini dan kepercayaan ke atas pelantikan saya untuk mengemudi Suruhanjaya ini.

8. Laporan ini merupakan hasil usaha luar biasa, perkongsian ilmu dan kerja keras semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan tugas yang diberikan dalam tempoh enam (6) bulan bermula 5 Mac sehingga 4 September 2019.

9. Suruhanjaya amat menghargai dan berterima kasih kepada semua yang terlibat terutamanya Encik Yusran Shah bin Mohd Yusof selaku Setiausaha Suruhanjaya yang merupakan tulang belakang Suruhanjaya. Tanpa komitmen dan kerja keras beliau, sudah pasti Suruhanjaya ini tidak akan dapat menjalankan tugasnya dengan lancar dan jayanya.

10. Seterusnya, penghargaan turut dipanjangkan kepada pasukan Sekretariat dan barisan Pegawai Pelapor yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kementerian Dalam Negeri yang telah memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran urusan pentadbiran dan pelaksanaan sesi pendengaran awam dan tertutup Suruhanjaya ini.

11. Penghormatan dan penghargaan juga ditujukan kepada Jabatan Peguam Negara yang telah menempatkan dua orang pegawainya iaitu Encik Khairul Anuar bin Abd. Halim dan Encik Saiful Hazmi bin Mohd. Saad yang bertindak selaku Pegawai Pengendali Suruhanjaya. Tanpa bantuan dan kerja keras mereka, nescaya Suruhanjaya tidak boleh menjalankan tugas kami selancar yang diingini.

12. Seterusnya, kami ingin merakamkan penghargaan kepada Pegawai Penyiasat Superintenden Woon Tan Seng yang telah menjalankan tugasannya dengan cemerlang sekali. Begitu juga kepada pegawai penyiasat tambahan yang telah membantu kami dalam membuat siasatan lanjutan terhadap insiden ini.

13. Setinggi-tinggi penghargaan turut dirakamkan kepada Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan serta Agensi lain yang telah membantu melancarkan lagi urusan pentadbiran dan lawatan rasmi Suruhanjaya ke Wang Kelian dan Padang Besar, Perlis serta Pengkalan Kubor dan Rantau Panjang, Kelantan.

14. Akhir kata, adalah menjadi harapan Suruhanjaya agar laporan ini dapat merungkai tragedi Wang Kelian khususnya dan membantu pihak-pihak pembuat dasar dan kumpulan pelaksana dalam mengawasi sempadan Negara demi menjamin keselamatan dan kedaulatan Negara kita tercinta.

Saya sudahi perutusan ini dengan ucapan,

Wassalamuálaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.

TUN ARIFIN BIN ZAKARIA
PENGERUSI

RINGKASAN EKSEKUTIF

LATAR BELAKANG

1. Penemuan kem dan kubur di Wang Kelian, Perlis telah menarik perhatian dan mengejutkan banyak pihak. Kem dan kubur yang ditemui di sempadan Malaysia dan Thailand ini menimbulkan pelbagai reaksi sehingga mempertikai kewibawaan agensi penguatkuasaan khususnya dan Kerajaan secara amnya.
2. Kerajaan Malaysia dan Thailand telah melaksanakan siasatan dan mengambil tindakan terhadap pihak yang bertanggungjawab, namun, penglibatan rakyat Malaysia dalam insiden ini terus menjadi tanda tanya. Sejak penemuan tersebut mula mendapat perhatian pada Mei 2015, insiden ini terus menjadi perbincangan media dalam dan luar negara sehinggalah Kerajaan memutuskan untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai Penemuan Kem Penempatan Sementara dan Kubur di Wang Kelian, Perlis pada 26 Oktober 2018.
3. Seramai 7 orang ahli Suruhanjaya telah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan latar belakang yang pelbagai bagi membolehkan siasatan dilaksanakan dengan komprehensif dan syor penambahbaikan yang dikemukakan kelak akan mengambil kira semua aspek bagi memastikan insiden sedemikian tidak berulang. Penubuhan Suruhanjaya ini menunjukkan keseriusan Kerajaan dalam memerangi jenayah yang terjadi dan mencerminkan sikap keterbukaan untuk menambahbaik kelompongan dalam proses dan prosedur semasa termasuk perundangan yang berkuat kuasa.

4. Sebanyak 8 terma rujukan telah ditetapkan untuk Suruhanjaya yang meliputi penelitian dokumen dan bukti, menyiasat prosedur semasa, menjalankan inkuiri, mengenal pasti implikasi terhadap negara dan mengesyorkan tindakan penambahbaikan kepada Kerajaan.

5. Bagi memastikan terma rujukan yang ditetapkan dapat dipenuhi, Suruhanjaya telah mengambil beberapa pendekatan dengan mengadakan lawatan ke lokasi kem penempatan sementara bagi mendapatkan gambaran sebenar lokasi kejadian termasuk keadaan topografi dan lawatan ke pintu masuk sempadan Malaysia-Thailand untuk memahami proses keluar masuk serta bidang tanggungjawab agensi yang terlibat di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS). Lawatan juga diadakan ke sempadan Malaysia-Thailand di Kelantan yang dipisahkan oleh Sungai Golok sebagai perbandingan proses kerja, ancaman dan cabaran yang dihadapi agensi penguatkuasaan dalam mengurus isu pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.

6. Suruhanjaya juga melaksanakan pendengaran awam dan perjumpaan dengan orang awam. Pendengaran awam telah dilaksanakan selama 17 hari antara 17 April sehingga 18 Jun 2019 di Kementerian Dalam Negeri dengan melibatkan seramai 48 orang saksi dan pelbagai dokumen yang dikemukakan sebagai bukti termasuklah Minit Mesyuarat, Prosedur Operasi Standard (SOP) dan keterangan bertulis.

7. Selain itu, Suruhanjaya juga mengkaji perundangan domestik dan antarabangsa termasuk konvensyen berkaitan bagi meneliti pelaksanaan obligasi Negara yang telah dipersetujui.

DAPATAN SURUHANJAYA

8. Suruhanjaya mendapati Kerajaan telah mengambil tindakan bagi menyiasat penemuan kem dan kubur di Wang Kelian, Perlis. Beberapa tindakan perundangan telah diambil terhadap pihak yang terlibat di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 dan Akta Imigresen 1959/63. Kerajaan juga telah mengemukakan permohonan ekstradisi kepada Kerajaan Thailand dan Bangladesh bagi mendapatkan suspek yang boleh membantu dalam siasatan kes, namun sehingga kini tiada maklum balas positif diterima.

9. Terdapat 18 kem yang dijumpai di sebelah Malaysia iaitu di kawasan Genting Perah dan Bukit Wang Burma di Wang Kelian, Perlis. Kem-kem ini dipercayai telah dibina oleh sindiket warga Thai berdasarkan struktur binaan yang serupa dengan kem di sebelah Thailand. Bentuk muka bumi di sebelah Thailand yang lebih landai memudahkan akses ke kawasan kem berbanding kawasan Malaysia yang lebih bercerun dan berhutan tebal.

10. Keterangan saksi mengesahkan sindiket yang membawa masuk Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) melalui Thailand ke Malaysia dianggotai oleh warganegara Thailand, Myanmar dan Bangladesh dan PATI yang terlibat pula berasal dari Myanmar dan Bangladesh.

11. Mahkamah Thailand telah menjatuhkan hukuman terhadap warga Thai yang terdiri daripada pegawai tentera, penjawat awam, orang awam dan warga asing lain yang terlibat dalam jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran di Thailand. Tidak terdapat rakyat Malaysia yang dituduh di Thailand.

12. Berdasarkan keterangan, tiada sebarang bukti yang boleh mengaitkan rakyat atau penguat kuasa dan penjawat awam di Malaysia yang terlibat dalam sebarang sindiket pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.

13. Kawasan sempadan Malaysia-Thailand pada ketika ini dikawal oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mengikut kawasan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Perancang Gerakan Kebangsaan. Terdapat juga 20 pos kawalan yang dibina di sepanjang sempadan Negara di antara Bukit Kayu Hitam dan Wang Kelian dengan 3 daripadanya tidak aktif.

14. Anggota yang ditempatkan di kawasan sempadan ini juga tidak mencukupi, ditambah dengan kekurangan peralatan dan kelengkapan terutama kenderaan bagi tujuan rondaan. Pagar dan tembok sempadan pula dibina tidak menyeluruh di mana terdapat kawasan sempadan yang terbuka, dan aset tidak diselenggara dengan baik.

15. Isu penyeludupan migran dan penemuan kem ini telah dilaporkan dalam mesyuarat antara agensi di peringkat negeri. Namun, tiada rekod menyatakan isu ini dibincangkan secara berkala dan tidak menjadi agenda perbincangan dengan pihak Thailand. Agensi penguatkuasaan juga dilihat gagal mengambil maklum, menganalisis dan memahami trend kemasukan PATI serta mengambil ringan kemasukan PATI yang ketara dari tahun 2012 sehinggalah penemuan kem dan kubur pada tahun 2015.

16. Suruhanjaya mendapati pegawai dan anggota penguat kuasa yang terlibat kurang pemahaman dan pengalaman dalam mengendalikan kes pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Kesedaran dan penghayatan orang awam juga dilihat masih rendah terhadap isu ini.

17. Isu keselamatan merupakan faktor penolak utama yang memaksa etnik Rohingya mencari alternatif lain untuk kelangsungan hidup. Tindakan pembersihan etnik Rohingya di Myanmar khususnya di wilayah Rakhine memberi kesan kepada negara-negara jiran termasuk Malaysia. Keadaan ini turut dipengaruhi dengan keberadaan pejabat UNHCR di Malaysia yang memberi perlindungan kepada pelarian dan pemohon suaka.

18. Dalam isu pengurusan PATI dan migrasi, dasar dan pendirian Kerajaan dilihat tidak konsisten dan sentiasa berubah-ubah.

SYOR PENAMBAHBAIKAN

19. Meskipun Kerajaan telah mengambil tindakan bagi menyiasat penemuan kem dan kubur di Wang Kelian, Perlis, ternyata insiden ini memberi implikasi yang besar kepada imej negara. Pelbagai pihak mempertikaikan kewibawaan dan kemampuan pihak berkuasa ekoran daripada kegagalan untuk bertindak segera dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya.

20. Terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti dalam penguatkuasaan undang-undang, pelaksanaan tindakan dan pelaksanaan prosedur penyiasatan yang boleh dirumuskan sebagai satu disfungsi organisasi. Suruhanjaya melihat kelemahan ini sangat kritikal dan perlu ditangani dengan segera dan secara holistik. Berdasarkan fakta-fakta yang diperolehi, terdapat ruang penambahbaikan yang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan terutamanya dalam aspek dasar, modal insan, aset, Prosedur Operasi Standard (SOP), koordinasi dan kawalan sempadan, kerjasama antarabangsa serta kesedaran awam.

21. Malaysia perlu mempunyai satu dasar pekerja asing yang jelas dan konsisten. Dasar pintu terbuka terhadap pekerja asing perlu diteruskan tetapi kawalan di pintu masuk di Negara ini perlu dilaksanakan dengan baik bagi mengelakkan sempadan mudah dibolosi oleh PATI.

22. Selain itu, Kerajaan perlu mempunyai dasar yang jelas untuk menarik minat rakyat tempatan menceburi sektor 3D iaitu pekerjaan sukar, kotor dan berbahaya (*difficult, dirty and dangerous*) untuk mengurangkan pengambilan pekerja asing dalam sektor ini. Bagi maksud itu, Kerajaan wajar menyediakan pendidikan vokasional yang bersesuaian, bayaran insentif dan tahap gaji yang lebih menarik.

23. Suruhanjaya berpandangan bahawa Kerajaan perlu menetapkan harga siling yang boleh dikenakan oleh agensi pekerjaan bagi menyekat mereka dari mengaut keuntungan yang berlebihan dan dalam masa yang sama menjalankan pemantauan terhadap pengambilan pekerja asing oleh ejen. Selain itu, Kerajaan juga harus mengkaji semula proses pengambilan, tempoh masa yang diambil dan kos yang dikenakan agar tidak membebankan pihak majikan tanpa menjejaskan keselamatan Negara.

24. Selaras dengan aspirasi Negara untuk mencapai ekonomi berteraskan pengetahuan, Kerajaan perlu meneliti semula kebergantungan industri terhadap pekerja asing. Pemberian insentif kepada syarikat-syarikat yang berjaya mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing boleh dilaksanakan oleh Kerajaan.

25. Selain itu, terdapat keperluan untuk Kerajaan menggubal dan menyediakan satu Dasar Pengurusan Sempadan Negara yang menyeluruh sebagai panduan dan rujukan pelbagai peringkat agensi yang terlibat dalam pengurusan sempadan negara.

26. Dalam aspek modal insan, terdapat dua elemen yang perlu diberi perhatian iaitu latihan dan sumber manusia. Suruhanjaya mengesyorkan supaya latihan mengenai jenayah rentas sempadan perlu didedahkan kepada agensi penguatkuasaan secara menyeluruh. Dalam hal ini, disyorkan supaya latihan secara bersama antara agensi dilaksanakan bagi membolehkan perkongsian kepakaran dan kemahiran. Anggota-anggota yang akan ditempatkan di sempadan perlulah dilengkapi dengan latihan pra-penempatan dan latihan perlulah dilaksanakan secara berterusan kepada anggota-anggota yang bertugas. Pegawai penguat kuasa juga perlu didedahkan mengenai isu-isu berkaitan dengan hak asasi manusia supaya sentiasa peka dan prihatin.

27. Dalam pengurusan kawalan sempadan, kekuatan anggota perlu dititikberatkan dan pengisian perjawatan perlu diberi keutamaan. Dalam hal ini, Suruhanjaya mencadangkan supaya agensi-agensi penguatkuasaan mengkaji keperluan perjawatan berdasarkan kekompleksan tugas bagi memastikan penggunaan sumber manusia secara optimum dan cekap. Selain itu, bagi menjamin integriti dan kewibawaan agensi penguatkuasaan, pusingan kerja pegawai perlu dilaksanakan secara konsisten dengan mengambil kira penugasan di sempadan yang berisiko dan terdedah kepada amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

28. Anggota yang bertugas di sempadan menghadapi cabaran dan kesukaran disebabkan oleh keadaan topografi di kebanyakan kawasan sempadan. Justeru, kawalan keselamatan di sempadan perlu diperkukuh bagi mengimbangi kekurangan sumber manusia. Dalam hal ini, Suruhanjaya mengesyorkan supaya aset dan infrastruktur di sempadan dibaik pulih, dinaik taraf dan ditambah baik.

29. Menyedari hakikat bahawa penambahbaikan aset dan infrastruktur memerlukan satu jumlah peruntukan kewangan yang besar, Suruhanjaya menggesa agar Kerajaan dapat mempertimbang dan memberi peruntukan yang secukupnya. Suruhanjaya juga menyokong sepenuhnya syor-syor penambahbaikan yang diketengahkan oleh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) kepada Kerajaan.

30. Dari aspek kepatuhan kepada perintah tetap, arahan semasa dan Prosedur Operasi Standard (SOP), Suruhanjaya mendapati terdapatnya ketidakpatuhan dan kelompongan dalam proses kerja berhubung dengan pengurusan kes. Justeru, Suruhanjaya menekankan keperluan supaya SOP mencakupi segenap bidang penyiasatan sedia ada dikemas kini dengan segera. Pelan komunikasi dan mekanisme pemantauan terhadap pematuhan perintah tetap, arahan semasa dan SOP juga merupakan aspek kritikal yang perlu diperkukuh dan diberi perhatian.

31. Suruhanjaya mendapati ketiadaan satu agensi yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaras dan memimpin agensi-agensi di sempadan menyukarkan tugas-tugas koordinasi antara agensi. Beberapa insiden yang berlaku di sempadan perlu diambil iktibar dan sudah tiba masanya Kerajaan menubuhkan satu agensi tunggal yang membolehkan isu-isu yang berlaku di sempadan ditangani. Dalam hal ini, Suruhanjaya mengesyorkan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) diperkasa sebagai agensi tunggal dengan mengambil kira amalan terbaik yang dilaksanakan di beberapa negara dalam pengurusan kawalan sempadan.

32. Sebagai tindakan pemulihan jangka pendek, pihak Majlis Keselamatan Negara digesa memperkemaskan koordinasi tindakan mengenai isu keselamatan Negara dan menggubal dasar yang bersifat holistik sebagai rujukan dan panduan kepada semua agensi penguatkuasaan yang ditugaskan menjaga keselamatan sempadan Negara. Platform sedia ada seperti Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) perlu dimanfaatkan dalam mengkoordinasi fungsi antara agensi dengan lebih berkesan.

33. Dari aspek pengukuhan kawalan keselamatan sempadan, Suruhanjaya juga mencadangkan supaya jalan-jalan balak yang ditinggalkan dibersihkan dan jalan keselamatan di sepanjang sempadan dibina supaya pasukan keselamatan boleh menjalankan rondaan keselamatan secara berkala dan dengan lebih efektif.

34. Hakikat bahawa Malaysia sentiasa komited melaksanakan obligasi yang dipersetujui di peringkat serantau dan antarabangsa tidak dinafikan. Malah, Malaysia juga memberikan bantuan kemanusiaan terhadap pelarian meskipun Malaysia bukanlah negara ahli kepada Konvensyen mengenai Status Pelarian, 1951 dan/atau Protokol 1967. Suruhanjaya berpandangan Kerajaan perlu lebih tegas dan lebih lantang menyuarakan pendirian Negara berhubung dengan isu-isu keselamatan di negara serantau terutamanya yang memberi kesan kepada Malaysia. Kerjasama anggota ASEAN dan komuniti antarabangsa diperlukan bagi memberi tekanan kepada sesuatu negara supaya menyelesaikan konflik dalaman yang menimbulkan implikasi negatif kepada negara jiran.

35. Kesedaran awam berhubung implikasi kemasukan PATI adalah salah satu aspek yang perlu ditambah baik kerana Suruhanjaya mendapati kesedaran di kalangan masyarakat awam masih rendah terutamanya masyarakat yang tinggal di sempadan. Suruhanjaya berpandangan Kerajaan perlu mempertingkatkan program-program kesedaran dan penghebahan di sempadan secara berterusan.

PENUTUP

36. Jenayah rentas sempadan adalah satu jenayah yang serius dan kemasukan PATI yang tidak dikawal memberi implikasi yang besar kepada Negara. Diharapkan laporan ini dapat menjawab isu-isu dan kelemahan yang dibangkitkan dan saranan Suruhanjaya yang terkandung dalam laporan ini dipertimbangkan secara serius oleh Kerajaan.

BAB 1 PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

1.1.1 Penemuan kem penempatan sementara (kem¹) Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI²) (bagi tujuan laporan ini, "PATI" hendaklah termasuk mangsa pemerdagangan orang) dan kubur di Wang Kelian, Perlis telah mengemparkan negara dan mendapat pelbagai reaksi daripada orang awam termasuk komuniti antarabangsa. Penemuan ini telah membongkar satu jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran ke Negara kita yang sama sekali di luar jangkaan dan mengejutkan semua pihak.

1.1.2 Tragedi kemanusiaan ini tidak seharusnya berlaku kerana Negara kita mempunyai pendirian yang tegas berhubung dengan jenayah-jenayah seperti ini. Namun, hakikat sebenar, jenayah ini terus berlaku dan sering mendapat perhatian di peringkat global. Jenayah ini yang menjadikan manusia sebagai "barang dagangan" untuk dieksploitasi bagi mendapatkan keuntungan monetari oleh sindiket hendaklah dibanteras sama sekali. Penubuhan Suruhanjaya ini oleh Kerajaan adalah satu usaha ke arah tersebut.

1.2 LATAR BELAKANG

1.2.1 Isu kemasukan PATI melalui sempadan Malaysia-Thailand di daerah Wang Kelian, Perlis mula mendapat perhatian umum pada bulan Mei 2015 berikutan penemuan kem dan kubur di Wang Kelian iaitu pada bulan Januari di Bukit Wang Burma serta bulan Mac dan Mei 2015 di Genting Perah.

¹"kem" merujuk kepada "kem penempatan sementara PATI".

² Menurut seksyen 55E(7) Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155], "Pendatang Asing Tanpa Izin" bermaksud mana-mana orang, selain daripada warganegara, yang menyalahi seksyen 5, 6, 8, 9 atau 15 Akta Imigresen 1959/63 atau Peraturan 39, Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

1.2.2 Penemuan kem di Wang Kelian ini adalah hasil daripada operasi yang dijalankan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan laporan media yang dibuat oleh kedua-dua negara. Insiden ini telah menimbulkan keresahan di kalangan rakyat. Ia juga menimbulkan isu berhubung dengan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran di kalangan komuniti antarabangsa. Semua pihak menghendaki tindakan serius diambil oleh Kerajaan dalam menangani isu tersebut.

1.2.3 Perkara ini berkait rapat dengan apa yang berlaku di Thailand. Pada 1 Mei 2015 sebanyak 30 mayat telah ditemui di suatu penempatan sementara di Selatan Thailand hasil daripada operasi bersama yang dilaksanakan pasukan polis dan tentera Thailand^{3,4}. Laporan polis menyatakan mayat tersebut adalah daripada etnik Rohingya dari Myanmar dan Bangladesh yang mati disebabkan kelaparan atau penyakit semasa ditahan. Pihak Thailand telah mengambil tindakan terhadap individu yang terlibat termasuk penjawat awam yang berkedudukan tinggi. Seramai 102 orang telah didakwa atas kesalahan berkaitan dengan pemerdagangan orang termasuk 21 orang penjawat awam⁵. Seramai 62 orang telah disabitkan dan telah dijatuhkan hukuman pada tahun 2017 termasuk seorang tentera berpangkat Leftenan Jeneral⁶.

³ "Mass Graves of Rohingya Found in Trafficking Camp", Human Rights Watch Thailand, 1 Mei 2015 <<https://www.hrw.org/news/2015/05/01/thailand-mass-graves-rohingya-found-trafficking-camp>>.

⁴ "Mass graves unearthed at human-trafficker camp in Songkhla", Bangkok Post, 1 Mei 2015 <<https://www.bangkokpost.com/thailand/general/548439/mass-graves-unearthed-at-human-trafficker-camp-in-songkhla>>.

⁵ "Thailand convicts traffickers after 2015 mass graves discovery", The Guardian, 19 Julai 2017 <<https://www.theguardian.com/world/2017/jul/19/thailand-convicts-dozens-of-traffickers-after-mass-graves-discovery>>.

⁶ "Guilty verdicts for Rohingya trafficking deaths", Al Jazeera Media Network, 20 Julai 2017 <<https://www.aljazeera.com/news/2017/07/thai-court-deliver-verdict-people-smuggling-case-170719024750630.html>>.

1.2.4 Sementara itu, pihak berkuasa Malaysia juga telah menyiasat dan mendakwa 4 orang warganegara asing atas kesalahan penyeludupan migran dan mereka telah disabitkan dan dijatuhi hukuman penjara. Pelbagai pihak telah menyuarakan ketidakpuasan hati terhadap tindakan yang diambil oleh Kerajaan Malaysia kerana tiada tindakan telah diambil terhadap warganegara tempatan termasuk penjawat awam sebagaimana yang berlaku di Thailand dan juga tentang kelewatan tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa dalam melaksanakan siasatan. Pada 28 Mac 2019, Al Jazeera, suatu agensi media antarabangsa, telah melaporkan isu kenapa setelah 4 tahun berlalu, tiada anggota penguat kuasa yang disabitkan bersalah⁷. Selain itu, perkara ini terus menjadi topik perbincangan dalam laporan yang dikeluarkan termasuk oleh The Guardian⁸, New Straits Times (NST)⁹, The Star¹⁰ dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)¹¹ serta turut disentuh dalam Laporan Jabatan Negara Amerika Syarikat mengenai Pernerdagangan Orang (US TIP Report)¹².

1.2.5 Perkembangan ini telah mendorong pelbagai pihak antarabangsa dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) mendesak supaya Kerajaan Malaysia mengambil tindakan bagi mencari pihak yang bertanggungjawab ke atas kewujudan kem dan kubur di Wang Kelian.

⁷ "Groups urge Malaysia ensure accountability for 2015 mass graves", Al Jazeera News Network, 28 Mac 2019 <<https://www.aljazeera.com/news/2019/03/groups-urge-malaysia-ensure-accountability-2015-mass-graves-90327131552825.html>>.

⁸ "Malaysia mass graves: villagers tell of migrants emerging from secret jungle camps", The Guardian, 26 May 2015 <<https://www.theguardian.com/world/2015/may/26/malaysia-mass-graves-villagers-tell-of-desperate-migrants-emerging-from-jungle-camps>>.

⁹ "[EXCLUSIVE] The secrets of Wang Kelian exposed" New Straits Times, 20 Disember 2017 <<https://www.nst.com.my/news/exclusive/2017/12/316339/exclusive-secrets-wang-kelian-exposed>>.

¹⁰ "No light shed on Wang Kelian", The Star, 28 Mac 2019 <<https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/03/28/no-light-shed-on-wang-kelian>>.

¹¹ Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia dan Fortify Rights, "Sold Like Fish" (Malaysia, Mac 2019).

¹² United States of America, Department of State, Trafficking in Persons Report June 2016 (United States: United States Department of State Publication Office of the Under Secretary for Civilian Security, June 2016).

1.3 ASAS-ASAS PENUBUHAN SURUHANJAYA

1.3.1 Jemaah Menteri yang bermesyuarat pada 26 Oktober 2018 telah membincangkan isu tersebut dan mengambil keputusan supaya satu Suruhanjaya Siasatan Diraja ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [Akta 119] bagi menyiasat dan mendapatkan fakta yang jelas mengenai penemuan kem serta kubur di Wang Kelian, Perlis.

1.3.2 Kerajaan juga telah bersetuju supaya Suruhanjaya ini mengkaji kemungkinan penglibatan pihak-pihak berkuasa tempatan dan seterusnya mengemukakan penambahbaikan yang perlu dilakukan bagi memastikan kawalan sempadan Negara dapat dipertingkatkan. Penubuhan Suruhanjaya ini menunjukkan keseriusan dan ketelusan Kerajaan untuk mengenal pasti isu dan mengelakkan salah faham dan buruk sangka di kalangan rakyat dan komuniti antarabangsa.

1.4 PENUBUHAN SURUHANJAYA

1.4.1 Cadangan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja Mengenai Penemuan Kem Penempatan Sementara dan Kubur di Wang Kelian, Perlis telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Reformasi Institusi dalam laporan bertarikh Julai 2018 dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 13 Ogos 2018. Mesyuarat bersetuju dengan cadangan tersebut dan memutuskan supaya Kementerian Dalam Negeri (KDN) menyediakan Memorandum Jemaah Menteri untuk diangkat bagi persetujuan Jemaah Menteri.

1.4.2 Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 Oktober 2018 telah bersetuju dengan cadangan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja Mengenai Penemuan Kem Penempatan Sementara dan Kubur di Wang Kelian. Cadangan ini kemudiannya telah mendapat perkenan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 29 Januari 2019.

1.4.3 Suruhanjaya ini ditubuhkan dengan objektif untuk mengemukakan laporan yang adil melalui siasatan awam (public hearing) memandangkan terdapat tanggapan dan dakwaan negatif khususnya di kalangan NGO tempatan mahupun antarabangsa berhubung dengan kegagalan pihak Kerajaan menjalankan siasatan secara telus dan menyeluruh.

1.4.4 Penubuhan Suruhanjaya ini serta pelantikan ahlinya menurut kehendak dan maksud seksyen 2 Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 adalah seperti yang berikut:

YABhg. Tun Arifin bin Zakaria	-	Pengerusi
YBhg. Tan Sri Norian Mai	-	Timbalan Pengerusi
YBhg. Tan Sri Razali bin Ismail	-	Ahli
YBhg. Dato' Noorbahri bin Baharuddin	-	Ahli
YBhg. Datuk Junaidah binti Abdul Rahman	-	Ahli
YBhg. Dato' Nazirah binti Hussain	-	Ahli
YBrs. Dr. Tan Seng Giaw	-	Ahli

1.4.5 Selain itu, bagi membantu Suruhanjaya, DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong turut melantik Setiausaha dan Pegawai Pengendali seperti yang berikut:

YBrs. Encik Yusran Shah bin Mohd Yusof	-	Setiausaha
YBrs. Encik Khairul Anuar bin Abd Halim	-	Pegawai Pengendali
YBrs. Encik Saiful Hazmi bin Mohd Saad	-	Pegawai Pengendali

1.5 TERMA RUJUKAN SURUHANJAYA

1.5.1 Terma rujukan Suruhanjaya adalah seperti berikut:

- i. Meneliti semua dokumen dan bukti berkaitan dengan kes penemuan kem penempatan sementara dan kubur di Wang Kelian, Perlis;
- ii. Menyiasat kejadian penemuan kem penempatan sementara dan kubur di Wang Kelian, Perlis;
- iii. Menyiasat prosedur semasa dan selepas kejadian yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa;
- iv. Menjalankan siasatan (inkuiri) terhadap pegawai-pegawai penyiasat, saksi-saksi dan mana-mana individu yang difikirkan perlu;
- v. Menyiasat sama ada penambahbaikan telah dilaksanakan terhadap prosedur penguatkuasaan selepas kejadian;
- vi. Mengenal pasti implikasi terhadap negara selepas kejadian (imej, kewangan, hubungan bilateral dan hak asasi);
- vii. Mengesyorkan tindakan dan penambahbaikan yang boleh diambil oleh Kerajaan; dan
- vii. Mengemukakan laporan siasatan Suruhanjaya kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

1.6 METODOLOGI SIASATAN

1.6.1 Melawat tapak kem dan kubur di Bukit Wang Burma dan Genting Perah serta kawasan sekitar di Wang Kelian, Perlis bagi tujuan mendapat gambaran sebenar kawasan tersebut.

1.6.2 Menjalankan inkuiri mengenai penemuan kem dan kubur di Wang Kelian, Perlis.

1.6.3 Mempertimbang mana-mana laporan/maklumat berkaitan kejadian ini dan, sekiranya perlu, memanggil penulis atau sesiapa pun yang dinyatakan dalam laporan/maklumat tersebut untuk memberi keterangan.

1.6.4 Mengkaji undang-undang, perundangan, konvensyen antarabangsa dan protokol-protokol yang relevan kepada terma rujukan Suruhanjaya sama ada ianya memadai bagi membanteras jenayah rentas sempadan dan jenayah lain yang berkaitan.

1.6.5 Mengenal pasti agensi Kerajaan yang bertanggungjawab ke atas keselamatan sempadan Malaysia-Thailand dan khususnya di kawasan Wang Kelian. Mengkaji bidang kuasa kawasan operasi dan prosedur operasi standard yang diguna pakai oleh agensi-agensi yang berkaitan dalam mengendalikan kes-kes pemerdagangan orang atau jenayah lain yang berkaitan.

1.6.6 Mengkaji dasar-dasar Negara berhubung kemasukan orang asing (dengan izin dan tanpa izin) serta impak kepada aktiviti jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.

1.6.7 Mengemukakan syor-syor penambahbaikan kepada Kerajaan dalam usaha memperkasa kawalan sempadan Negara daripada pencerobohan dan dalam masa yang sama, mengelak kejadian seperti ini berulang lagi.

BAB 2 LAWATAN KERJA AHLI SURUHANJAYA

*Menyaksikan sendiri kesan kem dan bekas-bekas kubur yang begitu banyak menimbulkan rasa sedih dan terkilan yang tidak terhingga.
- Ahli-ahli Suruhanjaya*

2.1 PENDAHULUAN

2.1.1 Pada 14 sehingga 17 Mac 2019 dan 1 sehingga 3 Mei 2019, ahli-ahli Suruhanjaya telah mengadakan lawatan kerja ke Bukit Wang Burma dan Genting Perah, Wang Kelian, Perlis dengan tujuan berikut:

- i. membuat lawatan tapak untuk mendapatkan gambaran keadaan sebenar kem, tapak perkuburan dan keadaan hutan, bukit, serta bentuk muka bumi di Wang Kelian, khususnya Bukit Wang Burma dan Genting Perah, Perlis;
- ii. mengadakan temu bual secara tidak rasmi bersama penduduk setempat bagi mendapatkan input berkenaan aktiviti PATI, penemuan kem dan kubur di kawasan Wang Kelian, Perlis; dan
- iii. memerhati dan mendapatkan gambaran keadaan jalan keselamatan dan pembangunan (KESBAN) sempadan Malaysia – Thailand.

2.1.2 Ahli-ahli Suruhanjaya turut mengadakan lawatan ke kawasan sempadan Malaysia-Thailand di Kelantan di lokasi yang ditunjukkan dalam Peta 1 pada 20 sehingga 21 Julai 2019 dengan tujuan berikut:

- i. memerhati aktiviti kawalan sempadan di Pengkalan Kubor dan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang;
- ii. memerhati dan mendapatkan gambaran sebenar keadaan sempadan negara di Sungai Golok, Kelantan; dan
- iii. memerhati dan mendapatkan gambaran sebenar mengenai infrastruktur dan keanggotaan pegawai penguat kuasa di sekitar sempadan Malaysia – Thailand.




Sumber: *Google maps*

Peta 1 : Lokasi Lawatan di kawasan sempadan Malaysia – Thailand, Kelantan.

2.2 LAWATAN TAPAK KE KEM DI BUKIT WANG BURMA, WANG KELIAN PADA 15 MAC 2019

2.2.1 Lawatan dimulakan dengan menaiki helikopter dari Dewan Undangan Negeri Perlis ke tempat pendaratan sementara helikopter di Bukit Wang Burma, Wang Kelian. Perjalanan ahli-ahli Suruhanjaya menggunakan helikopter mengambil masa lebih kurang 15 minit sehalu dan laluan udara adalah seperti di Gambar 1. Dari tempat pendaratan helikopter, ahli-ahli Suruhanjaya telah berjalan kaki mendaki Bukit Wang Burma menuju ke lokasi penemuan kem. Antara pemerhatian sepanjang lawatan tersebut adalah seperti berikut:

- i. ketika helikopter berada di atas kawasan kem, kanopi hutan adalah tebal dan menghalang penglihatan mata kasar ke lantai hutan;
- ii. jarak dari tempat pendaratan sementara helikopter ke tapak kem adalah lebih kurang 400 meter dan mengambil masa lebih kurang 20 minit berjalan kaki;
- iii. bentuk muka bumi sepanjang perjalanan tersebut adalah bercerun dan memerlukan pendakian dalam kawasan berhutan;
- iv. terdapat anak sungai di lereng bukit dengan air yang jernih dan paip getah; dan
- v. terdapat tinggalan kanvas dan runtuh struktur kayu yang dipercayai khemah dan tempat tahanan.



Sumber: Google maps

Gambar 1 : Peta Laluan Udara

2.2.2 Ahli-ahli Suruhanjaya seterusnya bergerak dari tapak kem ke tapak kubur (Gambar 2 dan 3). Antara pemerhatian ahli-ahli Suruhanjaya adalah seperti berikut:

- i. kedudukan tapak kubur adalah bersebelahan dengan tapak kem dan perjalanan mengambil masa lebih kurang 2 minit;
- ii. terdapat sebanyak 9 struktur kubur yang dapat dilihat dengan jelas;
- iii. struktur-struktur kubur masih berlubang dan terdapat sesetengah struktur kubur telah tertimbus dengan tanah dan dipenuhi daun-daun; dan
- iv. struktur-struktur kubur menghala ke arah yang sama dan dipercayai ke arah kiblat.



Gambar 2 : Salah satu tinggalan struktur kubur yang telah digali. Kesemua struktur kubur adalah dipercayai menghala ke arah kiblat.



Gambar 3 : Beberapa tinggalan struktur kubur yang telah digali. Setiap kubur hanya menempatkan satu mayat sahaja.

2.2.3 Ahli-ahli Suruhanjaya seterusnya bergerak turun dari tapak kubur ke tempat pendaratan sementara helikopter melalui tapak kem yang sama tetapi menggunakan laluan yang berbeza. Antara pemerhatian ahli-ahli Suruhanjaya adalah seperti yang berikut:

- i. terdapat kawasan lapang yang dipercayai digunakan sebagai tempat tahanan PATI. Kawasan ini dipagari dawai besi dan kawat berduri yang berkarat dan diliputi semak samun (Gambar 4);
- ii. terdapat jaring besi di kawasan lapang yang lebih besar yang dikelilingi kawat berduri yang berkarat dan diliputi semak samun yang juga dipercayai digunakan sebagai tempat tahanan PATI (Gambar 5); dan
- iii. terdapat tinggalan paket-paket plastik dan tin-tin makanan yang kosong berlabel tulisan bahasa Thai (Gambar 6).



Gambar 4 : Tempat tahanan PATI.



Gambar 5 : Kawat berduri dan jaring besi yang digunakan sebagai tempat tahanan PATI.



Gambar 6 : Tinggalan paket plastik makanan yang berlabel tulisan bahasa Thai.

2.2.4 Ahli-ahli Suruhanjaya seterusnya bergerak turun dari tempat pendaratan sementara helikopter ke jalan bertar di kaki Bukit Wang Burma. Antara pemerhatian ahli-ahli Suruhanjaya adalah seperti yang berikut:

- i. laluan adalah amat curam dan terdapat sesetengah permukaan yang berbatu;
- ii. terdapat suatu menara pemancar telekomunikasi yang terletak kira-kira 50 meter dari kaki bukit (laluan keluar hutan). Dipercayai menara ini masih beroperasi memandangkan terdapat lampu yang berkelip dan piring-piring pemancar (Gambar 7);
- iii. terdapat kawasan tapak pembuangan sampah yang dipercayai dijadikan sebagai lokasi menunggu sebelum PATI dipindahkan ke lokasi yang tidak diketahui; dan
- iv. jarak kawasan ini ke Pos Pasukan Gerakan Am (PGA) ialah 1.0 km.



Gambar 7 : Menara pemancar telekomunikasi yang terletak kira-kira 50 meter dari kaki bukit, laluan keluar dari hutan.

2.3 LAWATAN TAPAK KE KEM DI GENTING PERAH, WANG KELIAN PADA 16 MAC 2019

Pemerhatian melalui tinjauan udara

2.3.1 Ahli-ahli Suruhanjaya telah membuat tinjauan udara dengan menaiki helikopter PDRM yang berlepas dari Padang Bola Sepak Kampung Wang Kelian ke Genting Perah. Tinjauan ini mengambil masa lebih kurang 30 minit dan laluan tinjauan udara adalah seperti di Gambar 8. Antara pemerhatian ahli-ahli Suruhanjaya adalah seperti yang berikut:

- i. kedudukan Genting Perah adalah amat dekat dengan sempadan Malaysia-Thailand dan bersebelahan dengan Bukit Wang Burma (Gambar 8);
- ii. bentuk muka bumi di kawasan sekitar Genting Perah adalah berbukit dan dilitupi hutan tebal dengan kanopi hutan melindungi penglihatan mata kasar ahli-ahli Suruhanjaya ke lantai hutan. Walaupun kedudukan helikopter adalah tepat di atas tapak kem, ahli-ahli Suruhanjaya tidak dapat melihat tapak kem tersebut (Gambar 9); dan
- iii. terdapat perbezaan bentuk muka bumi di antara Malaysia dengan Thailand di mana di sebelah Thailand adalah landai, dilitupi hutan tidak tebal dan terdapat ladang getah (Gambar 10).



Sumber: *Google maps*

Gambar 8 : Laluan udara dari Kampung Wang Kelian ke Genting Perah.



Gambar 9 : Tinjauan udara di sebelah Malaysia.



Gambar 10 : Perbezaan bentuk muka bumi Malaysia dan Thailand.

Pemerhatian melalui laluan hutan

2.3.2 Pasukan peninjau yang terdiri daripada Pegawai Pengendali, Pegawai Penyiasat dan Sekretariat Suruhanjaya telah membuat tinjauan secara berjalan kaki ke Genting Perah bermula dari Pos PGA Simpang 5 ke Check-point Simpang 5 selama 30 minit. Jarak tersebut adalah lebih kurang 3km. Pasukan peninjau seterusnya mendaki dari Simpang 5 ke tapak Kubur 24 yang mengambil masa lebih kurang 1 jam 40 minit (Gambar 11). Antara pemerhatian pasukan peninjau adalah seperti yang berikut:

- i. bentuk muka bumi laluan perjalanan sentiasa berubah-ubah dari landai, curam, semakin curam dan rata;
- ii. terdapat beberapa laluan berlainan yang dipercayai boleh menghubungkan sempadan Malaysia-Thailand dengan kawasan tapak kubur dan tapak kem (Gambar 12);
- iii. terdapat kawasan lapang yang dipenuhi semak samun (hutan sekunder) dan merupakan tapak tempat pendaratan sementara helikopter semasa operasi (Gambar 13);
- iv. struktur-struktur kubur masih berlubang dan terdapat sesetengah struktur kubur telah tertimbus dengan tanah dan dipenuhi daun-daun dan air (Gambar 14);
- v. struktur-struktur kubur menghala ke arah yang sama dan dipercayai ke arah kiblat;
- vi. terdapat satu struktur kubur yang bersaiz agak besar sedikit (anggaran 1.5 kali ganda) berbanding struktur-struktur lain. Pegawai Penyiasat memaklumkan bahawa 3 mayat dijumpai dalam kubur ini;

- vii. di sepanjang perjalanan, terdapat paip-paip saluran air (dipercayai jenis high density polyethylene) berwarna hitam yang kelihatan masih elok; dan
- viii. terdapat tinggalan kanvas-kanvas di sepanjang perjalanan (Gambar 15).



Gambar 11 : Laluan trek menuju tapak Kubur 24.



Gambar 12 : Kawasan sekitar Rendezvous (RV) yang merupakan pusat operasi dan pengumpulan semasa operasi menggali kubur semasa Operasi Wawasan Khas pada tahun 2015.



Gambar 13 : Kawasan tempat pendaratan sementara helikopter yang telah diterangkan semasa operasi menggali kubur kini ditumbuhi hutan sekunder.



Gambar 14 : Salah satu struktur kubur di Kubur 24 yang dipenuhi air.



Gambar 15 : Kesan tinggalan kanvas-kanvas khemah di sepanjang pendakian menuju ke tapak Kubur 24.

2.3.3 Pasukan peninjau meneruskan pendakian dari Kubur 24 ke tapak kem. Antara pemerhatian pasukan peninjau adalah seperti berikut:

- i. kawasan kem dipenuhi dengan runtuhan-runtuhan kayu dan kanvas yang terdiri daripada khemah-khemah dan menara pengawal serta berhampiran dengan kawasan yang dikelilingi kawat berduri (Gambar 16, 17, 18, 19 dan 20);
- ii. terdapat tinggalan paket-paket plastik dan tin-tin makanan yang kosong berlabel tulisan bahasa Thai (Gambar 21); dan
- iii. terdapat struktur-struktur dan bahan tinggalan yang masih boleh dikenali seperti:
 - a. meja;
 - b. lantai rotan dengan ikatan yang kemas;
 - c. surau dengan struktur tiang diperbuat daripada kayu yang masih kukuh (Gambar 22);
 - d. tinggalan sejadah di surau (Gambar 23);
 - e. struktur pondok yang menjadi tempat rawatan perubatan (Gambar 24) yang mengandungi Eye-Mo dan Paracetamol;
 - f. tinggalan generator berlabel tulisan bahasa Thai (Gambar 25);
 - g. 2 unit 2 pin extension wire (Gambar 26);
 - h. paip saluran air (Gambar 27); dan
 - i. kawasan takungan air dengan laluan anak sungai.



Gambar 16 : Kawat berduri yang didapati dalam kem.



Gambar 17 : Struktur menara pengawal yang telah runtuh.



Gambar 18 : Khemah-khemah yang telah runtuh dalam kawasan kem.



Gambar 19 : Kesan-kesan khemah dalam kawasan kem.



Gambar 20 : Kesan-kesan khemah dalam kawasan kem.



Gambar 21 : Tin-tin makanan berlabel tulisan bahasa Thai yang dijumpai dalam kawasan kem.



Gambar 22 : Struktur binaan surau dalam kawasan kem.



Gambar 23 : Sejadah yang dijumpai berdekatan binaan surau dalam kawasan kem.



Gambar 24 : Struktur tempat rumah rawatan/perubatan dalam kawasan kem.



Gambar 25 : Generator berlabel tulisan bahasa Thai yang dijumpai dalam kawasan kem.



Gambar 26 : Salah satu 2 pin wayar sambungan (extension wire) yang dijumpai dalam kawasan kem.



Gambar 27 : Paip air yang dijumpai dalam kawasan kem.

2.3.4 Pasukan peninjau meneruskan pendakian dari tapak Kem ke batu sempadan Malaysia-Thailand (Gambar 28 dan 29). Antara pemerhatian pasukan peninjau adalah seperti yang berikut:

- i. perjalanan mengambil masa lebih kurang 10 minit;
- ii. laluan adalah sedikit curam;
- iii. perjalanan adalah melalui denai hutan yang tidak terang dan tidak jelas; dan
- iv. sebahagian pasukan peninjau berjumpa secara kebetulan dengan 3 pegawai Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) di batu sempadan. Pegawai-pegawai tersebut memaklumkan mereka sedang menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan batu sempadan Malaysia-Thailand. Mereka juga memaklumkan bahawa pada hari tersebut, mereka memasuki lokasi melalui Thailand dan diiringi oleh pasukan keselamatan Malaysia dan Thailand.



Gambar 28 : Batu sempadan Malaysia-Thailand yang terletak kira-kira 10 minit dari lokasi kawasan kem.



Gambar 29 : Batu sempadan Malaysia-Thailand yang terletak kira-kira 10 minit dari lokasi kawasan kem.

2.3.5 Pasukan peninjau seterusnya bergerak turun dari sempadan ke Pos PGA Simpang 5 (Gambar 30 dan 31). Perjalanan turun melalui laluan yang sama dan tiada pemerhatian tambahan.



Gambar 30 : Pos PGA Simpang 5.



Gambar 31 : Kawasan sekeliling Pos PGA Simpang 5.

2.4 PERJUMPAAN DENGAN PENDUDUK KAMPUNG WANG KELIAN PADA 17 MAC 2019

2.4.1 Ahli-ahli Suruhanjaya telah mengadakan perjumpaan dengan 5 orang penduduk Kampung Wang Kelian di Balai Polis Wang Kelian, Perlis pada pukul 10.20 pagi. Hasil perjumpaan adalah seperti yang berikut:

- i. didapati bahawa kesemua mereka tidak mempunyai sebarang pengetahuan berkenaan kem dan kubur-kubur yang terdapat di atas Bukit Wang Burma dan Genting Perah. Secara keseluruhannya, mereka menjalankan aktiviti harian dengan melakukan pekerjaan di kampung seperti menoreh getah, pengawal keselamatan dan kerja-kerja kontrak kecil.
- ii. Sebelum penemuan kem oleh pihak berkuasa, kawasan Wang Kelian adalah sangat sibuk dengan aktiviti perniagaan dan dipenuhi dengan pengunjung dari luar daerah. Pada hujung minggu, bilangan pengunjung dan kenderaan adalah sangat tinggi berbanding hari-hari biasa sehingga mencecah lebih kurang 50 buah bas sehari.
- iii. Walau bagaimanapun, terdapat seorang penduduk kampung yang pernah melihat 2 orang warga asing yang beliau percayai sebagai warga Bangladesh sedang berjalan kaki di jalan raya sebanyak 2 kali sekitar tahun 2012 dan 2013.



Gambar 32 : Sesi perjumpaan dengan salah seorang penduduk Kampung Wang Kelian.

2.5 LAWATAN TAPAK KE KEM DI GENTING PERAH PADA 1 MEI 2019

2.5.1 Pada 1 Mei 2019, ahli-ahli Suruhanjaya telah mengadakan lawatan kerja ke Genting Perah, Wang Kelian, Perlis. Lawatan dimulakan dengan pergerakan ahli-ahli Suruhanjaya dari penginapan di Kangar ke simpang laluan masuk FELCRA Lubuk Sireh, Wang Kelian, Perlis sejauh 39km dan mengambil masa selama 45 minit. Setibanya di lokasi, ahli-ahli Suruhanjaya dibawa menaiki kenderaan pacuan 4 roda (4WD) Isuzu D-Max Cargo untuk ke Pos PGA Simpang 5 (Gambar 33 dan 34). Antara pemerhatian ahli-ahli Suruhanjaya adalah seperti berikut:

- i. kawasan di sepanjang kiri dan kanan jalan dipenuhi dengan pokok-pokok getah, lalang dan juga pokok pisang serta kawasan semak;
- ii. jalan ini boleh dilalui oleh kenderaan 4WD dan lori kecil 1 tan (Gambar 33);

- iii. terdapat pos kawalan, tempat simpanan bekalan dan rehat PGA (Gambar 34); dan
- iv. terdapat anak sungai di hujung Pos Simpang 5 PGA.



Gambar 33 : Perjalanan menuju ke Pos PGA Simpang 5.



Gambar 34 : Pos PGA Simpang 5.

2.5.2 Ahli-ahli Suruhanjaya seterusnya diberikan taklimat khas oleh Pegawai Pemerintah Medan VAT 69 pergerakan ke Kem 6, Genting Perah di Pos PGA Simpang 5 sebelum berjalan kaki ke kem yang dikenali sebagai Kem 6 di Genting Perah (Gambar 35). Sepanjang pendakian sejauh 4.9km ke Kem 6, berikut adalah antara pemerhatian ahli-ahli Suruhanjaya:

- i. kawasan hutan yang dipenuhi tumbuhan resam dan terdapat juga tinggalan batang kayu balak yang merintang laluan mendaki (Gambar 36); dan
- ii. dalam perjalanan, ahli-ahli Suruhanjaya berhenti di RV setelah pendakian selama 3 jam. Kawasan RV ini digunakan sebagai tapak pengumpulan sementara mayat PATI semasa Operasi Wawasan Khas pada tahun 2015 (Gambar 37).



Gambar 35 : Taklimat khas pergerakan di Pos Simpang 5 oleh Pegawai Pemerintah Medan VAT 69, PDRM sebelum ke Kem 6 di Bukit Genting Perah.



Gambar 36 : Kawasan hutan dipenuhi tumbuhan resam dan tinggalan kayu balak yang merintang laluan mendaki ke Kem 6, Bukit Genting Perah.



Gambar 37 : Taklimat di kawasan RV yang digunakan sebagai tapak pengumpulan sementara mayat PATI semasa Operasi Wawasan Khas pada tahun 2015.

2.5.3 Ahli-ahli Suruhanjaya seterusnya mendaki sejauh 500m ke batu sempadan Malaysia-Thailand (Gambar 38 dan 39). Dari batu sempadan, ahli-ahli Suruhanjaya mendaki sejauh 1.4km ke Kem 6. Antara pemerhatian ahli-ahli Suruhanjaya adalah seperti yang berikut:

- i. perjalanan mengambil masa 1 jam 30 minit dan bentuk muka bumi sedikit curam dan kebanyakannya landai;
- ii. kawasan sepanjang perjalanan dipenuhi semak dan resam dan hutan tebal;
- iii. sepanjang perjalanan berdekatan lokasi kem, terdapat tin-tin dan guni beras berlabel tulisan bahasa Thai (Gambar 40 dan 41);
- iv. di lokasi Kem 6, masih terdapat tinggalan struktur tiang yang masih kukuh dan kanvas-kanvas yang dijadikan bumbung kem (Gambar 42, 43, 44 dan 45);

- v. terdapat struktur binaan tanah yang dijadikan kawasan tadahan air;
- vi. terdapat kawasan sekitar kem yang dikelilingi dawai kawat berduri (Gambar 46);
- vii. di kawasan Kem 6 kelihatan satu kawasan penempatan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu satu bahagian struktur binaan yang dibina dari buluh dipercayai digunakan sebagai tempat perubatan, surau dan gelanggang sepak takraw. Selain itu, di satu bahagian lain pula juga terdapat struktur binaan yang juga dibina dari buluh dan dipercayai merupakan tempat memasak, makan, tandas dan bersebelahan tempat masak terdapat seperti tempat tahanan yang dikelilingi kawat berduri yang dipercayai tempat untuk diletakkan PATI yang ingkar serta enggan menurut perintah; dan
- viii. terdapat 10 struktur tanah yang dipercayai kubur berlubang dan kosong serta dilitupi daun-daun. Kawasan sekitar telah dipenuhi semak samun.



Gambar 38 : Ahli-ahli Suruhanjaya mendaki sejauh 500m ke batu sempadan kecil Malaysia-Thailand.



Gambar 39 : Batu sempadan Malaysia-Thailand yang terletak 1.4km dari Kem 6.



Gambar 40 : Antara tinggalan guni beras berlabel tulisan bahasa Thai yang ditemui dalam perjalanan berhampiran Kem 6.



Gambar 41 : Antara tinggalan tin makanan berlabel tulisan bahasa Thai yang ditemui berhampiran Kem 6.



Gambar 42 : Antara struktur binaan yang dibina daripada buluh dipercayai digunakan sebagai tempat perubatan, surau dan gelanggang sepak takraw di Kem 6.



Gambar 43 : Antara struktur binaan yang dibina daripada buluh dan kanvas di Kem 6.



Gambar 44 : Antara struktur binaan yang dibina daripada buluh dan kanvas di Kem 6.




Gambar 45 : Antara struktur binaan yang dibina daripada buluh dan kanvas di Kem 6.



Gambar 46 : Kawasan yang dikelilingi kawat berduri yang dipercayai tempat untuk diletakkan PATI yang ingkar serta enggan menurut perintah di Kem 6.

2.5.4 Ahli-ahli Suruhanjaya seterusnya bergerak turun dari Kem 6 menuju ke arah Taman Negeri Perlis (Gambar 47). Antara pemerhatian ahli-ahli Suruhanjaya adalah seperti yang berikut:

- i. jarak perjalanan antara Kem 6 ke Taman Negeri Perlis dianggarkan sejauh 4km dan mengambil masa selama 2 jam untuk tiba di kaki bukit Taman Negeri Perlis;
- ii. sepanjang laluan, ahli-ahli Suruhanjaya dibawa menuruni laluan anak sungai yang sedikit landai dan agak mudah untuk dilalui;
- iii. hutan dan semak samun kurang tebal berbanding di kawasan puncak bukit di kawasan Kem 6; dan
- iv. di penghujung perjalanan turun ke kaki bukit Taman Negeri Perlis, laluan sejauh 300m adalah berbatu kasar serta sedikit curam.



Gambar 47 : Laluan turun ke Taman Negeri Perlis dari Kem 6.

2.6 LAWATAN KE JALAN KESELAMATAN DAN PEMBANGUNAN (KESBAN) SEMPADAN MALAYSIA – THAILAND PADA 2 MEI 2019

2.6.1 Ahli-ahli Suruhanjaya telah membuat lawatan ke jalan keselamatan dan pembangunan (KESBAN) sempadan Malaysia-Thailand pada 2 Mei 2019. Perjalanan bermula pada jam 11.00 pagi dari FELDA Mata Ayer, Padang Besar, Perlis iaitu dari Pos SJR Taman Razi menghala ke Pos Tangga 100. Perjalanan sejauh 13km mengambil masa 25 minit untuk sampai ke Pos Tangga 100. Ahli-ahli Suruhanjaya telah menerima taklimat daripada PGA Batalion 1, Ulu Kinta yang telah ditugaskan di kawasan sempadan pada masa tersebut berkenaan keadaan kawasan sempadan dan penugasan pasukan keselamatan yang menjalankan tugas rondaan serta kawalan sempadan (Gambar 48). Antara pemerhatian ahli-ahli adalah seperti yang berikut:

- i. bermula dari Pos SJR Taman Razi, FELDA Mata Ayer, Padang Besar, Perlis melalui sepanjang sempadan, bentuk geografi kawasan berkenaan adalah berbukit tinggi yang sangat curam di antara Malaysia dan Thailand sehinggalah di kilometer 6.4;
- ii. bermula pada kilometer 6.4 sehingga ke Pos Tangga 100 sepanjang sempadan Malaysia-Thailand, ada dibina tembok batu dengan ketinggian dianggarkan lebih kurang 10 kaki dan terdapat kawat berduri di bahagian atasnya (Gambar 49);
- iii. sepanjang tembok di bahagian Thailand terdapat ladang pokok getah yang ditanam begitu hampir dengan tembok sempadan sehinggakan dahan pokok getah tersebut mencecah tembok sempadan;
- iv. manakala di bahagian Malaysia pula, terdapat jarak antara tembok iaitu terdapat jalan KESBAN dengan jarak anggaran 20 meter dari tembok; dan

- v. terdapat hanya 4 pos dan 3 menara tinjau yang menempatkan anggota dan pegawai PGA iaitu:
- a. Pos SJR Taman Razi, FELDA Mata Ayer, Padang Besar, Perlis yang menempatkan 3 anggota PGA;
 - b. di kilometer 10 terdapat satu pos kecil dan satu menara tinjau yang menempatkan 2 anggota PGA yang bertugas;
 - c. di kilometer 11.6 terdapat satu pos yang dikenali sebagai Pos TS 9 dan satu menara tinjau. Pos ini merupakan tempat pegawai dan anggota berehat dan makan (Gambar 50); dan
 - d. manakala di kilometer 13 iaitu Pos Tangga 100 terdapat satu menara tinjauan yang menempatkan 2 anggota PGA yang bertugas (Gambar 51 dan 52).



Gambar 48 : Taklimat pengoperasian oleh Pegawai PGA kepada delegasi Suruhanjaya berkenaan penugasan di kawasan KESBAN sempadan Malaysia – Thailand.



Gambar 49 : Tembok sempadan Malaysia-Thailand sepanjang kawasan Tangga 100 dengan anggaran ketinggian lebih kurang 10 kaki dan dilengkapi kawat berduri.



Gambar 50 : Menara tinjau TS 9 yang menempatkan anggota PGA yang bertugas di KESBAN.



Gambar 51 : Kawasan Pos Tangga 100 di jalan KESBAN sempadan Malaysia – Thailand.



Gambar 52 : Menara tinjau Pos Tangga 100 di jalan KESBAN sempadan Malaysia – Thailand.

2.6.2 Ahli-ahli Suruhanjaya kemudiannya telah menuju ke Bukit Kayu Hitam melalui jalan KESBAN. Sepanjang perjalanan, terdapat tembok dan pagar sempadan yang dibina sepanjang sempadan Malaysia-Thailand dan manakala terdapat beberapa pos pasukan keselamatan PGA di sepanjang sempadan. Bermula dari Pos SJR Taman Razi di FELDA Mata Ayer, Padang Besar, Perlis, laluan sempadan menuju ke Bukit Kayu Hitam sejauh 40 km mengambil masa lebih kurang 45 minit. Antara pemerhatian adalah seperti yang berikut:

- i. bermula dari Pos SJR Taman Razi, FELDA Mata Ayer, Padang Besar, Perlis, sepanjang perjalanan, terdapat kawasan hutan dan berbukit di sebelah Malaysia;
- ii. terdapat pagar besi 2 lapisan di sepanjang sempadan, yang sebahagiannya didapati terlalu uzur (Gambar 53 dan 54);
- iii. terdapat pagar sempadan 2 lapisan yang terlalu uzur sehingga menyebabkan terdapat kesan diganggu sehingga rosak dan berlubang besar di beberapa tempat sepanjang sempadan (Gambar 55);
- iv. lubang tersebut hanya ditutupi dengan kayu dan zink sahaja bagi mengelakkan pencerobohan berlaku tanpa kerja-kerja pembaikan teliti dilakukan;
- v. di sepanjang bahagian Thailand terdapat jalan raya 2 hala yang bersebelahan dengan pagar sempadan Malaysia-Thailand (Gambar 56); dan
- vi. pada kilometer 13.3 terdapat satu kawasan perumahan Thailand yang amat hampir dengan pagar sempadan. Terdapat tempat letak kereta perumahan, padang permainan kanak-kanak dan bangunan komersil hanya bersebelahan tembok (Gambar 57, 58 dan 59).



Gambar 53 : Pagar keselamatan dua lapisan di sepanjang sempadan jalan KESBAN sempadan Malaysia – Thailand.



Gambar 54 : Pagar keselamatan dua lapisan yang uzur di sepanjang sempadan jalan KESBAN sempadan Malaysia – Thailand.



Gambar 55 : Pagar keselamatan dua lapisan yang telah rosak di sepanjang sempadan Malaysia – Thailand menuju ke Bukit Kayu Hitam.



Gambar 56 : Di sepanjang bahagian Thailand terdapat jalan raya dua hala bersebelahan dengan pagar keselamatan Malaysia-Thailand.



Gambar 57 : Pembangunan perumahan Thailand yang amat hampir dengan pagar keselamatan sempadan Malaysia – Thailand.



Gambar 58 : Kawasan perumahan Thailand yang amat hampir dengan pagar keselamatan sempadan Malaysia – Thailand.



Gambar 59 : Bangunan komersil juga dibina hampir dengan pagar keselamatan sempadan Malaysia – Thailand berhampiran Pos BKC 7.



Gambar 60 : Rondaan keselamatan bermotosikal di kawasan KESBAN sempadan Malaysia – Thailand oleh anggota PGA.



Gambar 61 : Pos BKC 7, PGA.



Gambar 62 : Pos Kawalan PGA di KESBAN dengan kemudahan menara tinjau.



Gambar 63 : Lawatan delegasi Suruhanjaya ke jalan KESBAN selesai di Ibu Pejabat AKSEM Bukit Kayu Hitam, Kedah.

2.7 RUMUSAN LAWATAN KERJA KE BUKIT WANG BURMA, GENTING PERAH DAN JALAN KESELAMATAN DAN PEMBANGUNAN (KESBAN)

Bukit Wang Burma dan Genting Perah

2.7.1 Lawatan kerja ahli-ahli Suruhanjaya ke Bukit Wang Burma dan Genting Perah pada 14 sehingga 17 Mac 2019 dan 1 Mei 2019 mendapati bahawa di kawasan sempadan, bentuk muka bumi adalah lebih curam di sebelah Malaysia dan landai di sebelah Thailand. Ini dapat diperhatikan melalui tinjauan udara di kawasan tersebut. Selain itu, hutan di sebelah Malaysia juga adalah tebal manakala di sebelah Thailand, diperhatikan bahawa hutan adalah tidak tebal dan terdapat ladang getah.

2.7.2 Semasa perjalanan ke tapak kem di Bukit Wang Burma dan Genting Perah, pendakian di sebelah Malaysia adalah sukar dan hutan adalah tebal. Lualan dari Thailand pula adalah landai dan lebih mudah untuk ke kem tersebut, berdasarkan

makluman pegawai-pegawai JUPEM yang ditemui secara kebetulan di batu sempadan Malaysia-Thailand di Genting Perah.

2.7.3 Di kawasan sempadan Malaysia-Thailand yang dilawati, didapati ia mudah diakses dari sebelah Thailand kerana tiada pagar, tembok mahupun kawat berduri. Hanya batu-batu sempadan sahaja yang ada sebagai pemisah antara kedua-dua negara ini. Sepanjang pendakian, diperhatikan terdapat paip-paip saluran air berwarna hitam yang dipercayai merupakan sumber air ke kem. Anak sungai juga terdapat berhampiran dengan tapak-tapak kem tersebut. Kesan-kesan pokok yang ditebang juga tidak dijumpai sepanjang pendakian di Bukit Wang Burma dan Genting Perah dan di kawasan kem. Justeru, rumusan yang boleh dibuat ialah bahawa bahan-bahan binaan yang digunakan untuk membina kem-kem tersebut dibawa dari Thailand.

2.7.4 Tapak-tapak kem yang dilawati terletak jauh dari kawasan perkampungan di sebelah Malaysia tetapi didapati berhampiran dengan sempadan Malaysia-Thailand.

2.7.5 Di tapak-tapak kem yang dilawati, dijumpai barangan tinggalan seperti paket plastik makanan dan tin makanan kosong berlabel tulisan bahasa Thai, generator berlabel tulisan bahasa Thai dan 2 pin extension wire yang lazimnya digunakan di Thailand. Berdasarkan penemuan ini, dipercayai bahawa barangan ini dibawa dari Thailand untuk kegunaan di kem.

2.7.6 Selain itu, kesan-kesan tinggalan kem seperti kanvas, struktur-struktur tiang yang kukuh diperbuat daripada kayu dan kawasan dipagari kawat duri juga diperhatikan semasa lawatan ke tapak-tapak kem. Ahli-ahli Suruhanjaya mendapati bahawa kesan-kesan tinggalan kubur adalah terletak berdekatan dengan tapak-tapak kem.

Jalan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN)

2.7.7 Dari pemerhatian yang dibuat, rumusan ahli-ahli Suruhanjaya terdapat kelemahan infrastruktur yang perlu diperbaiki dan ditambah nilai seperti membaiki pagar dan pos kawalan yang telah uzur serta membina tembok di bahagian sempadan yang difikirkan kritikal dan wajar dari segi keselamatan untuk mengelakkan pencerobohan berlaku.

2.7.8 Selain itu, kedudukan rumah dan jalan raya warga Thai yang bersebelahan pagar sempadan memudahkan pembolosan dan aktiviti-aktiviti penyeludupan.

2.8 LAWATAN KERJA KE SEMPADAN MALAYSIA-THAILAND DI KELANTAN PADA 20 JULAI 2019

2.8.1 Suruhanjaya telah membuat tinjauan sempadan Malaysia-Thailand di Sungai Golok, Kelantan bermula dari Pengkalan Kubor ke Pos Pengkalan Pulau bertujuan mendapatkan gambaran menyeluruh kawalan sempadan darat bagi membantu Suruhanjaya membuat syor penambahbaikan.

2.8.2 Lawatan dimulakan dengan pergerakan ahli-ahli Suruhanjaya dari Kota Bharu ke Pejabat Polis Marin Pengkalan Kubor, Kelantan. Ahli-ahli Suruhanjaya ditaklimatkan mengenai pengoperasian Markas Operasi Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga, Pengkalan Kubor, Tumpat, Kelantan dalam mengekang aktiviti rentas sempadan dan penyeludupan di kawasan Pengkalan Kubor (Gambar 64) seperti yang berikut:

- i. Markas Operasi PPM Pengkalan Kubor mula beroperasi pada 12 September 2000 dan diketuai oleh Pegawai Polis berpangkat ASP dengan perjawatan 65 orang yang mempunyai pengisian perjawatan seramai 55 orang;
- ii. Markas Operasi PPM Pengkalan Kubor mempunyai aset sebanyak 7 buah bot dan bertanggungjawab ke atas kawasan Kuala Takbai sehingga Kuala Tok Bali dengan jarak 40.1 nautical miles (NM) serta sepanjang Sungai Golok dari Kuala Takbai ke Kubang Pak Itam dengan jarak 20.27km dan lebar sungai 15m-30m;
- iii. aktiviti penyeludupan yang sering berlaku di kawasan ini ialah penyeludupan barangan kawalan dan kontraban seperti bahan api, minyak masak, tepung gandum, rokok putih, minuman keras, beras, haiwan ternakan dan mercun;
- iv. ketika terdapat permintaan tinggi terhadap barangan tersebut, penyeludup akan membawa masuk barangan. Bagi mengelak daripada dikesan, tonto-tonto mengawal pergerakan penyeludup dengan

memerhati pergerakan pihak penguat kuasa yang mengawal di kawasan tersebut; dan

- v. dari tahun 2014 sehingga 2018, sebanyak 2,026 kes penyeludupan dan 416 orang ditangkap dengan jumlah nilai rampasan sebanyak RM 28,608,277.00 bagi pelbagai kesalahan penyeludupan. Daripada jumlah tersebut, hanya 8 kes dan 9 orang yang diambil tindakan di bawah Akta Imigresen 1959/63.

2.8.3 Ahli-ahli Suruhanjaya turut diberi taklimat berkenaan pengoperasian Operasi Wawasan Kelantan oleh PGA seperti yang berikut:

- i. penugasan Operasi Wawasan Kelantan dilancarkan pada 14 September 1995 dan pernah diambil alih oleh pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada 15 November 2010 sehingga 13 Mei 2012 dan 22 November 2012 sehingga 20 April 2019. Pada 20 April 2019, PGA mula mengambil alih penugasan Operasi Wawasan Kelantan;
- ii. Operasi Wawasan Kelantan merangkumi 32km di sepanjang Sungai Golok di antara kawasan Pengkalan Kubor sehingga Rantau Panjang dengan tujuan utama untuk mengekalkan keselamatan sempadan negara serta mencegah kegiatan pencerobohan dan jenayah rentas sempadan;
- iii. PGA mengawal keselamatan di kawasan ini di 17 buah pos statik, membuat sekatan jalan raya di dua lokasi, mengadakan Strike Force iaitu aktiviti risikan, menjalankan rondaan dengan menggunakan kereta atau motosikal atau berjalan kaki dan memantau serta meronda pangkalan haram;
- iv. ancaman yang dikenal pasti di kawasan ini ialah aktiviti penyeludupan senjata api, dadah, PATI dan kontraban, aktiviti kumpulan militan dan jenayah rentas sempadan lain seperti kecurian kenderaan;

- v. terdapat seramai 300 anggota penguatkuasaan iaitu 13 orang pegawai dan 287 anggota berpangkat rendah yang terlibat dengan penugasan ini. Setiap pos statik ditugaskan seramai 5 atau 6 orang anggota;
- vi. PGA turut bertugas di kompleks ICQS bagi menjaga keselamatan petugas-petugas serta keselamatan kompleks iaitu di ICQS Pengkalan Kubor seramai 18 orang anggota, ICQS Rantau Panjang seramai 19 orang anggota dan ICQS Bukit Bunga seramai 13 anggota;
- vii. sejak mengambil alih Operasi Wawasan Kelantan pada 20 April 2019, PGA telah mengesan 188 kes dengan nilai rampasan sebanyak RM 5,114,119.90 dan membuat 192 tangkapan. Pada 27 April 2019, seramai 42 orang warganegara Myanmar (33 orang lelaki dan 9 orang perempuan) telah ditangkap oleh PGA dalam satu operasi di kawasan Jeram Perdah; dan
- viii. walaupun di negeri Kelantan terdapat 3 pintu masuk yang sah iaitu ICQS Pengkalan Kubor, ICQS Rantau Panjang dan ICQS Bukit Bunga, laluan haram masih digunakan oleh individu-individu untuk melintasi sempadan Malaysia-Thailand di atas sebab-sebab yang berikut:
 - a. laluan melalui pangkalan haram adalah lebih dekat untuk ke lokasi yang ditujui;
 - b. tidak memiliki pasport atau dokumen perjalanan yang sah;
 - c. membawa barangan yang boleh dikenakan cukai atau produk yang tidak mendapat kelulusan;
 - d. membawa barangan terlarang seperti mercun dan bunga api;
 - e. mempunyai hubungan kekeluargaan di Malaysia dan Thailand. Ada di antaranya yang dikatakan mempunyai dwi-kerakyatan;
 - f. ketiadaan tembok sempadan menyebabkan aktiviti rentas sempadan mudah berlaku; dan
 - g. tiada kawasan "buffer zone" atau rezab sungai.



Gambar 64 : Sesi Taklimat di Markas Operasi Pasukan Polis Marin Wilayah Tiga, Pengkalan Kubor, Tumpat, Kelantan.

2.8.4 Ahli-ahli Suruhanjaya juga diberi taklimat oleh PPM dan PGA berkenaan keadaan sempadan semula jadi, iaitu Sungai Golok yang memisahkan Malaysia dan Thailand seperti berikut:

- i. keadaan Sungai Golok yang panjang iaitu 95km dan kelebaran yang kecil iaitu antara 20m – 50m menjadikan kawalan keselamatan sempadan sukar dan menyebabkan sindiket serta individu-individu mengambil kesempatan untuk menjalankan kegiatan yang menyalahi undang-undang;
- ii. terdapat 59 pangkalan dan stor haram yang dikenal pasti di sepanjang Sungai Golok. Pangkalan dan stor haram ini dibina di atas tanah persendirian dan dibina dengan dinding konkrit berketinggi lebih kurang 3m yang menyukarkan pihak penguat kuasa memantau aktiviti dalam bangunan tersebut;
- iii. stor-stor haram ini digunakan sebagai lokasi untuk transit barangan yang hendak diseludup masuk atau keluar dari Malaysia. Pihak penguat kuasa juga sukar untuk menangkap penyeludup dan hanya membuat

rampasan barangan sahaja kerana apabila serbuan dibuat, hanya barangan yang dijumpai dan tiada pemilik yang dapat dikesan;

- iv. pihak penguat kuasa sentiasa mengusulkan agar stor-stor haram ini dirobohkan supaya tidak digunakan lagi. Namun, pemantauan daripada pihak berkuasa tempatan masih kurang memuaskan; dan
- v. terdapat kawasan-kawasan yang tidak didiami dan tidak dikawal oleh pihak penguat kuasa yang dijadikan sebagai lorong tikus untuk aktiviti penyeludupan.

2.8.5 Seterusnya, ahli-ahli Suruhanjaya menaiki bot PPM dari Markas Operasi Pengkalan Kubor ke Pos Pengkalan Pulau, Kubang Pak Itam (kawasan tanggungjawab PPM) menyusuri sepanjang Sungai Golok yang mengambil masa lebih kurang 30 minit dan jarak kira-kira 20km (Gambar 65). Antara pemerhatian ahli-ahli Suruhanjaya di sepanjang Sungai Golok adalah seperti yang berikut:

- i. jarak di antara tebing sungai di sebelah Malaysia dengan tebing sungai di sebelah Thailand adalah dekat (Gambar 66);
- ii. keadaan Sungai Golok adalah agak tenang dan bot kecil mudah untuk merentas sungai;
- iii. terdapat perumahan yang dibina berdekatan dengan sungai di kedua-dua belah tebing. Ada di antara perumahan yang mempunyai bot kecil atau perahu yang dipercayai milik persendirian (Gambar 67);
- iv. terdapat struktur pangkalan bagi bot berlabuh yang dibina di sepanjang tebing sungai (Gambar 68, 69 dan 70);
- v. terdapat struktur baru di tebing sungai sebelah Thailand yang boleh dijadikan tempat bot berlabuh (Gambar 71); dan
- vi. dalam perjalanan dari Pengkalan Kubor ke arah hulu sungai, rumah-rumah semakin berkurangan dan kawasan belukar mula kelihatan.



Gambar 65 : Pengkalan Markas Operasi PPM Pengkalan Kubor.



Gambar 66 : Tebing sungai di sebelah Malaysia dan tebing sungai di sebelah Thailand yang dekat.



Gambar 67 : Perumahan yang dibina di tebing sungai. Terdapat bot kecil atau perahu yang dipercayai milik persendirian.



Gambar 68 : Struktur pangkalan di sebelah Malaysia.



Gambar 69 : Struktur pangkalan di sebelah Thailand.



Gambar 70 : Struktur pangkalan dan perahu di sebelah Thailand.



Gambar 71 : Struktur baru di tebing sungai sebelah Thailand yang boleh dijadikan tempat bot berlabuh.

2.8.6 Dari Pos Pengkalan Pulau, ahli-ahli Suruhanjaya seterusnya menaiki kenderaan ke ICQS Rantau Panjang untuk mendengar taklimat berkenaan pengoperasian ICQS oleh Pengarah Imigresen Negeri Kelantan (Gambar 72, 73 dan 74) seperti yang berikut:

- i. Rantau Panjang merupakan pintu masuk darat utama yang menghubungkan Kelantan dan Thailand merentasi Sungai Golok (Gambar 75). Pintu masuk ini mula beroperasi sejak 1 September 1949 sebagai Pos Imigresen Rantau Panjang;
- ii. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) di Kompleks ICQS Rantau Panjang mempunyai 66 orang staf yang diketuai oleh seorang Pegawai Imigresen Gred KP42;
- iii. terdapat 13 lorong pemeriksaan seperti berikut:
 - a. lorong untuk pejalan kaki dengan 2 lorong masuk ke Malaysia dan 2 lorong keluar ke Thailand;

- b. lorong untuk lori atau bas dengan lorong masuk dan keluar setiap satu;
 - c. lorong untuk motosikal dengan 2 lorong masuk ke Malaysia dan 1 lorong keluar ke Thailand; dan
 - d. lorong untuk kereta dengan 2 lorong masuk ke Malaysia dan 2 lorong keluar ke Thailand.
- iv. terdapat 12 kaunter pemeriksaan Imigresen yang beroperasi dari 6.00 pagi sehingga 10.00 malam. Di ICQS ini juga terdapat kaunter bagi membuat dokumen perjalanan yang beroperasi pada waktu pejabat;
- v. selain JIM, terdapat pelbagai agensi yang bertugas di ICQS ini iaitu:
- a. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM);
 - b. Bahagian Kawalan Perjalanan, PDRM;
 - c. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);
 - d. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK);
 - e. Pasukan Gerakan Am (PGA)
 - f. Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS);
 - g. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
 - h. Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA);
 - i. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN);
 - j. Penguat Kuasa Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia;
 - k. Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan, Kementerian Dalam Negeri (PKK); dan
 - l. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

- vi. ICQS Rantau Panjang menggunakan alat pengimbas pasport, pengimbas biometrik, sistem autogate, sistem MyIMMS dan pencetak FID;
- vii. kawasan kompleks dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan seperti yang berikut:
 - a. dikelilingi oleh tembok berketinggian 11 kaki;
 - b. pencahayaan oleh 3 unit lampu limpah dan 30 unit lampu jalan;
 - c. 30 closed-circuit television (CCTV) yang kadang kala tidak berfungsi sepenuhnya;
 - d. 1 unit genset yang berfungsi secara automatik apabila terdapat gangguan bekalan elektrik; dan
 - e. jeriji besi di semua pintu masuk ke pejabat utama.
- viii. jumlah kemasukan di ICQS didapati telah menurun sejak tahun 2014 dengan penurunan secara mendadak dari tahun 2016 ke 2017 sebanyak 44%. Pihak JIM Negeri Kelantan telah memaklumkan bahawa penurunan ini adalah disebabkan oleh penguatkuasaan undang-undang yang ketat oleh AKSEM pada tahun-tahun tersebut;
- ix. jumlah tangkapan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dari tahun 2018 sehingga Jun 2019 adalah seramai 7 orang bagi kesalahan tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah, tinggal lebih masa dan pemalsuan atau pemindaan dokumen perjalanan;
- x. kerjasama di antara Malaysia dengan Thailand adalah baik melalui lawatan kerja, mesyuarat dan sesi dialog yang diadakan secara berkala;
- xi. ICQS Rantau Panjang menghadapi beberapa masalah fizikal dan aset seperti yang berikut:
 - a. laluan sempit di lorong kenderaan mengganggu kelancaran trafik dan menyebabkan proses pemeriksaan Imigresen menjadi lambat;

- b. CCTV sedia ada kebanyakannya sudah tidak berfungsi dan memerlukan penambahan unit baru kerana terdapat beberapa lokasi yang berisiko yang tidak ditempatkan CCTV;
 - c. kebanyakan lampu di sekitar kompleks tidak berfungsi. Pembaikan dan pendawaian semula perlu dibuat; dan
 - d. pagar utama yang berkarat dan rosak menyukarkan pegawai-pegawai kawalan untuk membukanya;
- xii. pihak JIM Kelantan memaklumkan bahawa Pusat Tahanan Imigresen yang terdekat ialah di Tanah Merah yang mempunyai kapasiti seramai 550 orang. Pusat tersebut digunakan untuk menahan sementara PATI sebelum pengusiran dibuat. Bagi orang Rohingya dari Myanmar yang disahkan status dan mendapat kad United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR), PATI tersebut akan dihantar kepada pihak mereka; dan
- xiii. pemeriksaan dijalankan secara berasingan mengikut peranan agensi masing-masing. Bagi memastikan pengoperasian di ICQS berjalan dengan lancar, pihak JIM Kelantan menyatakan bahawa mesyuarat dengan ketua-ketua agensi sering diadakan.



Gambar 72 : Kompleks ICQS Rantau Panjang.



Gambar 73 : Sesi taklimat di ICQS Rantau Panjang.



Gambar 74 : Lorong ke arah Malaysia yang lebih banyak kenderaan.



Gambar 75 : Laluan masuk adalah merentas Sungai Golok.

2.8.7 Ahli-ahli Suruhanjaya turut meninjau sekatan jalan raya yang dijalankan oleh AKSEM yang terletak kira-kira 5km dari ICQS Rantau Panjang (Gambar 76). Sekatan jalan raya ini dijalankan secara 24 jam bagi memeriksa semua kenderaan dan penumpang yang berulang-alik ke sempadan (Gambar 77).



Gambar 76 : Pejabat AKSEM Rantau Panjang.



Gambar 77 : Sekatan Jalan Raya AKSEM.

2.9 RUMUSAN LAWATAN KERJA KE SEMPADAN MALAYSIA-THAILAND DI KELANTAN

2.9.1 Lawatan ahli-ahli Suruhanjaya ke Kelantan ini telah memberi gambaran sebenar budaya sempadan penduduk yang menetap di kawasan sempadan di sebelah Malaysia mahupun di sebelah Thailand. Ahli-ahli Suruhanjaya dapat memerhatikan bahawa terdapat permintaan penduduk di sempadan untuk keluar masuk melalui sempadan Malaysia-Thailand dan pergerakan ini adalah amat giat dijalankan. Ia juga merupakan sumber ekonomi serta sebahagian daripada aktiviti rakyat tempatan. Ini menyerupai aktiviti penduduk Wang Kelian sebelum tahun 2015 iaitu sebelum penemuan kem dan kubur di Bukit Wang Burma dan Genting Perah.

2.9.2 Semasa lawatan, pihak penguat kuasa juga memaklumkan bahawa salah satu sebab perobohan stor-stor haram oleh pihak berkuasa tempatan sukar dilaksanakan adalah juga disebabkan oleh respons daripada orang tempatan. Oleh itu, pihak berkuasa tempatan lebih kerap mengeluarkan kompaun daripada mengambil tindakan perobohan stor.

2.9.3 Walaupun begitu, aktiviti penyeludupan barangan terkawal dan manusia melalui sempadan ini perlu sentiasa dikawal agar tidak mengancam keselamatan dan kedaulatan Negara. Meskipun pada masa ini, kem transit penyeludupan migran tidak dijumpai di sempadan Malaysia-Thailand di Kelantan ini, tidak dinafikan bahawa sindiket yang terlibat dalam penyeludupan di sepanjang Sungai Golok ini berkemungkinan juga berkait dengan sindiket penyeludupan di Wang Kelian dan modus operandi yang diguna pakai juga mungkin sama.

2.9.4 Daripada pemerhatian ahli-ahli Suruhanjaya, didapati bahawa sempadan semula jadi Malaysia-Thailand di sepanjang Sungai Golok merupakan suatu cabaran bagi agensi penguatkuasaan untuk mengawal keselamatan terutamanya

daripada aktiviti penyeludupan barangan terkawal dan manusia. Sungai Golok yang panjangnya 95km dan tiada tembok sempadan menyukarkan kawalan dan pemantauan keselamatan. Lebar Sungai Golok yang kecil juga merupakan suatu keadaan yang boleh diambil kesempatan oleh sindiket dan individu-individu yang terlibat dalam kegiatan penyeludupan.

2.9.5 Penugasan agensi-agensi penguatkuasaan di sepanjang sempadan Sungai Golok ini juga serupa dengan penugasan di Wang Kelian di mana PGA diberi tanggungjawab untuk mengawal sempadan dan kedua-duanya mempunyai cabaran dari segi bentuk muka bumi yang perlu diatasi. Penugasan 6 atau 7 orang anggota di satu pos PGA perlu ditambah kerana kawasan yang perlu dikawal adalah amat luas dan ciri-ciri semula jadi juga menyukarkan pengesanan, terutamanya di laluan tikus yang tidak mempunyai penduduk. Bantuan peralatan moden seperti CCTV dan pembinaan tembok di sempadan juga merupakan antara cadangan penambahbaikan yang dikemukakan oleh petugas-petugas di sempadan ini.

2.9.6 Isu pembinaan dan penggunaan bangunan sebagai stor-stor haram di tebing sungai juga perlu ditangani dengan tegas dan memerlukan sokongan daripada wakil-wakil tempatan. Tanpa menyelesaikan kewujudan stor haram, isu penyeludupan barangan terkawal akan sentiasa berlaku dan sindiket yang terus menjalankan kegiatan ini akan membuka ruang kepada kegiatan penyeludupan migran untuk turut berleluasa.

2.9.7 Daripada taklimat yang diberikan oleh agensi penguatkuasaan dan pemerhatian ahli-ahli Suruhanjaya, kedua-dua kompleks ICQS perlu dinaik taraf agar kondusif untuk operasi harian, mempunyai bekalan utiliti yang tidak terputus dan mempunyai sistem pemantauan melalui CCTV yang berfungsi dengan baik. Pihak penguat kuasa juga mengakui terdapat kelemahan dari segi kerjasama dan koordinasi di antara Jabatan dan Agensi yang bertugas di sempadan ini. Oleh itu,

kerjasama, pertukaran maklumat dan koordinasi antara agensi perlu ditingkatkan bagi memastikan kawalan sempadan yang mencabar ini dapat dilaksanakan dengan lebih efektif.

2.9.8 Anggota-anggota penguat kuasa juga perlu dilatih untuk menjalankan siasatan di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] bagi kes PATI yang ditangkap dan bukannya sekadar mengambil tindakan di bawah Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155] sahaja bagi membolehkan pengesanan dan pencegahan aktiviti pemerdagangan orang dan penyeludupan migran oleh sindiket.

BAB 3 PENDENGARAN AWAM

3.1 PENDAHULUAN

3.1.1 Pendengaran awam telah diadakan selama 17 hari antara 17 April 2019 sehingga 18 Jun 2019 di Dewan Gemilang, Kementerian Dalam Negeri, Aras G, Blok D1, Kompleks D, Putrajaya. Seramai 48 orang saksi telah dipanggil yang terdiri daripada anggota keselamatan, penjawat awam, orang awam, PATI dan pengamal media. Di samping itu, Suruhanjaya juga menerima keterangan melalui deposisi PATI yang telah diusir dan rekod prosiding Mahkamah.

3.2 KRONOLOGI PENEMUAN KEM DAN KUBUR DI BUKIT WANG BURMA DAN GENTING PERAH

Berikut adalah kronologi mengenai penemuan kem dan kubur di Wang Kelian, Perlis berdasarkan keterangan saksi-saksi yang dipanggil oleh Suruhanjaya:

Penemuan di Bukit Wang Burma

3.2.1 Penemuan kem dan kubur di Wang Kelian, Perlis bermula dengan penemuan kem di Bukit Wang Burma oleh Koperal Mat bin Ten (S1) daripada Kompeni B, Batalion 3, PGA, Bidor yang telah diarah melaksanakan rondaan di kawasan Operasi Wawasan Kedah-Perlis. Antara jam 2 pagi hingga jam 12 tengah hari pada 18 Januari 2015, semasa melaksanakan rondaan bersama Lans Koperal Syafiq, mereka menemui satu laluan daripada jalan raya menghala ke bukit dan mereka telah mengikuti jalan tersebut memasuki hutan sejauh lebih kurang 300 meter. Mereka menemui kesan tinggalan manusia seperti kain baju dan kasut di kawasan tersebut. Mereka kemudian turun ke pos kawalan PGA dan S1 memaklumkan tentang penemuan itu kepada Koperal Yusof Islam bin Hassan (S2), Seksyen Komander, Batalion 3, PGA.

3.2.2 Pada 19 Januari 2015, S1 naik semula ke lokasi bersama S2 dan menjumpai suatu menara kawalan berdekatan pencawang telekomunikasi. Menara tersebut berada di atas pokok dan diperbuat daripada kayu dengan saiz yang boleh diduduki oleh 2 individu serta terdapat lorong tikus di sebelahnya untuk naik ke Bukit Wang Burma. Kesan tapak kasut yang masih baru turut dijumpai berhampiran dengan menara tersebut. Setelah sejam setengah perjalanan masuk ke dalam hutan, S1 dan S2 tiba di kawasan yang curam dan menjumpai laluan balak lama yang boleh dilalui oleh motosikal. Perjalanan ke sebelah kanan membawa mereka ke arah sempadan Malaysia – Thailand sehingga menjumpai batu sempadan dan laluan tersebut boleh sampai ke Thailand.

3.2.3 Lebih kurang 200 meter dari sempadan di sebelah Thailand, terdapat 1 rumah papan yang menyimpan stok makanan seperti beras, sardin, ikan bilis, bawang dan minyak masak. Mereka kemudian bergerak balik ke arah Malaysia mengikut laluan yang ditemui tadi dan menjumpai kem yang disyaki penempatan pertama PATI. Kem kedua ditemui di sebelah kanan kem pertama manakala kem ketiga pula, yang mempunyai dawai dan kawat besi ditemui semasa berpatah balik untuk mencari jalan pulang.

3.2.4 Semasa perjalanan turun dari bukit, mereka terdengar bunyi air dan meneruskan perjalanan mengikut bunyi tersebut ke anak sungai. Ketika hendak minum air sungai, S1 ternampak buih lalu mengambil air untuk dihidu dan mendapati buih tersebut berbau sabun. Bagi mendapatkan kepastian, S1 naik menyusuri anak sungai dan ternampak seorang wanita sedang membasuh dan seorang lelaki yang sedang berbaring di dalam buai di menara kawalan serta kedengaran bunyi generator. Wanita tersebut tidak menyedari kehadiran S1 pada ketika itu. S1 turut menemui 1 pondok dan beliau kemudiannya masuk ke dalam dan mendapati adanya barang-barang di dalamnya.

3.2.5 Hasil tinjauan mendapati terdapat juga menara kawalan yang terletak di atas pokok dengan pintu yang berkunci dan dihubungkan antara satu sama lain dengan pelantar. Turut kelihatan ialah 4 buah pos pengawal di setiap bucu dan setiap satunya dikawal oleh seorang individu serta 3 buah khemah dua tingkat yang dikelilingi dengan kawat duri. Tingkat bawah khemah didiami oleh PATI lelaki. S1 juga mendapati pengawal menggunakan bahasa Thai untuk berkomunikasi antara satu sama lain.

3.2.6 S1 kemudian bergerak turun untuk memaklumkan penemuan tersebut kepada S2. Mereka turun ke pos Wang Kelian dan tiba lebih kurang jam 11 pagi. S2 menghubungi ASP Joeking A/L M. Marian Anthony (S5), Komander Kompeni B, Batalion 3, PGA untuk memaklumkan penemuan tersebut. Lebih kurang jam 12 tengah hari, S5 menghubungi kembali S2 dan memberi arahan untuk bersedia naik ke atas untuk membuat tinjauan pada hari yang sama. S5 merancang 3 kumpulan bagi tujuan tersebut seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 yang berikut:

PASUKAN	PASUKAN
PASUKAN 1	membuat tinjauan dan serbuan (counter react) (jika perlu)
PASUKAN 2	cut-off di kaki bukit Bukit Wang Burma yang bertanggungjawab membuat tangkapan jika ada yang melarikan diri dari atas bukit
PASUKAN 3	berada di pos Wang Kelian bagi membantu Pasukan 1 dan Pasukan 2

Jadual 1: Pecahan Pasukan PGA

3.2.7 Pasukan 1 yang diketuai oleh Inspektor Mohd Mossadique bin Azni (S3), Platun Komander 5, Kompeni B, PGA bersama 9 anggota PGA termasuk S1 dan S2 telah memulakan tinjauan pada jam lebih kurang 2 petang. Pada jam lebih kurang 4 petang, apabila sampai berdekatan kawasan kem penempatan, S1 ternampak seorang wanita sedang melihat telefon bimbit dan tiba-tiba wanita itu bangun dan melihat sekeliling kawasan khemah dengan air muka yang cemas lalu terus menjerit "Polis! Polis!". Pada masa itu, barulah disedari terdapatnya ramai individu lain yang berada di kem tersebut. PATI dilihat dan didapati bertindak memanjat dan memecahkan pagar/bumbung kanvas untuk lari dan kebanyakannya lari ke arah Malaysia.

3.2.8 Rancangan untuk meninjau telah bertukar menjadi serbuan setelah kehadiran mereka diketahui. S5 mengarahkan pasukan untuk menggeledah kawasan tersebut dan menangkap sesiapa yang dijumpai. S3 yang berada di lokasi mengeluarkan arahan geledah kepada semua anggota untuk mencari orang di kawasan itu. Hasil penggeledahan dan pemeriksaan terhadap penempatan tersebut mendapati banyak khemah yang telah kosong. S1 bersama S2 memecahkan mangga kunci khemah yang menempatkan 6 orang PATI menggunakan parang dan tukul yang ditinggalkan serta mengetuk dengan menggunakan batu untuk membebaskan PATI tersebut. Ada di antara mereka yang mempunyai kesan-kesan luka pada badan serta seorang PATI didapati sakit. Mereka dibawa turun ke pos Wang Kelian. S1 telah menyerahkan barangan yang dirampas kepada S3 seperti yang berikut :

- i. Buku nota dalam bahasa Thai (Gambar 78);
- ii. Handphone dan 3 unit simcard (Gambar 79);
- iii. Lesen memandu Thailand (Gambar 80); dan
- iv. VCD/DVD player dan CD.



Gambar 78: Buku nota dalam bahasa Thai.



Gambar 79: Handphone dan 3 unit simcard.



Gambar 80: Lesen memandu Thailand.

3.2.9 Kesemua PATI yang ditangkap adalah seramai 38 orang. Mereka terdiri daripada 22 orang warganegara Bangladesh dan 16 orang warganegara Myanmar. Mereka dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Padang Besar. Laporan polis telah dibuat di IPD Padang Besar oleh S5. Seterusnya PATI diserahkan kepada pihak Imigresen Kangar untuk tindakan lanjut. Operasi pada hari tersebut telah selesai pada jam lebih kurang 4.00 pagi.

3.2.10 Pada 20 Januari 2015, satu sidang media telah diadakan oleh ACP Khaw Kok Chin dihadiri oleh Supt. Wan Hamzah bin Hj. Wan Kadir (S14), Pegawai Pemerintah Batalion 3, PGA dan DSP Sivanganam @ Thiruganam A/L Sathisivam (S6), Penolong Pegawai Pemerintah, Batalion 3, PGA mengenai penangkapan PATI dan penemuan kem di kawasan Bukit Wang Burma, Wang Kelian, Perlis.

3.2.11 Pada hari yang sama, S5 telah memberi taklimat dalam Mesyuarat Bulanan Bersama Ketua Polis Perlis yang dipengerusikan oleh ACP Md Zukir bin Md Isa (S13), Timbalan Ketua Polis Perlis di IPD Perlis. Dalam taklimat tersebut, S5 telah memaklumkan mengenai tangkapan seramai 38 PATI dan penemuan kem

berpagar di Bukit Wang Burma yang mempunyai 6 khemah. S13 telah memberi arahan supaya kem tersebut dimusnahkan agar kem tidak boleh lagi digunakan oleh PATI pada masa akan datang.

3.2.12 Susulan daripada itu, pada 21 Januari 2015, satu pasukan yang terdiri daripada 30 orang anggota termasuk daripada Cawangan Risik Briged Utara yang diketuai oleh S6 telah menjalankan operasi pemusnahan kem di Bukit Wang Burma.

3.2.13 Gambar-gambar kem telah diambil sebelum pemusnahan dilakukan. Operasi bermula dengan membakar kanvas-kanvas yang berada di atas khemah dan pada masa yang sama, tinjauan di sekitar kawasan kem tersebut turut dilakukan. Semasa tinjauan, mereka menjumpai kawasan yang mempunyai struktur menyerupai kubur yang terletak pada kedudukan lebih kurang 50 meter hingga 70 meter dari kem. Operasi pemusnahan diberhentikan sebaik sahaja menemui struktur menyerupai kubur tersebut ditemui.

3.2.14 Laporan Polis telah dibuat oleh S5 berkaitan dengan pemusnahan kem dan penemuan kubur pada 22 Januari 2015 di IPD Padang Besar.

3.2.15 S6 dalam keterangannya memaklumkan bahawa beliau telah mengemukakan laporan bertulis bertajuk Laporan Perjumpaan Kem Sementara PATI di Bukit Burma Wang Kelian Perlis bertarikh 23 Januari 2015 mengenai insiden tersebut kepada Komander Briged Utara serta disalinkan kepada Ketua Polis Perlis, Ketua Polis Kedah, Majlis Keselamatan Negara Negeri Perlis, Unit Risikan Sempadan Negeri Kedah-Perlis, Batalion 3 dan Markas Taktikal 5.

3.2.16 Pada 23 Januari 2015, ASP Wan Ahmad Hamirudeen bin Wan Ahmad (S19), Pegawai Turus E6 Cawangan Khas Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perlis bersama pegawai daripada Cawangan Khas IPK Perlis, IPD Padang Besar serta Cawangan Jenayah IPD Padang Besar dan PGA telah mendaki Bukit Wang Burma bagi tujuan pengesahan kem. Semasa pendakian, 4 kem telah ditemui. Kem 1, 2 dan 3 adalah kem yang telah ditinggalkan manakala di kem 4 terdapat kesan khemah dibakar dan berselerak termasuk sejumlah struktur tanah yang menyerupai kubur. Semasa perjalanan turun, 1 lagi kem telah dijumpai yang didapati kosong dan telah lama ditinggalkan.

3.2.17 Daripada pemerhatian S19, kem 1 ditinggalkan atas sebab tiada sumber air, kem 2 dan kem 3 cuba dibina semula disebabkan terdapat sumber air iaitu anak sungai dan kem 4 terletak berdekatan anak sungai. Kem 5 terletak di kawasan yang ditinggalkan dengan struktur khemah telah uzur.

3.2.18 Mereka turun ke IPD Padang Besar setelah mereka mengesahkan penemuan struktur kubur tersebut. S19 menerima sejumlah dokumen yang diserahkan oleh ASP Jamaluddin Shah bin Mohd Jawan (S7), Pemangku Ketua Cawangan Khas Daerah IPD Padang Besar dalam bentuk buku dan helaian kertas dan memaklumkan dokumen tersebut diperolehi daripada ASP Azizie bin Mohd (S4), Pegawai Tatatertib Batalion 3, PGA, Bidor pada 29 Januari 2015. Analisis dokumen mendapati terdapatnya beberapa nama, nombor telefon dan akaun bank di Malaysia dan luar negara.

Penemuan di Genting Perah

3.2.19 Hasil daripada penemuan ekshibit pada Januari 2015 serta maklumat risikan dan siasatan yang telah dijalankan, pihak Cawangan Khas mempercayai wujudnya kem-kem lain di kawasan sempadan Malaysia-Thailand. Pada Februari 2015, pihak Cawangan Khas telah berhubung dengan VAT 69 untuk mendapatkan bantuan bagi meninjau seluruh kawasan tanggungjawab untuk mencari sekiranya ada lagi kem-kem penempatan yang lain. Maklumat risikan mendapati kawasan-kawasan tersebut dijadikan laluan untuk PATI.

3.2.20 S7 memaklumkan bahawa maklumat mengenai aktiviti penyeludupan migran diperoleh daripada sumber maklumat dan temu duga terhadap PATI. Maklumat yang diperoleh ketika itu tidak menyatakan wujudnya kem di kawasan Malaysia namun terdapat kem yang terletak di kawasan Thailand.

3.2.21 Inspektor Mohamad Afiq bin Sarmid (S17), Komander Troop 8, Skuadron Charlie, VAT 69 terlibat dalam operasi Cawangan Khas IPK Perlis bermula dari 9 hingga 13 Mac 2015. Operasi ini adalah untuk membantu mengesahkan kewujudan penempatan di kawasan Genting Perah. Pada 10 Mac 2015, S17 mengetuai 4 kumpulan bergerak ke Mess Pegawai Kanan IPK Perlis di mana di situ telah diwujudkan MARTEK bagi operasi yang dijalankan dan pasukan mula bergerak masuk ke kawasan operasi pada jam 2 pagi pada 11 Mac 2015. 1 tapak khemah yang dibina daripada kayu dan telah ditinggalkan dijumpai pada 13 Mac 2015. Hanya struktur binaan termasuklah tiang-tiang dan rangka bumbung yang ditemui namun tiada barang atau orang (Gambar 81). Daripada pemerhatian pasukan, terdapat lebih kurang 14 khemah di kawasan tapak tersebut dan khemah ini berada lebih kurang 100 meter jaraknya dari sempadan Malaysia-Thailand.



Gambar 81 : Struktur binaan kem yang ditemui di Bukit Genting Perah.

3.2.22 Semasa operasi tersebut juga, salah satu kumpulan daripada VAT 69 telah terserempak dengan 5 individu yang mencurigakan lebih kurang 200 meter dari khemah yang dijumpai. Pemeriksaan terhadap 5 individu tersebut telah dibuat dan mendapati mereka mempunyai barang terlarang (senjata) dan ada di antaranya tidak mempunyai dokumen. Seorang daripadanya mempunyai identiti yang tercatat warganegara Thailand.

3.2.23 Selepas dimaklumkan kepada MARTEK, arahan yang diterima adalah untuk berundur dan menyerahkan tangkapan serta maklumat-maklumat berkenaan penemuan tapak khemah tersebut kepada Cawangan Khas. Kesemua tangkapan dibawa turun ke kawasan Taman Negeri Perlis dan diserahkan kepada Inspektor Muhammad Husyairi bin Musa (S18), Inspektor Risikan Operasi.

3.2.24 Hasil siasatan mendapati 2 daripada tangkapan adalah warganegara Thailand manakala 3 lagi adalah warganegara Myanmar sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 2 seperti yang berikut.

OKT	NAMA	WARGANEGARA
1	Biau Wong Chumpo	Thailand
2	Suriyan Saengmak	Thailand
3	Yahya Lalaya	Myanmar
4	Shahidullah	Myanmar
5	Momotin	Myanmar

Jadual 2: Senarai nama Orang Kena Tahan (OKT)

3.2.25 Sepucuk pistol Smith & Wesson dan kelopak kosong beserta 1 uncang mengandungi 12 butir peluru dirampas daripada OKT 1, wang tunai RM 410.00 dan THB 100 daripada OKT 2 dan sebilah parang berukuran 1 kaki daripada OKT 3. OKT kemudian dibawa ke IPD Padang Besar untuk tindakan dan siasatan lanjut di bawah seksyen 8 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [Akta 37], seksyen 8(a) Akta Senjata 1960 [Akta 206], seksyen 6(3) Akta Imigresen 1959/63 dan seksyen 6(1) Akta Bahan Kakisan dan Letupan Senjata Berbahaya 1958 [Akta 357]. Laporan polis dibuat oleh S18 pada 14 Mac 2015 jam 12.29 pagi dan OKT diserahkan kepada pegawai penyiasat ASP Junaidy bin Md Saad (S11), Ketua Bahagian Siasatan Jenayah IPD Padang Besar.

3.2.26 Pada 8 Mei 2015, ASP Mohd Yusof bin Ariffin (S45), Komander Troop 12D Skuadron, VAT 69 telah mendapat arahan daripada Superintenden Mancha anak Ata iaitu Pegawai Turus Risik/Gerakan 69 Komando untuk membantu PGA Briged Utara bagi penugasan Strike Force dan Ronda Geledah.

3.2.27 S45 dan pasukan telah membuat tinjauan kawasan di sekitar Wang Kelian terutamanya di kawasan-kawasan yang merupakan laluan masuk PGA untuk naik ke atas Genting Perah pada 11 Mei 2015 dan 12 Mei 2015.

3.2.28 Pada 13 Mei 2015, S45 dan pasukan telah masuk ke kawasan hutan Genting Perah melalui Pos PGA Simpang 5 dan bergerak mengikuti kesan-kesan tinggalan seperti potongan anak pokok serta kesan laluan manusia. Penugasan selesai pada 15 Mei 2015 dan sebanyak 16 kem telah ditemui di Genting Perah.

3.2.29 Menurut S19, Operasi Wawasan Khas telah dilancarkan oleh Ketua Polis Negara. Bukit Aman mengambil alih siasatan kes pada bulan Mei 2015. Walau bagaimanapun, siasatan masih merupakan usaha sama Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Forensik dan Cawangan Khas PDRM.

Penemuan Kedua di Bukit Wang Burma

3.2.30 Pada 15 Ogos 2015, S7 bersama pasukan daripada Cawangan Khas IPD Padang Besar dan Cawangan Khas IPK Perlis menjalankan rondaan di kawasan Wang Burma, Wang Kelian. Hasil pemeriksaan di lokasi tersebut, kem PATI dengan 6 rangka manusia di dalam kem yang diperbuat daripada kayu dan ditutup dengan kanvas telah ditemui. Selain itu, mereka turut menemui 20 struktur dipercayai kubur lebih kurang 50 meter dari kem tersebut. Saiz kem Wang Burma kedua adalah lebih kecil berbanding kem Wang Burma pertama dan kem dikelilingi dengan kawat berduri. Susulan dengan penemuan ini, satu laporan polis telah dibuat oleh S7 pada keesokan hari.

3.2.31 Pada 24 Ogos 2015, pasukan yang terdiri daripada Cawangan Khas, IPD Padang Besar, IPK Perlis dan Forensik naik ke kawasan kem yang ditemui tersebut untuk membuat pengecaman kubur.

3.3 PENGGALIAN KUBUR DAN PENGESAHAN MAYAT

Operasi Penggalian Kubur dan Pengesahan Mayat

3.3.1 Pada 6 Mac 2015, berdasarkan maklumat yang disalurkan oleh pihak Cawangan Khas IPD Padang Besar, Superintendent Rizani Bin Che Ismail (S12), Ketua Polis Daerah Padang Besar telah mengetuai misi khas bagi mengenal pasti sama ada terdapat atau tidak mayat di dalam struktur tanah yang menyerupai kubur di atas Bukit Wang Burma. Turut bersama S12 ialah S11, Pasukan Forensik IPD Padang Besar yang diketuai oleh Inspektor Bahar dan anggota Cawangan Khas IPD Padang Besar. Penggalian dilakukan pada kedalaman lebih kurang satu kaki oleh pasukan forensik yang telah menjumpai kain kafan berwarna putih yang mengandungi mayat dan telah mula mengalami proses pereputan serta berbau busuk di bahagian usus dan perut. Pasukan forensik pada masa itu mengambil gambar mayat dan kemudiannya menimbus kembali kubur yang telah digali kerana arahan yang diterima daripada S12 pada ketika itu hanya sekadar untuk membuat pengesahan sama ada terdapat mayat atau tidak. Berdasarkan S12, beliau telah mendapat arahan daripada Dato' Zul Aznam bin Haron (S16), Ketua Polis Negeri Perlis untuk menangguhkan (hold on) tindakan siasatan.

3.3.2 Pada 8 Mac 2015, di atas arahan S12, satu kertas siasatan Laporan Mati Mengejut (LMM) ke atas mayat yang dijumpai di dalam kubur di atas Bukit Wang Burma tersebut telah dibuka. Siasatan lanjut tidak diteruskan kerana proses bedah siasat tidak dapat dilakukan kerana mayat masih berada di atas Bukit Wang Burma.

3.3.3 Sepanjang Operasi Wawasan Khas dilancarkan bermula pada 24 Mei 2015 sehingga 16 Jun 2015, SAC Azari bin Hj. Abd. Rahman (S37), Ketua Bahagian D10, Bahagian Fizikal Makmal Forensik, PDRM Bukit Aman, telah dipertanggungjawabkan untuk mencari dan menggali mayat serta rangka manusia. Unit Siasatan Tempat Kejadian Jenayah, Unit Siasatan Analisis Cap Jari, Unit Siasatan Analisis Komputer, Unit Siasatan Analisis Dokumen dan Unit Siasatan Analisis Audio Video daripada Makmal Forensik, PDRM Bukit Aman turut terlibat dalam tugas tersebut. Peranan utama Bahagian D10 PDRM adalah untuk membantu pegawai penyiasat dalam tugas-tugas menggali dan mengeluarkan mayat daripada kubur dan mencari keterangan fizikal yang boleh membantu dalam siasatan.

3.3.4 Terdapat 2 peringkat operasi yang dijalankan iaitu Operasi Wawasan Khas yang bermula pada 24 Mei 2015 sehingga 16 Jun 2015 dan Operasi Wawasan Khas 2 yang dijalankan pada 22 Ogos 2015. Operasi Wawasan Khas terbahagi kepada 3 fasa, di mana fasa 1 bermula pada 24 Mei 2015 sehingga 1 Jun 2015. Untuk penugasan di peringkat fasa 1, 4 pasukan telah ditubuhkan yang terdiri daripada 21 orang Anggota Pangkat Rendah (APR) dan 3 orang Pegawai Kanan Polis (PKP). Peringkat fasa 2 bermula pada 2 Jun 2015 sehingga 10 Jun 2015. Di fasa 2 ini, kekuatan keanggotaan telah ditambah lagi kepada 6 pasukan menjadikan 10 pasukan yang terdiri daripada 20 orang PKP dan 46 orang APR. Fasa yang terakhir iaitu fasa 3 bermula pada 12 Jun 2015 sehingga 16 Jun 2015. Di fasa terakhir ini, pasukan petugas telah dikurangkan kepada 2 pasukan sahaja iaitu terdiri daripada 13 orang PKP dan 16 orang APR.

3.3.5 Sejumlah 6 kawasan telah dikenal pasti terdapat struktur tanah dipercayai kubur yang perlu digali oleh pasukan forensik. Kawasan-kawasan ini telah ditandakan sebagai Sektor A, B, C, D, E dan F bagi tujuan memudahkan operasi yang akan dijalankan. Setiap sektor juga telah dinamakan dengan nama yang berbeza mengikut jumlah struktur tanah menyerupai kubur yang telah dijumpai di setiap sektor.

3.3.6 Bagi Sektor A, penugasan mencari dan menggali human remains (HR) bermula pada 25 Mei 2015. Di sini, tiada sebarang penggalian dilakukan kerana tidak terdapat sebarang struktur tanah yang menyerupai kubur. Menurut S37, pihak forensik menjumpai 3 HR yang berselerak di atas permukaan tanah dan telah membawa HR tersebut turun dari Bukit Genting Perah (Gambar 82).



Gambar 82 : HR yang ditemui di Sektor A, Bukit Genting Perah.

3.3.7 Pada 26 Mei 2015, pasukan forensik telah naik ke Sektor B di Bukit Wang Burma yang dinamakan sebagai Kubur 37. Hasil daripada pencarian dan penggalian yang dijalankan, hanya terdapat 34 HR yang dijumpai (Gambar 83). Kerja-kerja mencari dan menggali di Bukit Wang Burma ini mengambil masa selama 4 hari dan kesemua petugas telah bermalam di kawasan kejadian. Pada 26 Mei 2015, 1 HR dikeluarkan; pada 27 Mei 2015, 2 HR dikeluarkan; pada 28 Mei 2015, 9 HR telah dikeluarkan; dan pada 29 Mei 2015, 22 HR telah dikeluarkan.



Gambar 83 : Salah satu HR yang ditemui di Sektor B, Bukit Wang Burma.

3.3.8 Bagi Sektor C yang dinamakan sebagai Kubur 24 di Genting Perah, para petugas mula masuk ke kawasan kejadian melalui jalan dari sebelah Thailand pada 4 Jun 2015. Kerja-kerja mencari dan menggali HR bermula keesokan harinya, 5 Jun 2015. Jumlah keseluruhan HR yang ditemui di Sektor C adalah sebanyak 14 HR. Di sektor ini, dijumpai 1 kubur yang mengandungi 3 HR yang ditanam secara bersama di dalam satu kubur (Gambar 84).



Gambar 84 : Kubur yang mengandung 3 HR yang ditanam secara bersama di Sektor C, Bukit Genting Perah.

3.3.9 Di Sektor D yang dinamakan sebagai Kubur 20 di Genting Perah, pasukan forensik telah menjalankan penugasan mencari dan menggali pada 6 Jun 2015. Hasil daripada penggalian, sebanyak 20 HR telah dikeluarkan (Gambar 85, 86, 87 dan 88).



Gambar 85 : Proses pengecaman struktur tanah dipercayai kubur di Sektor D, Bukit Genting Perah.



Gambar 86 : Proses penggalian HR di Sektor D, Bukit Genting Perah.



Gambar 87 : Proses penggalian HR di Sektor D, Bukit Genting Perah.



Gambar 88 : HR yang dijumpai hasil penggalian di Sektor D, Bukit Genting Perah.

3.3.10 Bagi Sektor E yang dinamakan sebagai Kubur 40 di Genting Perah, para petugas memulakan proses mencari dan menggali pada 7 Jun 2015. Hasil daripada penugasan tersebut, sebanyak 30 HR telah dijumpai (Gambar 89, 90 dan 91).



Gambar 89 : Proses pengecaman struktur tanah dipercayai kubur di Sektor E, Bukit Genting Perah.



Gambar 90 : Proses penggalian kubur di Sektor E, Bukit Genting Perah.



Gambar 91 : HR yang dijumpai hasil penggalian di Sektor E, Bukit Genting Perah.

3.3.11 Bagi Sektor F yang dinamakan sebagai Kubur 7 di Genting Perah, pasukan forensik memulakan proses mencari dan menggali pada 8 Jun 2015 dan mengeluarkan sebanyak 7 HR (Gambar 92 dan 93).



Gambar 92: Proses pengecaman struktur tanah dipercayai kubur di Sektor F, Bukit Genting Perah.



Gambar 93: HR yang dijumpai hasil penggalian di Sektor F, Bukit Genting Perah.

3.3.12 Kubur yang digali bagi setiap zon secara puratanya mempunyai kedalaman antara 0.8 meter hingga 1.37 meter. Panjang kubur adalah antara 1.07 meter hingga 2.44 meter dan lebarnya adalah antara 0.41 meter hingga 1.4 meter (Gambar 94, 95, 96 dan 97). Kesemua HR yang dijumpai telah dikafankan secara sempurna.



Gambar 94: Ukuran lebar kubur.



Gambar 95: Ukuran lebar kubur.



Gambar 96: Ukuran panjang kubur.



Gambar 97: Ukuran kedalaman kubur.

3.3.13 Secara keseluruhannya, tugas bagi fasa 2 Operasi Wawasan Khas telah selesai dijalankan dan jumlah keseluruhan HR yang dibawa turun oleh pasukan forensik PDRM adalah sebanyak 108 HR daripada penggalian 128 struktur tanah yang menyerupai kubur. Semua HR dari tempat kejadian telah dibawa ke Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah untuk proses bedah siasat.

Pengumpulan Bukti Barang Fizikal Operasi Wawasan Khas

3.3.14 Fasa 3 Operasi Wawasan Khas bermula pada 12 Jun 2015 sehingga 16 Jun 2015. Tujuan utama operasi ini dilaksanakan adalah untuk mengumpul barang bukti fizikal di kawasan Sektor B, C, D, E dan F. Pasukan Forensik PDRM telah dipecahkan kepada 2 kumpulan iaitu Kumpulan A dan B dengan kekuatan keanggotaan yang terdiri daripada 13 orang PKP dan 16 orang APR.

3.3.15 Di Sektor A, operasi mengumpul barang bukti fizikal telah dijalankan di peringkat awal lagi dan 3 barangan peribadi telah ditemui iaitu 1 jaket warna kuning yang ditandakan sebagai A/Sektor PB1, 1 jaket warna gelap jenama Anggollo Litrillo UE ditandakan sebagai A/Sektor PB2 dan 1 seluar warna gelap yang ditanda dengan A/Sektor PB3.

3.3.16 Di Sektor B dan D, operasi mengumpul barang bukti fizikal telah dijalankan pada 13 Jun 2015 bermula pada jam 6.00 pagi dan selesai pada jam 5.00 petang. Di Sektor B, sejumlah 31 barang kes iaitu 25 barang kes bahan bukti fizikal dan 6 sampel swabbing telah dijumpai (Gambar 98, 99 dan 100). Bagi Sektor D pula, sebanyak 95 bukti fizikal telah dikumpulkan. Antaranya barang-barang bukti yang ditemui dan ditanda sebagai barang kes ialah peralatan makanan dan minuman, pakaian dan peralatan kebersihan diri seperti berus gigi dan sikat, bahan masakan seperti rempah ratus dan seumpamanya (Gambar 101, 102, 103 dan 104).



Gambar 98: Antara barang kes yang dijumpai di Sektor B, Bukit Wang Burma.



Gambar 99: Antara barang kes yang dijumpai di Sektor B, Bukit Wang Burma.



Gambar 100: Antara barang kes yang dijumpai di Sektor B, Bukit Wang Burma.



Gambar 101: Antara barang kes yang dijumpai di Sektor D, Bukit Genting Perah.



Gambar 102: Antara barang kes yang dijumpai di Sektor D, Bukit Genting Perah.



Gambar 103: Antara barang kes yang dijumpai di Sektor D, Bukit Genting Perah.



Gambar 104: Antara barang kes yang dijumpai di Sektor D, Bukit Genting Perah.

3.3.17 Bagi Sektor C, E dan F, operasi mengumpul barang bukti fizikal telah dijalankan pada 14 Jun 2015 bermula pada jam 6.00 pagi dan selesai pada jam 3.00 petang. Sejumlah 13 barang bukti fizikal berjaya ditemui di Sektor C iaitu 1 pasang but warna hijau, beberapa helaian kapas yang ditanda sebagai 2C, 4 pek bungkusan kapas ditanda sebagai 3C, beberapa helaian kertas ditanda sebagai 4C, 1 plastik warna putih, 1 bungkusan Ajinomoto, 1 sarung tangan kain warna hitam jenama Giants, 1 alat pelindung telinga, 1 face mask warna putih, 1 seluar jean warna biru jenama Guide, 1 pasang but warna hijau, 1 unit berus gigi warna putih biru jenama Colgate dan 1 tuala warna putih (Gambar 105 dan 106).



Gambar 105: Antara barang kes yang dijumpai di Sektor C, Bukit Genting Perah.



Gambar 106: Antara barang kes yang dijumpai di Sektor C, Bukit Genting Perah

3.3.18 Bagi Sektor E, terdapat 28 bukti fizikal yang dijumpai (Gambar 107 dan 108). Sepertimana barang-barang yang dijumpai di Sektor A, B dan D, barang-barang bukti di Sektor C, E dan F juga antaranya terdiri daripada peralatan makanan dan minuman, pakaian dan peralatan kebersihan diri seperti berus gigi dan sikat, bahan masakan seperti rempah ratus dan seumpamanya.



Gambar 107: Antara barang kes yang dijumpai di Sektor E, Bukit Genting Perah.



Gambar 108: Antara barang kes yang dijumpai di Sektor E, Bukit Genting Perah.

3.3.19 Bagi Zon F, terdapat 9 bukti fizikal dan 1 sampel swabbing. Antara barang kes yang dijumpai ialah 1 lampu suluh warna merah, 1 sudu besi stainless steel, 1 botol minuman kaca, 1 selipar kaki kanan, 1 berus gigi warna hijau, 1 tin sardin dengan tulisan bahasa Thai, 1 plastik dengan tulisan Salt, 1 batang straw warna putih dan 1 kain warna gelap (Gambar 109, 110 dan 111).



Gambar 109: Antara barang kes yang dijumpai di Sektor F, Bukit Genting Perah.



Gambar 110: Antara barang kes yang dijumpai di Sektor F, Bukit Genting Perah.



Gambar 111: Antara barang kes yang dijumpai di Sektor F, Bukit Genting Perah.

Bedah Siasat Mayat

3.3.20 Proses bedah siasat telah dijalankan di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah. Tanggungjawab ini telah dilaksanakan oleh pakar-pakar perubatan forensik dari seluruh negara. Jabatan Forensik, Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar telah dijadikan sebagai Pusat Disaster Victim Identification (DVI) untuk tujuan pengendalian bencana. Mayat-mayat yang digali dibawa ke Hospital Alor Setar di Kedah kerana Jabatan Forensik di Alor Setar dianggap sebagai lokasi yang paling dekat dan yang paling sesuai untuk menjalankan pemeriksaan bedah siasat terhadap mayat-mayat tersebut.

3.3.21 Bagi operasi ini, Dato' Dr. Mohamad Shah Bin Mahmud iaitu Pengarah Institut Perubatan Forensik Negara yang juga merupakan Ketua Perkhidmatan Forensik Negara bertindak sebagai Ketua Penyelaras Operasi ini di peringkat kebangsaan. Beliau mendapat surat pelantikan daripada Pengarah Perkembangan Kementerian Kesihatan yang mengarahkan beliau untuk menubuhkan sepasukan DVI bagi kes penemuan mayat di Wang Kelian dan proses bedah siasat diadakan di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar. Pasukan-pasukan forensik dari seluruh Malaysia dilibatkan secara bergilir-gilir untuk bersama-sama mengendalikan pemeriksaan bedah siasat.

3.3.22 Dr. Mohd Suhani bin Mohd Noor (S39), Pakar Perunding Kanan Forensik, Jabatan Perubatan Forensik, Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah, Dr. Mohamad Azaini bin Ibrahim (S40), Pakar Forensik di Jabatan Perubatan Forensik, Hospital Besar Serdang dan Dato' Dr. Zahari bin Noor (S41), Pakar Perunding Kanan Forensik di Hospital Besar Pulau Pinang merupakan antara Pakar-Pakar Perubatan Forensik yang terlibat di dalam pemeriksaan bedah siasat ini. Ketiga-tiga Pakar Perubatan Forensik ini telah memberi keterangan di hadapan Suruhanjaya.

3.3.23 S39 berperanan sebagai Pengurus Rumah Mayat ataupun Pengurus Mortuary di pusat DVI. Beg-beg mayat diterima secara berperingkat mulai 25 Mei 2015 sehingga 8 Jun 2015. Pemeriksaan bedah siasat dilakukan di antara 7 Jun sehingga 1 Julai 2015. Mayat-mayat tersebut diperiksa melalui pemeriksaan radiologi, pemeriksaan patologi iaitu bedah siasat, antropologi iaitu pemeriksaan tulang dan juga pemeriksaan odontologi iaitu pemeriksaan gigi.

3.3.24 Sebanyak 108 beg mayat telah diterima mengikut zon-zon yang dilabel A hingga G oleh pihak polis dari tempat kejadian. Berdasarkan keputusan DNA dan pemeriksaan antropologi, keputusan muktamad tentang bilangan individu yang ditemui ialah 114 individu. Perbezaan berlaku kerana terdapat tulang-tulang dalam beberapa beg mayat didapati telah bercampur.

3.3.25 Daripada 114 individu tersebut, 106 dikenal pasti sebagai lelaki menerusi ujian DNA. Menurut keterangan S41, pemeriksaan bedah siasat ke atas 2 HR yang dijalankan oleh beliau mendapati bahawa kedua-dua mayat tersebut ialah perempuan yang berusia kurang daripada 20 tahun.

3.3.26 Daripada 114 individu tersebut, 104 individu dikenal pasti berketurunan India (istilah Jabatan Kimia Malaysia) menerusi profil DNA, 2 individu tidak dapat ditentukan keturunan walaupun terdapat profil DNA dan 8 individu tiada keturunan yang dapat dikenal pasti kerana tiada profil DNA diperolehi. Penentuan bangsa juga adalah berdasarkan tulang yang dinamakan bahagian midfacial region, ciri pada hidung dan sebahagian tulang pipi yang boleh memberi gambaran tentang kumpulan keturunan atau etnik seseorang. Di dalam bidang antropologi, terdapat 3 rumpun bangsa yang besar iaitu Mongoloid ataupun Asian, Negroid ataupun African dan Caucasoid ataupun Whites. Keturunan India yang dimaksudkan adalah tergolong dalam kumpulan Caucasoid iaitu termasuk golongan South Asian yang turut merangkumi kaum Rohingya dan India.

3.3.27 Daripada 114 individu tersebut, didapati 16 individu dianggarkan berusia antara 10 hingga 20 tahun, 57 individu dianggar berusia antara 20 hingga 40 tahun, 34 individu berusia lebih daripada 40 tahun dan bagi 7 lagi individu, anggaran usia tidak dapat ditentukan. Terdapat 2 mayat yang dianggarkan berumur belum mencecah 20 tahun dan keadaan ini menyukarkan proses untuk menentukan ciri-ciri pada mayat tersebut dari segi bangsa ataupun jantina.

3.3.28 Daripada 114 individu, 112 mayat tidak dapat ditentukan sebab kematian ataupun diklasifikasikan sebagai undetermined atas sebab pereputan dan penulangan lanjut yang sudah berlaku. Walau bagaimanapun, terdapat 2 mayat yang telah dibuat bedah siasat oleh S40 dan S41 yang dapat ditentukan sebab kematiannya.

3.3.29 S40 telah menjalankan pemeriksaan bedah siasat ke atas satu mayat yang menunjukkan jantung si mati masih ada dan salur darah utama jantung di sebelah kiri menunjukkan 60% hingga 70% telah tersumbat. Sebab kematiannya ialah coronary atherosclerosis iaitu penyakit atheroma di mana salur darah ini telah tersumbat. Beliau berpendapat si mati mempunyai blockage yang agak signifikan yang boleh menyebabkan kematiannya.

3.3.30 S41 telah menjalankan pemeriksaan bedah siasat ke atas satu mayat yang masih terdapat banyak tisu lembut dan sebab kematian ialah pneumonia iaitu radang paru-paru. Mayat ini dianggarkan ditanam lebih dari seminggu dan kurang daripada satu bulan dari masa bedah siasat. Didapati juga individu ini mengalami kecederaan patah tulang lengan bawah, iaitu tulang radius yang dianggarkan masih baru, lebih kurang seminggu atau dua minggu sebelum pemeriksaan dilakukan. Punca kecederaan patah tidak dapat dipastikan.

3.3.31 S39 menyatakan bahawa daripada mayat-mayat yang diperiksa, terdapat yang hanya tinggal rangka sahaja dan ada yang sedang melalui proses pereputan melampau. Bagi mayat yang tinggal rangka tulang sahaja, proses penulangan mengambil masa beberapa bulan manakala bagi mayat yang berlaku pereputan melampau, ada kemungkinan mayat itu masih baru dan berkemungkinan juga belum mati pada bulan Januari 2015.

3.3.32 Berdasarkan pemeriksaan, tiada tanda kecederaan yang nyata kerana mayat yang diterima kebanyakannya terdiri daripada tulang dan tisu yang telah pun mengalami proses pereputan. S41 telah membuat pemeriksaan bedah siasat ke atas satu mayat lelaki, anggaran umur antara 20-30an yang didapati mengalami kecederaan patah tulang lengan kanan kerana terdapat kesan rawatan lama sebelum dia meninggal dunia. Sebab kematian mayat tersebut ialah undetermined disebabkan keadaan advanced decomposition dan telah tinggal tulang sahaja.

3.3.33 Menurut pakar-pakar perubatan forensik tersebut juga, penentuan sebab kematian, identiti mayat serta hasil pemeriksaan adalah bergantung kepada jumlah tisu yang masih ada pada mayat-mayat tersebut dan tidak menolak kemungkinan jika sekiranya mayat tersebut dibawa lebih awal untuk pemeriksaan bedah siasat, kemungkinan hasil bedah siasat akan dapat menunjukkan sebab-sebab kematian yang lain.

3.3.34 S41 juga menyatakan pendapat bahawa sekiranya bedah siasat dijalankan lebih awal, beliau yakin bahawa akan terdapat perbezaan dari segi penentuan identiti dan sebab kematian mayat tersebut. S41 berpendapat bahawa:

- i. semasa penggalian mayat, pasukan pakar perubatan forensik perlu dipanggil sebelum kubur digali;
- ii. penggalian perlu dilakukan dengan segera kerana sekiranya mayat dibiarkan terlalu lama, forensic importance pada mayat tersebut akan menjadi semakin berkurangan; dan

- iii. semasa membawa mayat turun, berkemungkinan besar mayat dibiarkan di atas permukaan tanah lebih lama, memandangkan terdapat banyak mayat yang perlu dikeluarkan. Situasi ini akan mempengaruhi keadaan mayat tersebut kerana proses pembusukan mayat yang ditanam adalah lebih lama daripada yang dibiarkan terdedah.

3.3.35 S39 berpendapat bahawa kejadian ini merupakan suatu humanitarian disaster dan mayat-mayat tersebut perlu diberikan pengebuminan yang sewajarnya bagi memenuhi objektif forensic humanitarian management. S39 percaya bahawa berdasarkan bukti-bukti yang ada, besar kemungkinan mangsa adalah beragama Islam. Oleh yang demikian, mayat-mayat tersebut perlu dikebumikan dengan cara yang lebih teratur. Atas nasihat Majlis Fatwa Negeri Kedah, mayat-mayat tersebut telah dikebumikan di tanah perkuburan di Tualang, Kedah. Data-data untuk membolehkan pengecaman dibuat pada masa hadapan juga dikumpulkan dan sekiranya terdapat waris yang tampil ke hadapan, padanan (matching) boleh dibuat.

Penggalian Kubur dan Pengesahan Mayat Operasi Wawasan Khas 2

3.3.36 Pada 22 Ogos 2015, Operasi Wawasan Khas 2 telah dilancarkan ekoran penemuan kem dan kubur baru pada 15 Ogos 2015 di kawasan Bukit Wang Burma oleh pasukan Cawangan Khas IPD Padang Besar bersama pasukan VAT 69. Pada 22 Ogos 2015, seramai 16 orang pegawai dan 107 anggota termasuk S7, S11 dan pasukan forensik Bukit Aman telah diarahkan untuk mendaki semula ke tempat kejadian. Ia terletak pada ketinggian 750m dan mengambil masa 3 jam perjalanan. Kem tersebut juga amat hampir dengan Thailand dan berkedudukan paling tinggi serta terpencil.

3.3.37 Dalam operasi ini, kawasan penugasan telah dibahagikan kepada 2 sektor iaitu Sektor G dan Sektor H di mana sebanyak 24 HR telah ditemui. Di Sektor G, sebanyak 6 HR dijumpai di atas permukaan tanah yang beralaskan kayu. Di Sektor H, 20 struktur tanah menyerupai kubur telah digali dan 18 HR ditemui. Kesemua 24 HR yang dijumpai semasa Operasi Wawasan Khas 2 ini dibawa ke hospital yang sama iaitu Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah. Berikutan daripada penemuan tersebut, 24 kertas siasatan LMM telah dibuka oleh Bahagian Jenayah IPD Padang Besar.

3.3.38 ASP Harnizam bin Idris (S44), Ketua Bahagian Siasatan Jenayah IPD Padang Besar yang mengambil alih siasatan daripada S11 pada 27 September 2017 menyatakan bahawa laporan bedah siasat bagi kesemua 24 LMM telah diterima pada 26 Disember 2018 dan telah dimajukan kepada Timbalan Pendakwa Raya pada 27 Disember 2018 dengan cadangan untuk diadakan inkues. Pada 14 Januari 2019, perkara ini telah dirujuk kepada Pengarah Pendakwaan Negeri Perlis dan pada 8 April 2019, kesemua LMM ini dirujuk kepada Koroner dengan cadangan tiada cadangan inkues.

3.3.39 Pada 6 Mei 2019, S44 telah membuat permohonan untuk mendaftar LMM ini melalui e-kehakiman untuk dirujuk kepada Koroner dan menerima keputusan dari Koroner Dato' Ibrahim Bin Osman bahawa tiada keperluan untuk diadakan inkues dan kematian diputuskan sebagai open verdict pada 17 Mei 2019.

Rumusan Penggalian Kubur dan Penemuan Mayat

3.3.40 Secara keseluruhannya, berdasarkan keterangan saksi-saksi di hadapan Suruhanjaya, jumlah mayat dan kubur yang ditemui dalam Operasi Wawasan Khas ialah 138 mayat dan 148 kubur yang digali. Perincian adalah seperti berikut:

Operasi Wawasan Khas

TARIKH OPERASI	TEMPAT	SEKTOR	JUMLAH KUBUR YANG DIGALI	JUMLAH HUMAN REMAINS YANG DIKELUARKAN	JUMLAH MAYAT DISAHKAN OLEH PAKAR PERUBATAN FORENSIK
24 Mei 2015 – 16 Jun 2015	Genting Perah	A	-	3	114
	Bukit Wang Burma	B	37	34	
	Genting Perah	C	24	14	
		D	20	20	
		E	40	30	
		F	7	7	
Jumlah			128	108	114

Jadual 3: Jumlah Mayat dan Kubur bagi Operasi Wawasan Khas

Operasi Wawasan Khas 2

TARIKH OPERASI	TEMPAT	SEKTOR	JUMLAH KUBUR YANG DIGALI	JUMLAH HUMAN REMAINS YANG DIKELUARKAN	JUMLAH LMM YANG DIBUKA
22 Ogos 2015	Bukit Wang Burma	G	-	6	24
		H	20	18	
Jumlah			20	24	24

Jadual 4: Jumlah Mayat dan Kubur bagi Operasi Wawasan Khas 2

3.3.41 Kesemua mayat yang dijumpai tidak dapat ditentukan sebab kematian iaitu undetermined kerana keadaan pereputan melampau dan telah tinggal tulang sahaja kecuali bagi 2 mayat yang dapat ditentukan sebab kematian iaitu satu disebabkan oleh coronary atherosclerosis dan satu lagi disebabkan pneumonia. Tiada tanda kecederaan yang nyata dijumpai pada mayat-mayat kerana kebanyakan mayat adalah terdiri daripada tulang dan tisu yang telah pun mengalami proses pereputan.

3.3.42 Suruhanjaya ingin merakamkan penghargaan kepada pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan pelaksanaan proses penggalian semula mayat dan membawa turun mayat dari lokasi kejadian. Pengiktirafan harus diberikan kepada Bahagian Forensik Ibu Pejabat Polis, Bukit Aman dan PGA, PDRM yang telah melaksanakan operasi menggali dan membawa turun sejumlah 132 rangka manusia (HR). Proses tersebut telah mengambil masa selama lebih kurang 12 hari. Suruhanjaya menghargai sumbangan semua pegawai dan anggota Ibu Pejabat Kontinjen Perlis, Ibu Pejabat Daerah Padang Besar, Perlis serta pegawai dan anggota dari Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Jabatan Logistik dan JSJ yang turut terlibat.

3.3.43 Suruhanjaya turut mengiktiraf sumbangan Pasukan Petugas Khas Forensik yang terdiri daripada pakar forensik seluruh negara yang diketuai oleh Datuk Dr. Mohd. Shah bin Mahmood, Ketua Jabatan dan Pakar Perunding Kanan Forensik, Jabatan Perubatan Forensik Hospital Kuala Lumpur. Seterusnya, penghargaan yang sama dipanjangkan kepada Dr. Mohd. Suhani Mohd. Noor, Pakar Perunding Kanan Forensik, Jabatan Perubatan Forensik, Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah yang telah ditugaskan selaku pegawai penyelaras bagi operasi bedah siasat terhadap 138 mayat yang telah dilaksanakan di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah. Operasi bedah siasat ini telah mengambil masa lebih kurang 18 hari.

3.3.44 Suruhanjaya juga memandangi tinggi sumbangan kemanusiaan Kerajaan Negeri Kedah yang mewakafkan sebidang tanah di Kawasan Perkuburan Islam Lama Kampung Tualang, Pokok Sena, Kedah untuk dijadikan sebagai kawasan perkuburan baru bagi 108 rangka manusia (HR) yang telah selesai dibedah siasat (Gambar 112, 113 dan 114). Kerja-kerja pengebumian telah dilakukan dengan kerjasama Majlis Agama Islam Kedah (MAIK), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan PDRM.



Gambar 112: Kawasan Perkuburan Islam Lama Kampung Tualang, Pokok Sena, Kedah.



Gambar 113: Papan tanda di Kawasan Perkuburan Islam Lama Kampung Tualang, Pokok Sena, Kedah.



Gambar 114: Batu nisan di Kawasan Perkuburan Islam Lama Kampung Tualang, Pokok Sena, Kedah.

3.4 KETERANGAN MANGSA

Mangsa 1 (S38)

3.4.1 Mangsa 1 berasal daripada Devenah Village, Maundaw, Myanmar, melalui keterangan rakaman deposisi¹³ menceritakan perjalanannya daripada Myanmar ke Malaysia. Mangsa 1 berumur 14 tahun ketika meninggalkan Myanmar pada 30 Ogos 2014 mengikuti seorang kawan bernama Farouk yang dikenali sejak kecil lagi. Farouk mengajaknya keluar dari Myanmar namun tidak memaklumkan hendak pergi ke mana. Farouk kemudian membawa Mangsa 1 berjumpa dengan seorang lelaki yang tidak dikenali dan mereka disuruh naik bot kecil di sungai untuk ke kapal besar.

3.4.2 Sampai di kapal besar, Mangsa 1 nampak lebih kurang 40 orang sudah berada di dalam kapal tersebut. Penumpang lelaki dan perempuan diasingkan di mana lelaki ditempatkan di tingkat bawah dan perempuan ditempatkan di tingkat atas kapal. Kapal tersebut tidak belayar ke mana-mana dan menunggu selama 28 hari untuk memuatkan lebih ramai orang. Menurut Mangsa 1, dalam tempoh tersebut, ada yang cuba melarikan diri, namun penjaga yang disyaki orang Siam akan mengejar dengan bot kecil dan menangkap mereka. Mereka yang ditangkap akan dipukul dan tangan diikat, kemudian ditolak ke dalam laut dan dibiarkan mati.

3.4.3 Kapal mula belayar setelah muatan mencukupi 750 orang. Terdapat orang yang membuat kiraan di atas kapal dan penumpang terdiri daripada lelaki, perempuan, kanak-kanak dan bayi. Sepanjang di atas kapal, mereka diberi makan sehari dua kali iaitu pagi dan malam. Mereka juga disuruh bekerja sekiranya diperlukan kerana kapal tersebut besar. Terdapat 10 orang yang menjaga kapal dan mereka mempunyai pistol.

¹³Deposisi Mangsa 1 di Mahkamah Sesyen di Kangar, Perlis pada 7 September 2016.

3.4.4 Ketika di dalam kapal, ada yang tidak dibenarkan buang air besar dan kecil. Ada yang menjerit-jerit kerana kelaparan dan dipukul sekiranya bertanya tentang makanan. Terdapat juga wanita yang dirogol di atas kapal. Mangsa 1 juga menyaksikan orang ditembak dan kemudian dibuang ke dalam laut. Terdapat lebih 60 orang yang telah meninggal dunia.

3.4.5 Mereka sampai di Thailand setelah kapal belayar selama sebulan. Seorang ejen bernama Ayub datang dan bercakap dalam bahasa Rohingya memaklumkan bahawa dia akan bawa mereka masuk ke Thailand. Mereka hanya akan dilepaskan dan dibawa ke Malaysia setelah duit dimasukkan iaitu kos yang perlu dibayar untuk naik bot kecil dari Myanmar dan kos menaiki kapal besar. Mereka akan disimpan di kem sekiranya tidak mampu membayar duit yang diminta. Jumlah wang yang perlu dibayar ialah 200,000 mata wang Myanmar bersamaan RM7,000.00.

3.4.6 Hari berikutnya, mereka menaiki bot laju dari laut ke satu sungai kecil dan dibawa ke suatu ladang getah. Mereka kemudiannya disuruh menaiki kereta pikap yang sedia menunggu. Suatu kereta boleh memuatkan 30 orang pada satu-satu masa dan mereka berhimpit-himpit di dalam kereta untuk dibawa ke satu tempat bernama Balok sebagaimana diberitahu oleh ejen. Mereka dikawal oleh 4 orang Thai yang bersenjatakan senapang.

3.4.7 Sampai di Balok, mereka disuruh membawa barang makanan naik ke atas bukit sehingga jumpa kem besar dengan pendakian mengambil masa selama setengah jam. Seramai 1,000 orang berada di kem yang dikelilingi pagar besi tersebut. Mangsa 1 tinggal di kem selama 3 hari dan diberi makan nasi kosong dicampur air.

3.4.8 Selepas 3 hari, mereka dibawa pindah ke kem lain secara berkumpulan seramai 40 orang. Mereka mengambil masa selama 8 jam untuk sampai ke kem seterusnya. Setelah sampai di kem, seorang ejen bernama Syakir membenarkan mereka menghubungi ahli keluarga dan orang-orang yang sakit diberikan rawatan. Terdapat 7 orang ejen berbangsa Rohingya dan Bangladesh dan mereka akan memukul sekiranya duit tidak dibayar.

3.4.9 Mangsa 1 memaklumkan pernah dipukul dengan rotan disebabkan tidak dapat menghubungi keluarga. Bagi sesiapa yang dapat menghubungi keluarga untuk memasukkan duit, mereka tidak akan dipukul dan ditinggalkan untuk dihantar keluar kem. Menurut Mangsa 1, di Malaysia terdapat suatu rumah penerima (receiver) di mana mereka akan dikumpulkan di situ, namun Mangsa 1 tidak tahu proses dan urusan setelah mereka dibawa keluar dari kem.

3.4.10 Di kem tersebut, terdapat orang yang meninggal dunia dan perempuan yang dirogol oleh orang Thai. Selain didera secara fizikal, mereka juga didera secara verbal oleh ejen. Farouk, dipukul sehingga mengalami kecederaan parah di bahagian kepala dan meninggal dunia setelah bapa Farouk memaki ejen melalui telefon semasa Farouk menghubungi keluarganya. Terdapat seorang ustaz bernama Ali Mamu di dalam kem (juga seorang ejen) yang menguruskan jenazah Farouk. Farouk ditanam tidak jauh dari kem di mana terdapat banyak kubur lain di kem tersebut.

3.4.11 Semasa kem mereka diserbu oleh polis dari Malaysia, Mangsa 1 lari bersama 6 lagi yang lain kerana takut. Mereka kemudian berjumpa dengan orang Thai semasa keluar dari ladang getah. Orang Thai tersebut membawa mereka ke suatu rumah kongsi di dalam ladang getah dan meminta bayaran sebanyak RM7,000.00.

3.4.12 Dalam perjalanan menaiki kereta, pemandu mendapati suatu kereta polis sedang mengekori menyebabkan kenderaan melanggar pokok dan terbabas ke dalam parit. Mangsa 1 bersama 6 yang lain ditangkap manakala pemandu kereta tersebut berjaya melarikan diri. Mereka dibawa ke lokap untuk disoal siasat dan Mangsa 1 bersama seorang lagi ditahan di Depoh Imigresen Bukit Jalil manakala yang lain dipenjarakan. Mangsa 1 telah dibebaskan setelah diberi taraf pelarian oleh UNHCR.

Mangsa 2

3.4.13 Monica Joseph Gaisah (S36) yang bertugas sebagai Pendaftar Mahkamah Rendah Kangar di hadapan Suruhanjaya membaca deposisi saksi Mangsa 2. Mangsa 2 berasal dari daerah Cox's Bazar, Bangladesh dan meninggalkan Bangladesh untuk bekerja di Malaysia. Mangsa 2 meninggalkan Bangladesh pada 1 Januari 2015 dengan menaiki bas ke Teknaf. Mangsa 2 kemudian menaiki bot pada jam 6.30 petang dan sampai di kapal besar pada jam 12.00 tengah malam.

3.4.14 Mangsa 2 bersama 350 orang lelaki, wanita dan kanak-kanak daripada Myanmar dan Bangladesh tinggal selama 6 hari di atas kapal. Sepanjang perjalanan, mereka diberi makan nasi 2 kali sehari. Terdapat 6 orang yang bekerja di atas kapal dan Mangsa 2 mengenal pasti mereka sebagai orang Myanmar berdasarkan kepada dialek Mok yang digunakan.

3.4.15 Selepas 6 hari, mereka dipindahkan ke kapal besar kedua, namun hanya 250 orang sahaja yang dipindahkan. Mereka belayar selama sehari dalam keadaan berhimpit-himpit dan tidak diberikan makanan. Setelah turun dari kapal, seramai 140 orang menaiki 5 pikap yang mengambil masa selama setengah jam perjalanan hingga sampai ke kaki bukit. Mereka mendaki bukit untuk sampai ke kem dengan dijaga oleh 6 orang Thai. Mangsa 2 berada di kem tersebut selama 3 hari.

3.4.16 Berdasarkan kepada deposisi Mangsa 2, terdapat 3 kem yang diperbuat daripada kayu. Kem tersebut berbumbung dan berpagar. Sepanjang 3 hari di kem, mereka tidak dibenarkan keluar dan pintu juga dikunci. Pintu hanya dibuka semasa waktu makan dan makanan disediakan oleh orang Islam dari Myanmar yang sama-sama menaiki kapal dengan Mangsa 2. Di kem itu juga disediakan tempat mandi dan tandas buatan sendiri.

3.4.17 4 orang Thai dilihat memegang rotan namun Mangsa 2 tidak pernah nampak mereka memukul. Sepanjang 3 hari di kem tersebut, terdapat 3 orang ejen yang datang ke kem dan bertanya mereka sekiranya ingin menghubungi ahli keluarga. Mangsa diberi telefon untuk menghubungi keluarga selama seminit sebelum telefon dirampas oleh ejen. Keluarga mangsa diminta untuk menghubungi ejen semula dan meminta bayaran sebanyak RM6,000.00. Menurut Mangsa 2, dia tidak tahu 3 orang ejen itu dari negara mana, namun ejen tersebut bercakap dalam bahasa Melayu. Mangsa 2 tahu mereka bercakap bahasa Melayu setelah diberitahu oleh kawannya.

3.4.18 Selepas Zohor, polis menyerbu kem tersebut dan Mangsa 2 telah ditangkap semasa melarikan diri. Mangsa 2 seterusnya dibawa ke Balai Polis Alor Setar dan kemudian dihantar ke Depoh Tahanan Langkap, Perak.

Mangsa 3

3.4.19 S18 telah merakam percakapan Mangsa 3 di bawah seksyen 112 Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593]. Mangsa 3 menyatakan bahawa pergolakan di Myanmar yang menyebabkan dia dan keluarga mengambil jalan untuk melarikan diri. Mangsa 3 mengambil bot selama 15 minit ke jeti untuk menaiki kapal yang boleh memuatkan dalam 300 ke 400 orang. Perjalanan daripada Myanmar ke Thailand menaiki kapal mengambil masa lebih kurang 15 hari dan kemudian menggunakan jalan darat ke satu tempat kem pengumpulan. Mereka ditempatkan di kem tersebut bagi tempoh 3 hingga 4 bulan dan hanya akan dilepaskan ke Malaysia jika bayaran dibuat dalam anggaran RM 6,500.00.

3.4.20 Mangsa 3 menyatakan mereka dibawa melalui ejen dari Myanmar dan berkemungkinan ditempatkan di kawasan Thailand disebabkan pengawal berinteraksi dalam bahasa Thai. Mangsa 3 memaklumkan terdapat mangsa yang dipukul sekiranya gagal membuat bayaran di mana setiap orang akan dipanggil untuk membuat bayaran dan sekiranya gagal memberikan nombor telefon akan dipukul dan dimasukkan semula ke kem. Seramai 62 orang telah mati akibat dari punca makanan yang kotor, keadaan tempat tinggal yang tidak bersih, penyakit serta diseksa kerana tidak boleh membuat bayaran kepada ejen. Mereka juga diarah untuk menanam mayat untuk dikuburkan dan jarak kubur dengan kem hanya beberapa meter.

3.4.21 Mangsa 3 juga memberitahu bahawa mereka bertindak melarikan diri semasa serbuan pihak tentera yang dipercayai tentera Thailand dan keadaan kelam kabut dengan memecahkan pintu-pintu kem. Mereka duduk di dalam hutan selama 3 hari sebelum jumpa jalan dan seorang lelaki warganegara Thailand yang memberitahu mereka telah memasuki kawasan Malaysia. Mereka kemudian diarah untuk menaiki teksi ke satu destinasi yang tidak diketahui sebelum ditahan oleh polis Malaysia.

3.5 TANGKAPAN PATI DAN TINDAKAN PERUNDANGAN

3.5.1 Berdasarkan keterangan saksi-saksi, terdapat tindakan perundangan berhubung isu kemasukan PATI di kawasan Wang Kelian dan sempadan Malaysia-Thailand dalam tempoh sebelum dan selepas insiden berlaku, iaitu dalam sekitar tahun 2012 sehingga 2016.

3.5.2 Sebelum tahun 2015, pihak PDRM khususnya di Perlis kurang membuat pertuduhan di mahkamah berhubung pemerdagangan orang. Kebanyakan individu yang ditangkap walaupun tidak dituduh, juga akan diambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 [Akta 297] (POCA). Perkara ini disebabkan saksi-saksi tidak ingin memberi kerjasama dan tidak ingin memberi keterangan di mahkamah. Oleh yang demikian, kes pemerdagangan orang tidak dapat dibawa ke mahkamah.

3.5.3 ATM terlibat dalam Operasi Wawasan Kedah-Perlis pada kali pertama semasa permulaan Dasar National Blue Ocean Strategy (NBOS) mulai 15 November 2010 sehingga 15 Mei 2012 dan menyerahkan semula penugasan kepada PGA, PDRM. ATM mengambil alih penugasan Operasi Wawasan Kedah-Perlis pada kali kedua semasa tempoh Pilihanraya Umum ke-13 (sebelum dan selepas) mulai 22 November 2012 sehingga 3 September 2013 sebelum diserahkan semula kepada PGA, PDRM sehingga kini.

3.5.4 Sepanjang tempoh penugasan Operasi Wawasan Kedah-Perlis, pihak ATM menjalankan rondaan motosikal dan rondaan berjalan kaki di sepanjang pagar sempadan dan juga jalan keselamatan. Menurut Mejar Jeneral Dato' Zulkapri bin Rahamat (S46), bekas Panglima Briged 6 ATM, pada tahun 2012, ATM menangkap seramai 23 orang PATI dan 323 orang PATI pada tahun 2013. Pihak ATM tidak menjalankan sebarang siasatan lanjut dan kesemua PATI diserahkan kepada pihak PDRM untuk dibuat tangkapan semula atau tindakan selanjutnya.

Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155]

3.5.5 38 orang PATI yang ditahan pada 19 Januari 2015 semasa penemuan awal kem di Bukit Wang Burma telah dibawa ke IPD Padang Besar. Laporan polis telah dibuat di IPD Padang Besar oleh S5 dan S3 bersabit Kaki Bukit repot 89/2015 dan seterusnya PATI diserahkan kepada JIM untuk tindakan selanjutnya. Menurut En. Mohd Amir bin Othman (S30), bekas Pengarah Imigresen Negeri Perlis, PATI tersebut telah disiasat di bawah seksyen 6(1)(c) Akta 155 iaitu tidak memiliki pas atau permit yang sah. Pihak PDRM telah menyerahkan kesemua tangkapan tersebut kepada JIM kerana berpendapat ia semata-mata kesalahan di bawah Akta 155 tanpa melihat kepada elemen kesalahan di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670].

3.5.6 Semakan lanjut mendapati bahawa seramai 9 orang PATI telah dihantar ke Depot Tahanan JIM di Langkap, Perak. Walau bagaimanapun, 6 PATI tersebut telah dibebaskan setelah mendapat pengesahan status oleh UNHCR, 2 PATI telah diusir dan seorang lagi masih berada di Depot Tahanan JIM, Langkap.

3.5.7 Baki 29 orang PATI tersebut telah dihantar ke Depot Tahanan JIM Belantik, Sik, Kedah. Semakan mendapati seramai 3 orang PATI telah dibebaskan setelah mendapat pengesahan status oleh UNHCR, seorang PATI telah meninggal dunia dalam depot, 8 orang tidak dapat dikesan, 10 orang PATI telah diusir, 2 orang PATI ditahan di Depot Bukit Jalil, 2 orang PATI ditahan di Depot Pekan Nenas serta 3 orang PATI ditahan di Depot Lenggeng. Namun begitu, 3 tahanan PATI di Depot Lenggeng telah diusir semasa hendak dipanggil untuk membantu siasatan.

3.5.8 3 orang PATI telah dirakam deposisi di bawah seksyen 40A Akta Imigresen 1959/63 di Mahkamah Sesyen Kangar pada 8 Jun 2016 dan 4 Ogos 2016.

Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 [Akta 670]

3.5.9 Menurut S18, seorang pemandu teksi dan 6 orang PATI ditangkap di bawah seksyen 26A Akta 670 dan laporan polis Kaki Bukit repot 431/15 telah dibuat pada 14 Mei 2015. Pemandu teksi tersebut telah disabitkan dan dikenakan hukuman denda sebanyak RM 20,000.00 di bawah seksyen 26J Akta 670 kerana terlibat dalam penyeludupan migran ke Malaysia. Migran-migran yang ditangkap ini pernah tinggal di dalam kem di sempadan Malaysia-Thailand.

3.5.10 Pihak penguat kuasa telah mengambil tindakan terhadap penjaga kem di Bukit Wang Burma dan Genting Perah serta individu yang terlibat sebagai "transporter" yang menghantar PATI yang diseludup masuk ke Malaysia dari kem-kem ini. 4 orang warganegara asing telah dituduh di bawah seksyen 26A Akta 670 iaitu Nurul Islam (warganegara Bangladesh), Biau Wong Chumpo (warganegara Thailand), Shahidullah (warganegara Myanmar) dan Momotin (warganegara Myanmar) yang terlibat dalam aktiviti penyeludupan migran di Bukit Wang Burma dan Genting Perah. Kesemua mereka telah mengaku salah di Mahkamah Tinggi Kangar, Perlis dan disabitkan dengan kesalahan tersebut pada tahun 2016.

Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) [Akta 297]

3.5.11 Kesalahan penyeludupan migran juga boleh diambil tindakan di bawah Akta 297 bagi kes yang sukar disabit di bawah Akta 670 kerana ketiadaan bukti yang mencukupi. Bagi kes di Wang Kelian ini, Akta 297 tidak diguna pakai.

3.5.12 Namun, Suruhanjaya dimaklumkan bahawa Akta 297 diguna pakai bagi kes-kes penyeludupan migran lain dan statistik tangkapan dari tahun 2014 sehingga 2018 bagi seluruh Malaysia adalah seperti di Jadual 5.

TAHUN	JUMLAH TANGKAPAN DI BAWAH AKTA 297 BAGI KES PENYELUDUPAN MIGRAN
2014	2
2015	42
2016	15
2017	34
2018	31
Jumlah	124

Jadual 5: Jumlah Tangkapan di bawah Akta 297 bagi Kes Penyeludupan Migran¹⁴

¹⁴Dikemukakan oleh S48 semasa sesi pendengaran awam pada 18 Jun 2019. Sumber: Bahagian Anti-pemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran, PDRM.

Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) [Akta 747]

3.5.13 Kesemua OKT yang telah diambil tindakan di bawah Akta 670 bagi kesalahan penyeludupan migran dalam kes di Wang Kelian ini juga telah diambil tindakan berdasarkan peruntukan di bawah Akta 747.

3.5.14 Tindakan di bawah Akta 747 bagi kesalahan penyeludupan migran telah pun mula diambil sejak tahun 2012 dan statistik adalah seperti di Jadual 6.

TAHUN	TINDAKAN DI BAWAH AKTA 747					JUMLAH TANGKAPAN
	DALAM SIASATAN	BEBAS	USIR	DALAM PERBICARAAN	JATUH HUKUM	
2012	-	6	0	0	5	11
2013	-	5	0	0	11	16
2014	-	0	0	0	25	25
2015	-	50	13	0	84	147
2016	-	22	4	4	103	133
2017	-	72	32	46	132	282
2018	-	28	4	70	103	205
Jumlah	-	183	53	120	463	819

Jadual 6: Jumlah Tangkapan dan Tindakan di bawah Akta 747 dari 31 Julai 2012 sehingga 31 Disember 2018¹⁵

¹⁵Ibid.

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613]

3.5.15 Kertas siasatan dibuka pada 26 Oktober 2015 di bawah Akta 613 di mana Insp. Suffian bin Abd. Rashid, S33 bertindak sebagai Pegawai Penyiasat yang menyiasat kesalahan di bawah seksyen 4(1) Akta 613. Siasatan kes Akta 613 adalah berdasarkan kes predikat di bawah seksyen 26A Akta 670.

3.5.16 Siasatan menjurus kepada 6 warganegara Thailand yang dikenal pasti untuk disiasat. Terdapat juga 3 warganegara Malaysia, yang disiasat. Permohonan di bawah seksyen 48(1) Akta 613 telah diluluskan oleh Timbalan Pendakwa Raya untuk menyemak semua akaun suspek-suspek ini di dalam Malaysia. Kesemua akaun telah dibekukan.

3.5.17 Selepas siasatan dijalankan, terdapat hanya 2 akaun sahaja yang mempunyai keterangan untuk diteruskan siasatan di bawah seksyen 56(1) Akta 613. Siasatan menunjukkan terdapat seorang individu warganegara Myanmar, telah menandatangani wang RM4,000.00 ke dalam akaun Ku Hamid pada 2 Oktober 2014. Deposit wang tersebut adalah untuk membebaskan anak saudaranya yang ditahan di kem di Wang Kelian.

3.5.18 Hasil daripada siasatan juga, pada 25 November 2014, terdapat 2 kemasukan wang melalui mesin deposit tunai ke dalam akaun CIMB Bank Berhad berjumlah RM5,800.00. Wang ini telah didepositkan oleh seorang warganegara Myanmar untuk tujuan membebaskan pakciknyanya di kem tahanan di Thailand.

3.5.19 Tiada sebarang pertuduhan dikenakan ke atas mana-mana suspek di bawah seksyen 4(1) Akta 613. Walau bagaimanapun, harta-harta yang telah disita dilucut hak di bawah seksyen 56(1) Akta yang sama untuk penama Ku Hamid berjumlah RM19,895.00 dan juga Ariffin berjumlah RM270.49.

3.5.20 Suatu motokar Mitsubishi Triton nombor pendaftaran KEB 2712 telah disita dari Ku Hamid dan ditawarkan dengan satu bon banker's cheque bernilai RM21,700.00. Banker's cheque ini juga telah dilucut hak.

Akta Senjata 1960 [Akta 206], Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [Akta 37] dan Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 [Akta 357]

3.5.21 Pihak PDRM juga menyiasat 5 suspek yang ditangkap pada 13 Mac 2015 berhubung dengan kesalahan memiliki senjata di bawah seksyen 8 Akta 206, seksyen 8 Akta 37 dan seksyen 6 Akta 357.

3.5.22 Keterangan S18 mengesahkan tangkapan 5 suspek tersebut di Genting Perah iaitu Biau Wong Chumpo, Shahidullah, Momotin, Suriyan Saengmak (warganegara Thailand) dan Yahya Laloya (warganegara Myanmar).

3.5.23 Biau Wong Chumpo ditemui memiliki satu pucuk pistol Smith & Wesson berserta kelopak kosong di bahagian poket sebelah kanan manakala di poket sebelah kirinya dijumpai satu uncang yang mengandungi 12 butir peluru pelbagai jenis. Satu bilah parang ukuran lebih kurang 1 kaki telah dirampas dari Yahya Laloya yang diselit di bahagian kanan belakang badannya. Biau Wong Chumpo telah disabitkan di bawah seksyen 8(a) Akta 206 pada 7 September 2015 dan dijatuhi hukuman pemenjaraan selama 5 tahun bagi kesalahan memiliki senjata api dan pemenjaraan selama 2 tahun bagi kesalahan memiliki peluru yang dijalankan secara serentak.

Kanun Keseksaan [Akta 574]

3.5.24 Daripada saksi-saksi pendengaran awam, terdapat mangsa yang ditahan dan dikurung di dalam khemah berpagar yang dikunci. Kebanyakan mangsa yang terdiri daripada 38 PATI yang ditahan dari kem mendakwa mereka pernah dipukul dengan rotan oleh penjaga kem.

3.5.25 Berdasarkan deposisi yang dirakam daripada mangsa, terdapat PATI yang mendakwa mereka menyaksikan kejadian rogol di kem tahanan tersebut. Kesemua PATI mendakwa telah diperas ugut untuk membayar wang di antara RM2,000.00 sehingga RM7,000.00 bagi mereka dibebaskan daripada kem tersebut.

3.5.26 Walau bagaimanapun, tiada siasatan di bawah kesalahan Kanun Keseksaan diambil terhadap mana-mana suspek atau mangsa walaupun terdapat keterangan yang menunjukkan kesalahan di bawah Kanun Keseksaan dilakukan.

Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593]

3.5.27 Pihak PDRM telah membuka kertas siasatan LMM atau Sudden Death Report selaras dengan Chapter XXXII on Inquiries of Death di bawah Akta 593 terhadap kubur-kubur yang ditemui di kem-kem. Sebanyak 130 LMM telah dibuka bagi kesemua mayat yang ditemui dari kubur-kubur dan kem-kem di Bukit Wang Burma dan Genting Perah.

3.5.28 Sepasukan Pakar Patologi Forensik telah menjalankan bedah siasat terhadap kesemua mayat. Keputusan kesemua bedah siasat menunjukkan sebab kematian tidak dapat ditentukan (undetermined) kecuali bagi 2 mayat yang dapat dipastikan sebab kematiannya iaitu Coronary Atherosclerosis dan Pneumonia. 130 LMM ini selanjutnya telah dirujuk kepada Koroner dengan keputusan kesemuanya sebagai open verdict.

Akta Ekstradisi 1992 [Akta 479]

3.5.29 Pihak penguat kuasa Malaysia telah membuat permohonan kepada negara Thailand dan Bangladesh bagi mengekstradisi penjenayah yang didapati terlibat dengan kesalahan jenayah yang dilakukan terhadap PATI di kem di Bukit Wang Burma dan Genting Perah.

3.5.30 Permohonan ekstradisi kepada Thailand melibatkan 10 orang penjenayah manakala permohonan kepada Bangladesh melibatkan seorang penjenayah. Walau bagaimanapun, tiada maklum balas rasmi diterima daripada negara Bangladesh manakala maklum balas daripada Thailand adalah masih dalam proses pertimbangan ekstradisi dan pengesanan penjenayah tersebut di Thailand.

Akta Perlindungan Saksi 2009 [Akta 696]

3.5.31 Akta ini diguna pakai untuk memberikan perlindungan saksi terhadap seorang PATI yang merupakan mangsa tahanan di kem di Wang Burma dan Genting Perah. Mangsa ini telah membantu siasatan dan seterusnya menjadi saksi di mana keterangannya yang dirakamkan melalui deposisi telah berjaya mensabitkan 2 orang penjaga kem yang dituduh di bawah seksyen 26A Akta 670 di Mahkamah Tinggi Kangar.

BAB 4 DAPATAN SURUHANJAYA

Apa yang berlaku adalah satu jenayah kemanusiaan secara meluas dan bersistematik yang mencakupi elemen memperdaya, memeras ugut, paksaan, penyeksaan terhadap mangsa-mangsa untuk mengaut keuntungan monetari.

Jenayah ini mencabar kedaulatan negara

- Ahli-ahli Suruhanjaya

4.1 PENDAHULUAN

4.1.1 Dapatan Suruhanjaya adalah berdasarkan keterangan saksi yang terdiri daripada mangsa, orang awam, anggota keselamatan, kakitangan Kerajaan dan pegawai penyiasat melalui pendengaran awam, lawatan ke lokasi kejadian serta analisis laporan yang berkaitan termasuk instrumen perundangan dan laporan media tempatan dan antarabangsa.

4.1.2 Penemuan kem dan kubur di Wang Kelian merupakan satu kejadian yang amat serius yang memberi implikasi negatif kepada imej, keselamatan dan kedaulatan negara. Ia juga memberi persepsi negatif terhadap pihak penguat kuasa yang telah gagal mengesan kewujudan kem-kem tersebut. Kegagalan ini merupakan satu kecuaiian yang amat ketara oleh pihak-pihak penguat kuasa dalam pelaksanaan tanggungjawab masing-masing.

4.1.3 Penyiasatan Suruhanjaya ini adalah langkah yang positif bagi mengelak kejadian yang seumpama ini berlaku pada masa hadapan. Ia dijangka dapat mencapai ekspektasi rakyat yang prihatin akan isu ini. Dapatan ini diharap dapat memberi penjelasan yang konklusif dan saksama serta diterima baik oleh orang awam termasuk masyarakat antarabangsa.

4.2 DAPATAN DARIPADA PENDENGARAN AWAM DAN LAWATAN KE LOKASI

Jenayah Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran

4.2.1 Melalui keterangan yang diperolehi, terdapat fakta mengenai jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran sejak 2012/2013 sehingga 2015 di Wang Kelian. Kenyataan ini diperkukuhkan dengan penemuan kem-kem di Wang Kelian yang telah didirikan sejak tahun 2013.

4.2.2 Terdapat elemen peras ugut, paksaan, penyeksaan penderaan dan kekerasan yang digunakan terhadap PATI oleh sindiket untuk mendapatkan bayaran. Keadaan ini berlaku bermula daripada PATI berada di atas bot/kapal yang dinaiki sehingga ke kem dan ini berterusan sehinggalah bayaran dibuat oleh keluarga atau kenalan PATI.

Kem Penempatan Sementara PATI

4.2.3 Terdapat 18 kem di sebelah Malaysia yang terletak jaraknya 100 meter ke 200 meter daripada sempadan Malaysia-Thailand iaitu 16 kem di Genting Perah dan 2 kem di Bukit Wang Burma. Kem-kem ini dipercayai telah dibina oleh sindiket warga Thai berdasarkan struktur binaan yang serupa dengan kem di sebelah Thailand. Bahan-bahan binaan serta barangan seperti makanan dalam tin, generator, periuk, pinggan mangkuk yang dijumpai juga mempunyai ciri-ciri buatan Thailand. Fakta ini disokong oleh saksi-saksi.

4.2.4 Lawatan ahli Suruhanjaya ke kawasan kem mendapati pokok-pokok di sekitarnya masih berbentuk kanopi yang tebal dan tiada kesan ditebang. Ini dipercayai merupakan langkah-langkah yang diambil oleh sindiket bagi mengelak kem-kem tersebut dikesan dari udara.

4.2.5 Permukaan bumi di sebelah Thailand lebih landai dan mudah diakses berbanding dengan Malaysia yang lebih curam dan berhutan tebal. Di sebelah Thailand, terdapat ladang getah, kebun dan kawasan perkampungan yang berhampiran dengan sempadan.

4.2.6 Masih terdapat tinggalan jalan balak di kawasan Taman Negeri Perlis yang digunakan dalam tahun 80-an. Jalan ini adalah di antara laluan yang digunakan oleh pihak-pihak sindiket membawa turun PATI melalui ladang getah FELCRA Lubuk Sireh.

4.2.7 Sejumlah 148 struktur kubur telah dijumpai iaitu 57 di Bukit Wang Burma dan 91 di Genting Perah. Struktur kubur-kubur ini didapati menghadap arah kiblat menurut amalan agama Islam. Tidak wujud "mass grave"¹⁶ seperti dakwaan pihak media, Fortify Rights dan SUHAKAM¹⁷. Tidak dinafikan terdapat satu kubur yang agak besar yang dikatakan mengandungi 3 mayat yang dijumpai di Genting Perah pada 4 Jun 2015.

¹⁶Tidak terdapat definisi "mass grave" secara khusus di bawah perundangan antarabangsa. Secara umumnya, "mass grave" difahami sebagai merujuk kepada satu tapak yang mengandungi rangka manusia yang dikebumikan secara beramai-ramai. Human Rights Office of the United Nations Assistance Mission for Iraq dan the Office of the United Nations High Commissioner for Human Rights, "Unearthing Atrocities: Mass Graves in territory formerly controlled by ISIL" (6 November 2018).

¹⁷Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia dan Fortify Rights, "Sold Like Fish" (Malaysia, Mac 2019).

Sindiket

4.2.8 Terdapat sindiket-sindiket yang membawa masuk PATI melalui Thailand ke Malaysia yang dianggotai oleh warganegara Thailand, Myanmar dan Bangladesh. Ini berdasarkan kepada keterangan saksi-saksi dan laporan media Malaysia, Thailand dan laporan Fortify Rights dan SUHAKAM¹⁸. Fakta ini disokong dengan sabitan Mahkamah Thailand terhadap warga Thai yang terdiri daripada pegawai tentera, penjawat awam dan orang awam. Berdasarkan kepada keterangan, tiada bukti mengaitkan rakyat atau penjawat awam Malaysia yang menganggotai sindiket tersebut. Namun begitu, terdapat beberapa rakyat Malaysia yang terlibat dalam aktiviti penyeludupan PATI sebagai "tekong"¹⁹.

4.2.9 Mangsa-mangsa menceritakan bahawa mereka dibawa oleh bot-bot kecil dari negara masing-masing dan dipindahkan ke kapal induk Thai di perairan antarabangsa. Kemudiannya, mereka dibawa mendarat di Thailand dan dari sana, mereka dibawa oleh sindiket ke kem-kem di Thailand dan Malaysia. Malaysia adalah merupakan negara destinasi yang disasar oleh PATI tersebut.

4.2.10 Ahli sindiket didapati telah memperdaya PATI etnik Rohingya dan Bangladesh mengenai peluang pekerjaan, gaji yang lumayan, keselamatan di samping kos pengangkutan yang rendah. Mereka dieksploitasi apabila tiba di kem penempatan dengan dipaksa membuat bayaran atau bayaran tambahan melalui keluarga dan rakan-rakan. Kegagalan membuat bayaran menyebabkan mereka tidak akan dibebaskan oleh sindiket dari tahanan dan dikenakan tekanan, ancaman dan penderaan sehingga tuntutan ditunaikan.

¹⁸Ibid.

¹⁹Bagi tujuan laporan ini, "tekong" membawa maksud orang tempatan yang terlibat dalam membawa PATI ke destinasi yang ditetapkan (transporter).

Perihal PATI dan Kem Penempatan

4.2.11 Keseluruhan PATI berasal dari Myanmar, yang merupakan etnik Rohingya, dan Bangladesh. Fakta ini berdasarkan keterangan saksi-saksi yang terdiri daripada mangsa-mangsa, laporan forensik, pegawai penguat kuasa dan tertuduh²⁰.

4.2.12 Kem berada dalam keadaan yang daif, kotor, tiada bekalan air dan api, dengan ruang tempat tinggal yang sempit serta bekalan makanan yang tidak mencukupi dan terhad iaitu hanya diberi makan sekali sehari. Terdapat unsur-unsur ugutan, paksaan dan penderaan terhadap lelaki dan perempuan termasuk kanak-kanak semasa mereka berada di kem tahanan. Mereka dikurung dalam kandang berkawat duri dan berkunci dengan mangga, dikawal dengan kawalan bersenjata api dan berada dalam ketakutan sepanjang masa serta tidak dibenarkan berkomunikasi antara satu sama lain. Hukuman dalam bentuk penderaan fizikal akan dikenakan ke atas PATI yang cuba melarikan diri atau yang mengingkari arahan. Kemudahan perubatan juga tidak disediakan. Dapatan ini disokong oleh laporan SUHAKAM dan Fortify Rights²¹.

4.2.13 Daripada keterangan saksi yang turut dilaporkan dalam laporan SUHAKAM dan Fortify Rights²², di antara faktor-faktor yang menyebabkan kematian adalah kurang nutrisi, keadaan sekeliling yang tidak kondusif, bekalan air yang tidak bersih, ketiadaan kemudahan perubatan dan tempoh penahanan yang lama.

²⁰Disokong dengan hasil daripada siasatan pihak-pihak lain seperti Fortify Rights dan SUHAKAM dalam Laporan Sold Like Fish, laporan akhbar tempatan dan luar negeri.

²¹Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia dan Fortify Rights, "Sold Like Fish" (Malaysia, Mac 2019).

²²Ibid.

Koordinasi Penguatkuasaan

4.2.14 Keseluruhan kawalan di sempadan Malaysia-Thailand di Perlis terbahagi kepada:

- i. kawalan perbatasan oleh PGA, PDRM atau ATM secara bergilir meliputi kawasan Wang Kelian ke Bukit Kayu Hitam sepanjang 65 kilometer;
- ii. kawalan di pintu-pintu masuk rasmi di Bukit Kayu Hitam dan di Wang Kelian. Kawalan di pintu rasmi ini dianggotai oleh agensi penguatkuasaan utama seperti JIM, JKDM, PDRM²³, JPJ, AADK, MAQIS, PERHILITAN dan Jabatan Farmasi Negeri, KKM;
- iii. kawalan oleh UPP yang kini dikenali sebagai AKSEM²⁴ di sekatan jalan raya yang terletak lebih kurang 2 kilometer dari sempadan; dan
- iv. kawalan keselamatan oleh anggota-anggota Balai Polis Wang Kelian, Padang Besar dan Kaki Bukit.

4.2.15 Penguatkuasaan di sempadan melibatkan beberapa agensi seperti yang dinyatakan di atas. Untuk menjamin ia berkesan dan cekap, ia menghendaki satu koordinasi yang mantap di antara agensi-agensi yang terlibat. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya mendapati koordinasi antara agensi penguatkuasaan yang bertugas di kawasan sempadan adalah sangat lemah.

4.2.16 PGA dan Angkatan Tentera Malaysia bertanggungjawab ke atas pengurusan operasi dan kawalan sepanjang sempadan darat Malaysia-Thailand, manakala JIM, JKDM dan PDRM adalah tertumpu kepada pintu-pintu masuk negara

²³Terdiri daripada PGA dan Cawangan Khas.

²⁴UPP dan AKSEM terdiri daripada PDRM, JIM, JKDM, AADK serta Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara.

yang sah termasuklah ICQS. Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) yang kini dinaik taraf sebagai AKSEM pula mengawal kawasan bermula 2km dari sempadan negara. Agensi-agensi yang bertugas di kawasan sempadan ini masih berpegang kepada penugasan atau core business sendiri dan menyukarkan koordinasi kawalan sempadan yang mantap. Peranan pelbagai agensi dalam kawalan sempadan yang melibatkan beberapa lapisan ini boleh melemahkan tindakan menjaga keselamatan di sempadan terutamanya dengan ketiadaan koordinasi yang efektif.

4.2.17 Dalam pengurusan kes penemuan kem dan kubur di Wang Kelian ini, terdapat beberapa jabatan/unit di bawah PDRM yang terlibat pada tahap yang berbeza. Terdapat kelemahan dalam koordinasi dalaman PDRM dalam melaksanakan operasi ini yang dapat dilihat melalui gerak kerja dan maklumat yang disalurkan antara jabatan/unit mengenai penemuan kem dan kubur tersebut. Selain itu, terdapat kelompongan dalam proses penyaluran dan perkongsian maklumat di mana tinjauan dilaksanakan beberapa kali sebelum tindakan selanjutnya diambil. Ini dilihat telah menyebabkan kelewatan dalam pelaksanaan tindakan yang sewajarnya.

4.2.18 Pihak-pihak penguat kuasa juga gagal mengambil maklum, menganalisis dan memahami trend kemasukan PATI serta mengambil ringan kemasukan PATI yang berterusan pada skala yang besar sepanjang tahun 2012 sehingga 2015. Sewajarnya, trend kemasukan PATI secara besar-besaran dan berterusan ini mencetus amaran dan menjadi petanda kepada agensi penguatkuasaan di peringkat negeri dan Kebangsaan. Perkara ini juga sepatutnya dibangkitkan di peringkat pembuat dasar.

4.2.19 Di peringkat negeri, pihak PDRM, MKN, JIM dan AKSEM yang mengetahui dan maklum berkenaan corak dan aliran kemasukan ini tidak mengambil sebarang tindakan untuk menyekat kemasukan PATI di kawasan yang kerap dicerobohi. Sepatutnya, pemeriksaan sempadan secara berkala dan menyeluruh dilaksanakan di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand tanpa pengecualian.

4.2.20 Berdasarkan keterangan saksi-saksi, terdapat percanggahan dalam penentuan kawasan penugasan kawalan sempadan di Wang Kelian oleh PGA. S5 menyebut dalam keterangannya bahawa kawasan Wang Kelian adalah kawasan tidak aktif disebabkan ketiadaan pos kawalan dan kawasan tersebut adalah di bawah seliaan Taman Negeri Perlis. Walau bagaimanapun, keterangan S5 adalah bercanggah dengan S14 yang menyatakan bahawa kawasan Wang Kelian adalah sememangnya di bawah tanggungjawab PGA. Namun, rondaan tidak dapat dijalankan ekoran daripada kekurangan anggota dan tidak terdapat sebarang arahan rasmi berkaitan penentuan sama ada kawasan berkenaan aktif atau tidak aktif di bawah kendalian PGA.

4.2.21 Berdasarkan keterangan saksi-saksi, kawasan Wang Kelian tidak dikawal dan dironda sama sekali atas alasan:

- i. tidak termasuk dalam arahan rasmi penugasan;
- ii. tidak ada pos kawalan;
- iii. kekurangan anggota; dan
- iv. kawasan ini dikategorikan sebagai kawasan yang tidak aktif.

4.2.22 Kawasan tanggungjawab di sempadan negara bergantung kepada tahap keperluan aktiviti rondaan di sesuatu kawasan yang ditentukan oleh Jawatankuasa Perancang Gerakan Kebangsaan di bawah Majlis Keselamatan Negara. Bagi kawasan yang kurang didiami dan dengan faktor topografi yang curam, kurang penekanan diberikan oleh pihak pembuat dasar bagi penentuan kawasan tanggungjawab ini. Terdapat beberapa kawasan di sempadan negeri Perlis yang dikenal pasti perlu ditambah baik dari aspek kawalan keselamatan iaitu Kampung Wai di Kuala Perlis, kawasan Bintong di Kangar dan Wang Kelian.

4.2.23 Tindakan susulan selepas penemuan kem juga lambat dan tidak ditangani dengan segera. Setelah kem ditemui pada 19 Januari 2015, tindakan susulan bagi mengesahkan terdapatnya mayat dalam struktur menyerupai kubur hanya diambil pada 6 Mac 2015. Operasi pencarian dan penggalian mayat di Bukit Wang Burma dan Genting Perah pula hanya bermula pada bulan Mei 2015. Arahan Ketua Polis Negara pada ketika itu berhubung pengendalian kes ini adalah tidak jelas di mana arahan hold on telah diberikan kepada Ketua Polis Negeri Perlis. Ini telah mengakibatkan penangguhan siasatan terhadap kes ini. Kelewatan ini menunjukkan bahawa kes ini tidak mendapat perhatian yang serius serta tidak ditangani dengan segera (lack of urgency). S16 apabila ditanya sebab kelewatan mengambil tindakan, menjelaskan bahawa apabila beliau memaklumkan kepada Ketua Polis Negara tentang penemuan di Wang Burma, S47, telah mengarahkan supaya hold on. S47 dalam keterangannya menyatakan arahan ini perlu kerana beliau tidak pasti dengan lokasi kem yang ditemui berada, sama ada di kawasan Malaysia atau Thailand. Jawapan ini amat mengejutkan sekali kerana beberapa sebab.

4.2.24 Pertama, soal keraguan di mana kem terletak tidak pernah ditimbulkan oleh mana-mana saksi sebelum ini. Suruhanjaya percaya semua pihak yakin kem itu berada di dalam Malaysia. Kedua, sekiranya benar berlaku ketidakpastian tentang kedudukan kem itu, ia boleh dipastikan dalam jangka masa yang singkat. Ketiga, alasan ini tidak boleh diterima memandangkan sebelum ini pegawai-pegawai PGA telah pun membuat serbuan dan penggeledahan di kem-kem tersebut dan tidak mendapat sebarang bantahan daripada pihak Thailand. Suruhanjaya berpendapat alasan yang diberikan oleh S47 sukar diterima dan hanyalah satu helah bagi menutup sebab sebenar beliau mengarahkan supaya tindakan ditangguhkan.

4.2.25 Di dalam kes ini, penemuan kem dan kubur sepatutnya menimbulkan syak bahawa satu kesalahan jenayah telah berlaku. Sewajarnya, tindakan susulan segera perlu diambil bagi menyiasat tempat kejadian agar sebarang bahan bukti terpelihara dan tidak diganggu. Malangnya, tempat kejadian tersebut dibiarkan tanpa dikawal. Tindakan segera tidak diambil untuk pemeriksaan dan penggeledahan bagi pengesanan di kawasan berhampiran seperti Genting Perah selepas penemuan di Bukit Wang Burma. Tindakan susulan ini hanya diambil selepas hampir 2 bulan kemudian.

4.2.26 Suruhanjaya mendapati bahawa isu ini sekadar dibincangkan dalam Mesyuarat Bulanan Ketua Polis Negeri. Mesyuarat khusus bagi menangani isu ini tidak pernah diadakan. Di peringkat MKN, isu ini tidak dibangkitkan dengan kadar segera setelah penemuan pada bulan Januari 2015.

4.2.27 Berdasarkan keterangan S47, perkara tersebut telah dibawa ke Mesyuarat MKN dan keputusan pengerusi adalah agar penyiasatan dibuat bagi mengenal pasti penglibatan di pihak Malaysia selepas Thailand mengumumkan siri tangkapan pegawai kanan tentera, penjawat awam dan orang awam. Namun, S47 tidak dapat menyatakan tarikh sebenar perkara tersebut dibawa ke Mesyuarat MKN. Walau bagaimanapun, apa yang jelas, perkara ini hanya dibawa pada atau selepas bulan Mei 2015 iaitu setelah pengumuman dibuat oleh pihak Thailand.

4.2.28 Penyeksaan dan kematian PATI mungkin boleh dielakkan jika pihak berkuasa mengambil langkah lebih proaktif dalam pengawalan sempadan. Ia tidak memerlukan usaha yang gigih untuk mengesan apa yang berlaku di Bukit Wang Burma seperti yang ditunjukkan oleh S1. Apa yang perlu ada di kalangan pegawai penguat kuasa ialah sikap dedikasi, komitmen dan daya imaginasi dalam melaksanakan tugas mereka.

Kawalan Sempadan

4.2.29 Kem yang ditemui di Bukit Wang Burma dan Genting Perah terletak di kawasan Taman Negeri Perlis yang berkeluasan 4,379.81 hektar²⁵. Kawasan tersebut tidak termasuk dalam kawasan rondaan PGA dan ATM. Pihak PGA ketika menjalankan Operasi Wawasan hanya membuat rondaan daripada Bukit Kayu Hitam ke Pos Wang Kelian sejauh 65km. Daripada 65km ini, lebih kurang 5km kawasan sempadan Malaysia-Thailand di Wang Kelian ini adalah tidak dikawal. Penugasan di pos merangkumi 2km radius rondaan berdekatan dengan sempadan yang berpagar dan yang tidak berpagar. Didapati tiada pos kawalan di kawasan Wang Burma dan Genting Perah dan kebanyakan pos tidak disenggara dengan memuaskan serta berada dalam keadaan usang.

4.2.30 Sempadan darat Malaysia-Thailand antara Wang Kelian hingga ke Bukit Kayu Hitam didapati mudah dibolosi walaupun terdapat pagar keselamatan, tembok, pos kawalan serta jalan keselamatan (KESBAN) di sempadan tersebut. Sebab-sebab ini berlaku adalah seperti berikut:

- i. rondaan yang tidak mencukupi;
- ii. pagar kawat duri mudah dipotong;
- iii. ketiadaan CCTV di sempadan kawasan Wang Kelian;
- iv. pagar tidak disenggara;
- v. tiada penduduk di kawasan sempadan Malaysia yang boleh bertindak sebagai pemberi maklumat kepada pihak agensi penguatkuasaan; dan
- vi. CCTV hanya terdapat di ICQS di kawasan sempadan tetapi kebanyakannya rosak dan tidak berfungsi.

²⁵"Taman Negeri Perlis", Jabatan Perhutanan Negeri Perlis, 2017, 8 Julai 2019 <<https://www.perlis.gov.my/forestry/index.php/ms/eko-pelancongan/taman-negeri-perlis>>.

4.2.31 Kekuatan anggota yang ditempatkan di sempadan adalah tidak mencukupi untuk melaksanakan rondaan yang berkesan. Keadaan ini lebih meruncing kerana kekurangan peralatan terutama kenderaan, manakala kenderaan yang sedia ada sebahagian besarnya adalah rosak. Pada masa kini, kawasan Wang Kelian dikawal oleh satu seksyen dengan kekuatan 10 anggota PGA. Walau bagaimanapun, dalam keadaan sebenar, hanya 6 atau 7 orang anggota yang diketuai oleh Inspektor atau Sarjan yang ditempatkan untuk bertugas di kawasan tersebut. Hanya terdapat 2 atau 3 pos sahaja yang menggunakan kenderaan Land Rover dan di pos-pos lain menggunakan kenderaan atau motosikal anggota sendiri.

4.2.32 Pagar dan tembok sempadan yang dibina juga tidak menyeluruh di mana terdapat kawasan-kawasan sempadan yang terbuka manakala pagar-pagar dan tembok sedia ada tidak disenggara dengan baik. Selain itu, sebahagian besar kawasan sempadan negara masih belum membangun dan merupakan kawasan hutan. Keadaan ini memberi ruang kepada penyeludupan sama ada manusia, barangan, haiwan dan tumbuhan.

4.2.33 Pada keseluruhannya, Suruhanjaya mendapati kekurangan kakitangan, aset dan infrastruktur sempadan kurang diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak Kerajaan. Ini adalah merupakan faktor-faktor utama yang menyumbang kepada kejadian di Wang Kelian.

Penglibatan Penjawat Awam

4.2.34 Suruhanjaya turut menyiasat kemungkinan wujudnya rasuah dan penyalahgunaan kuasa di kalangan penguat kuasa dan penjawat awam di dalam kes Wang Kelian ini. Namun, berdasarkan keterangan, tiada sebarang bukti yang menjurus kepada penglibatan penjawat awam dalam kes ini. Ini disokong oleh keterangan-keterangan mangsa bahawa mereka dibawa ke kem oleh warga Thai, manakala penjaga kem pula adalah terdiri daripada warga Thailand, Myanmar dan Bangladesh.

4.2.35 Daripada deposisi²⁶ yang dikemukakan kepada Suruhanjaya, adalah disahkan bahawa warga Thai yang telah membawa mangsa-mangsa menaiki bukit untuk ke kem. Ini dinyatakan sendiri oleh mangsa-mangsa pemerdagangan orang yang memberi keterangan di Mahkamah Sesyen di Kangar, Perlis pada 2 Mac 2016, 3 Mac 2016, 18 April 2016 dan 23 Jun 2016. Mangsa 5 menjelaskan penglibatan warga Thai sepertimana berikut:

"...kami tidak boleh keluar dari kem sebab ada orang yang sama, mereka akan bertukar-tukar. Tetapi mereka bukan orang yang sama yang naik bukit dengan kami. Ada 20-30 orang Siam yang mengawal kami di kem itu..."²⁷.

4.2.36 Beliau juga menyatakan:

"...5 orang Myanmar itu jaga tempat tidur dan menjadi jurubahasa untuk bercakap bagi orang Siam. Mereka kerja untuk orang Siam. Mereka tidak bawa apa-apa senjata. Orang Siam ada pistol..."²⁸.

4.2.37 Manakala Mangsa 6 menyatakan bahawa salah seorang penjaga kem terdiri daripada seorang yang berbangsa Bangladesh yang juga menjadi penterjemah kepada mangsa²⁹. Mangsa 1 menyatakan bahawa ejen yang pergi ke kem terdiri daripada etnik Rohingya, Bangladesh dan Thailand³⁰. Menurutnya lagi:

"...ejen akan pukul kami kalau kami tak beri duit. Saya juga dipukul sebab saya buang air kecil tanpa minta kebenaran. Saya juga dipukul sebab tak dapat hubungi keluarga untuk minta duit..."³¹.

²⁶Deposisi mangsa-mangsa di Mahkamah Sesyen di Kangar, Perlis pada 2 Mac 2016, 3 Mac 2016, 18 April 2016 dan 23 Jun 2016.

²⁷Deposisi Mangsa 5 di Mahkamah Sesyen di Kangar, Perlis pada 18 April 2016.

²⁸Ibid.

²⁹Deposisi Mangsa 6 di Mahkamah Sesyen di Kangar, Perlis pada 23 Jun 2016.

³⁰Deposisi Mangsa 1 di Mahkamah Sesyen di Kangar, Perlis pada 7 September 2016.

³¹Ibid.

4.2.38 Daripada keterangan mangsa-mangsa ini, didapati bahawa tiada warganegara Malaysia sama ada orang awam ataupun penjawat awam yang terlibat dalam sindiket memperdagangkan orang dalam kes di Wang Kelian ini. Keterangan³² menunjukkan bahawa penglibatan orang awam rakyat Malaysia hanyalah sebagai “tekong” kepada PATI untuk dibawa ke destinasi dalam Malaysia yang ditetapkan. Terdapat juga kes di mana warganegara asing yang menetap di Malaysia memainkan peranan membawa PATI ke destinasi, mengatur perjalanan dan pekerjaan PATI.

4.2.39 Suruhanjaya berpeluang meneliti Laporan SUHAKAM dan Fortify Rights³³ berkaitan dengan salah laku pegawai awam di mana dinyatakan:

“The potential for corruption was also identified as an issue in Malaysia. For example, a Malaysian representative from the Legislative Assembly of Bukit Kayu Hitam, Kedah State in July 2017 testified to the Commission that potential corruption among Malaysian border-control authority members encourages human-trafficking activities. He said some border agents demand money from vehicles moving back and forth over the border without conducting proper inspections according to their respective agencies. The representative believes human traffickers might rely on this corruption to traffic people to Malaysia in vehicles crossing the border.”

³² S18 semasa pendengaran awam pada 28 April 2019.

³³ Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia dan Fortify Rights, “Sold Like Fish” (Malaysia, Mac 2019), p.85.

“An officer-in-charge of the Padang Besar District Police Headquarters in Malaysia’s Perlis State also told the Commission in 2017 that there was an issue for Malaysian law enforcement agencies with respect to bribery—and that Thai authorities facilitated the passage of “migrants” to Malaysia to avoid the cost of detaining them in Thailand.”

4.2.40 Suruhanjaya mendapati kenyataan-kenyataan di atas tidak secara langsung merujuk kepada insiden di Wang Kelian. Selain itu, ianya merupakan sangkaan dan kepercayaan mereka semata-mata yang tidak disokong oleh sebarang bukti.

4.2.41 Dalam hubungan ini, Suruhanjaya telah memanggil Dato’ A. Aziz bin A. Rahim (S42), Pengerusi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP), Badan yang mengawal selia agensi penguatkuasaan termasuk PDRM, JIM dan JKDM yang diperbadankan di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] untuk memberi keterangan. Beliau menyatakan, pihaknya telah memanggil wakil NST yang membuat liputan tentang insiden Wang Kelian. Ini adalah bagi mendapatkan maklumat lanjut hasil siasatan mereka untuk mengenal pasti sama ada terdapatnya salah laku di kalangan anggota PDRM atau anggota-anggota agensi penguatkuasaan lain yang bertugas di sempadan.

4.2.42 Perkara tersebut telah dibawa ke mesyuarat SIAP yang telah memutuskan siasatan tidak perlu dibuat kerana tempoh yang telah lama serta tidak ada bukti sokongan berlakunya sebarang salah laku di kalangan penguat kuasa di sempadan berdasarkan perbandingan maklumat pihak NST dan PDRM. Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa maklumat daripada pihak NST tidak memperincikan tuduhan salah laku terhadap mana-mana pegawai bagi membolehkan SIAP memulakan siasatan. Berdasarkan apa yang diperincikan di atas, Suruhanjaya berpuas hati tanpa sebarang keraguan yang munasabah bahawa tidak ada bukti bagi menyokong sangkaan atau tuduhan bahawa berlakunya rasuah dan penyalahgunaan kuasa di kalangan penjawat awam.

4.3 PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)

4.3.1 Suruhanjaya mendapati agensi penguatkuasaan, terutamanya PDRM mempunyai SOP bagi melaksanakan siasatan yang digunapakai di semua peringkat. Dalam penyiasatan kes penemuan kem dan kubur di Wang Kelian ini, didapati bahawa terdapat pelbagai SOP yang berkaitan, iaitu Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN) Bahagian D 216 Pendatang Haram/Asing Tanpa Izin, PTKPN Bahagian D 223 Kertas "Enquari" Polis (KEP), PTKPN D 232 Laporan Mati Mengejut, PTKPN Bahagian D 102 Bantuan Saintifik, PTKPN Bahagian D150 Criminal Investigation, PTKPN Bahagian A125 Estet Yang Tidak Berwasiat – Harta Tidak Dituntut dan Dirampas, PTKPN Bahagian D221 Pemeriksaan Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) dan Prosedur Bagi Agensi Penguatkuasaan di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 yang telah dikeluarkan oleh Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO).

4.3.2 Setelah meneliti SOP sedia ada ini, didapati bahawa sebahagian besar prosedur telah dipatuhi. Walaupun begitu, terdapat beberapa prosedur penting yang tidak dipatuhi sehingga menjejaskan kualiti penyiasatan kes.

Penyiasatan di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670]

4.3.3 Pada peringkat awal penemuan kem pada bulan Januari 2015, kes tersebut tidak disiasat di bawah Akta 670. Seramai 38 orang PATI telah ditangkap dan diserahkan ke IPD Padang Besar yang seterusnya menyerahkan 38 orang PATI tersebut kepada Jabatan Imigresen Malaysia pada 19 Januari 2015. Laporan tangkapan polis tersebut yang telah dibuat oleh S5 dan didapati tidak menyatakan butiran rampasan ekshibit oleh anggota serbuan yang diketuai S3. S5 yang membuat aduan juga bukanlah pegawai yang sebenar melakukan serbuan di atas Bukit Wang Burma yang menjadikan aduan tersebut bersifat hearsay. Laporan sepatutnya dibuat oleh pegawai yang mengetuai serbuan iaitu S3.

4.3.4 Berdasarkan keterangan S11, laporan tersebut telah diklasifikasikan oleh IPD Padang Besar sebagai refer other agency (ROA), iaitu Jabatan Imigresen Malaysia kerana didapati tidak melibatkan unsur-unsur jenayah dan tidak disiasat sebagai kes di bawah Akta 670. Prosedur ini, menurut S11, adalah berdasarkan arahan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah bertarikh 9 Oktober 2007 berdasarkan keputusan Mesyuarat Mahkamah Khas, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) pada 14 Februari 2007. Ini menunjukkan bahawa agensi penguatkuasaan tidak memberikan perlindungan kepada PATI sebagai mangsa pemerdagangan orang.

4.3.5 Selepas S11 dimaklumkan mengenai tangkapan 38 orang PATI ini pada 20 Januari 2015, beliau telah mengarahkan agar rakaman percakapan diambil dari kesemua 38 orang PATI tersebut di depot Imigresen pada 22 Januari 2015. Seterusnya, S11 pada 23 Januari telah melawat tempat kejadian untuk membuat tinjauan. Setelah tinjauan dibuat, menurut S11, Ketua Polis Daerah Padang Besar telah mengarahkan agar kes ini kekal diklasifikasikan sebagai Kertas Enkuiri Polis (KEP). Justeru, tiada siasatan lanjut diambil. Adalah tidak wajar untuk kes ini masih diklasifikasi sebagai KEP dan tidak ditukarkan kepada kertas siasatan walaupun tinjauan telah dibuat dengan melihat semula keadaan kem dan struktur kubur berkenaan serta setelah rakaman percakapan 38 PATI telah direkodkan.

4.3.6 Pada 20 Januari 2015, dalam Mesyuarat Bulanan Ketua Polis Perlis Bil. 1/2015, S5 telah memberi taklimat bahawa PGA telah berjaya menemui satu penempatan haram di atas Bukit Wang Burma yang dipercayai menjadi transit PATI sebelum memasuki Malaysia oleh pihak yang memperdagangkan manusia.³⁴ Dalam mesyuarat yang sama, S13 yang merupakan pengerusi mesyuarat telah mengarahkan pihak PGA untuk mengambil tindakan segera memusnahkan penempatan haram tersebut. S13 di hadapan Suruhanjaya memberi keterangan bahawa tujuan arahan tersebut diberi ialah supaya kem tersebut tidak digunakan lagi di masa akan datang oleh PATI. Arahan ini dilihat bercanggah dengan keputusan mesyuarat bahawa terdapat elemen pemerdagangan orang dan penyeludupan migran yang sepatutnya disiasat di bawah Akta 670. Seterusnya, segala bahan bukti harus dipelihara bagi membantu pendakwaan sepertimana yang ditetapkan Akta 670³⁵ dan Prosedur Bagi Agensi Penguatkuasaan di bawah Akta 670. Keputusan dan tindakan untuk sesuatu kes dibuka dan disiasat yang bergantung kepada indikator sama ada terdapat dalang atau tidak, tidak sepatutnya dijadikan asas. Sepatutnya, keseluruhan fakta kes dan juga indikator lain perlu diteliti, terutamanya bagi kesalahan penyeludupan migran atau kes jenayah yang lain serta semua PATI yang ditangkap perlu disiasat sepertimana SOP yang sedia ada.

³⁴ Minit Mesyuarat Bulanan Ketua Polis Perlis Bil. 1/2015 bertarikh 21 Januari 2015.

³⁵ Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] s27-s41.

4.3.7 Semakan Suruhanjaya telah mendapati bahawa terdapat arahan daripada Ketua Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara ruj. PN.PRM 152/4/40 bertarikh 23 Julai 2009 yang mengarahkan agar "sebarang tangkapan yang ada melibatkan warganegara asing hendaklah disiasat di bawah Akta Antipemerdagangan Manusia 2007 terlebih dahulu, kecuali kesalahan-kesalahan jenayah yang jelas di bawah Akta-Akta lain, contohnya seperti membunuh dan mengedar dadah, merompak dan sebagainya"³⁶ .

4.3.8 Dalam kes ini, jelas sekali semua pihak berkaitan termasuk MKN dan Kementerian Dalam Negeri tidak sensitif terhadap wujudnya unsur-unsur jenayah pemerdagangan orang berdasarkan Akta 670. Sekiranya pihak yang berkeenaan lebih sensitif dan prihatin, nescaya kes ini boleh dikendalikan dengan lebih profesional dan adil lagi. Jika sedemikian, sebahagian daripada PATI yang terlibat sepatutnya dikendalikan sebagai mangsa pemerdagangan orang di bawah Akta 670. Ini adalah satu kegagalan yang serius pada peringkat pembuat dasar dan pelaksana.

Pengendalian Ekshibit

4.3.9 Berdasarkan keterangan S3, semasa serbuan dibuat di kem di Bukit Wang Burma pada 19 Januari 2015, selain tangkapan PATI, beberapa barang kes telah dijumpai. S3 hanya menyerahkan ekshibit tersebut pada 28 Januari 2015, iaitu setelah lebih seminggu berlalu. S3 semasa memberi keterangan di hadapan Suruhanjaya menyatakan bahawa ekshibit tersebut diserahkan kepada S4 kerana di pejabat S3 iaitu di Pos TS9, tidak mempunyai tempat berkunci untuk menyimpan barang kes. S4 seterusnya telah menyerahkan ekshibit tersebut kepada S7 pada 29 Januari 2015.

³⁶ Siasatan di bawah Akta Antipemerdagangan Manusia 2007 – Bagi Kes-kes yang Melibatkan Warganegara Asing, surat daripada Ketua Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara kepada Ketua Polis Negara, Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia, Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, ruj. PN.PRM 152/4/40 bertarikh 23 Julai 2009.

4.3.10 Suruhanjaya berpendapat bahawa ekshibit yang dijumpai di Bukit Wang Burma pada 19 Januari 2015 ini tidak diuruskan dengan baik di mana ia tidak direkodkan, disimpan oleh S3 bagi tempoh yang panjang, disimpan di tempat yang tidak selamat sebelum diserahkan kepada S4 dan hanya diserahkan kepada S7 apabila ditanya oleh S7 melalui S4. Terdapat juga ekshibit-ekshibit lain yang penting tetapi tidak diambil seperti sim card yang ditemui berselerakan di lokasi dan boleh membantu siasatan.

4.3.11 Suruhanjaya berpandangan bahawa ekshibit yang dijumpai pada 19 Januari 2015 sepatutnya diserahkan dengan segera kepada pegawai penyiasat JSJ IPD Padang Besar semasa S5 membuat laporan tangkapan 38 orang PATI pada hari yang sama. Ekshibit-ekshibit masih disimpan oleh pasukan PGA tetapi tidak diserahkan kepada pihak JSJ walaupun terdapat pegawai penyiasat JSJ yang bertugas. Penjelasan yang diberikan S3 bahawa ekshibit-ekshibit berkaitan telah diserahkan oleh beliau kepada S4 kerana tiada tempat untuk menyimpan ekshibit oleh pihak PGA adalah tidak munasabah dan tidak boleh diterima. Ekshibit-ekshibit berkenaan sepatutnya diserahkan terus kepada pegawai penyiasat JSJ dengan seberapa segera. Ini menunjukkan kelemahan dan kegagalan mematuhi sepenuhnya SOP yang ada.

4.3.12 Keadaan ini sekali gus menyukarkan pihak IPD Padang Besar untuk mengklasifikasikan kes serta melambatkan permulaan penyiasatan yang menyeluruh ke atas penemuan kem.

Pengurusan Mayat

4.3.13 Pada 6 Mac 2015, satu pasukan polis daripada IPD Padang Besar telah mengadakan satu misi khas bagi mengenal pasti sama ada terdapat mayat dalam struktur tanah yang menyerupai kubur di Bukit Wang Burma. Penggalian struktur tanah tersebut telah menjumpai kain kafan yang mengandungi mayat tetapi kubur tersebut telah ditimbus kembali. Kertas siasatan LMM seterusnya telah dibuka. Menurut S11, pasukan polis yang terlibat dalam misi khas tersebut hanya mengambil gambar mayat yang dijumpai dan menanda 35 struktur tanah menyerupai kubur yang dikesan semasa misi tersebut.

4.3.14 Seksyen 329(2) Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] menyatakan bahawa pegawai polis tidak rendah dari pangkat Sarjan perlu hadir dengan segera ke tempat mayat dijumpai, membuat siasatan dan menyediakan laporan berhubung sebab kematian jika nyata, mencirikan kecederaan, kepatahan tulang, lebam dan lain-lain kecederaan atau kesan dan barangan yang pada pendapat pegawai polis tersebut berkait dengan kematian mangsa.

4.3.15 Daripada keterangan saksi-saksi, didapati bahawa perekodan keadaan mayat dan tempat kejadian seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 329(2) Akta 593 tersebut, tidak dilakukan segera memandangkan hanya gambar dan tanda struktur kubur sahaja dibuat.

4.3.16 Dalam pengendalian penemuan mayat pada 6 Mac 2015 di Bukit Wang Burma ini, didapati bahawa tindakan pengenalan mayat, tindakan bagi memastikan kawasan tidak didekati orang yang tidak mempunyai kebenaran dan tindakan bagi mengawasi mayat tidak dibuat. S11, pemangku Ketua Bahagian Siasat Jenayah IPD Padang Besar semasa memberi keterangan di hadapan Suruhanjaya menyatakan bahawa beliau tidak pasti sama ada langkah-langkah ini telah diambil dan S11 sendiri tidak memberi arahan untuk tindakan tersebut dibuat. S11 hanya menyatakan lebih ramai anggota PGA ditugaskan di kawasan tersebut untuk menghalang pencerobohan. Namun, S11 tidak dapat menyatakan dengan pasti skop kawalan PGA tersebut.

4.3.17 Dalam hal ini, pihak PDRM telah gagal bertindak segera walaupun mendapati struktur kubur-kubur berkenaan ditemui berhampiran dengan kem. Suruhanjaya mendapati bahawa segala tindakan penyiasatan di tempat kejadian, penggalian mayat dan bedah siasat mayat hanya dibuat pada bulan Mei 2015 semasa Operasi Wawasan Khas dilancarkan. Ia tidak dilaksanakan dengan secepat mungkin seperti yang dikehendaki dalam seksyen 330 Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] dan PTKPN D 232.

Rumusan Suruhanjaya

4.3.18 Secara keseluruhannya, Suruhanjaya mendapati bahawa pegawai-pegawai PDRM yang terlibat dalam kes ini kurang pemahaman dan pengalaman dalam mengendalikan kes yang melibatkan elemen pemerdagangan orang dan penyeludupan migran walaupun mereka bertugas di kawasan sempadan negara. Kekurangan ini telah menyebabkan pengurusan kes ini menjadi tidak teratur dan penyiasatan yang giat tidak dijalankan sehingga bulan Mei 2015.

4.3.19 Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah dan Ketua Polis Daerah juga tidak peka dengan situasi serta fakta kejadian yang melibatkan tangkapan PATI, penemuan kem dan struktur kubur ini seawal Januari 2015, di mana ia hanya dilihat sebagai semata-mata kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 sahaja. Maka, kes ini hanya dirujuk kepada Jabatan Imigresen Malaysia. Walaupun terdapat unsur-unsur jenayah yang berlaku di mana terdapat PATI yang dijumpai dikurung dan diawasi oleh beberapa pengawal kem yang bersenjata, arahan yang diberikan ketika itu hanyalah untuk membuka KEP. Sepatutnya, kertas siasatan polis hendaklah dibuka.

4.3.20 Arahan hold on yang dikeluarkan oleh Ketua Polis Negara pada masa itu telah menyebabkan kelewatan penyiasatan yang memberikan impak besar ke atas kualiti keseluruhan siasatan.

4.4 ANALISIS PERUNDANGAN, KONVENSYEN ANTARABANGSA DAN LAIN-LAIN

4.4.1 Suruhanjaya mengambil kira dan meneliti perundangan domestik, konvensyen antarabangsa serta protokol-protokol yang berkaitan pemerdagangan orang, penyeludupan migran, pelarian, imigresen serta perundangan pencegahan yang berkuatkuasa.

Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670]

4.4.2 Akta Antipemerdagangan Orang 2007 telah diluluskan dan mula berkuatkuasa sepenuhnya pada 28 Februari 2008. Akta ini kemudiannya telah dipinda pada tahun 2010 dan dikuatkuasakan pada 15 November 2010 dan dikenali sebagai Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670].

4.4.3 Bagi memperkasakan perundangan sedia ada, Akta 670 sekali lagi dipinda pada tahun 2015 yang antaranya melibatkan peruntukan mengenai penglibatan lebih aktif NGO dalam aspek perlindungan dan penjagaan mangsa pemerdagangan orang. Pindaan tersebut mula berkuatkuasa pada 18 November 2015.

4.4.4 Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri yang mana antara tanggungjawab yang ditetapkan di bawah seksyen 7, Akta 670 ialah menyelaraskan pelaksanaan Akta, merumuskan dasar dan program bagi mencegah dan memerangi pemerdagangan orang dan penyeludupan migran serta menasihati Kerajaan mengenai isu pemerdagangan orang dan penyeludupan migran termasuk perkembangan di peringkat antarabangsa terhadap perbuatan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.

4.4.5 Seksyen 6 Akta tersebut memperuntukkan Menteri Dalam Negeri adalah pengerusi Jawatankuasa Peringkat Tertinggi MAPO. Lima agensi penguatkuasaan yang diberi kuasa di bawah akta ini ialah PDRM, JIM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dan JKDM.

4.4.6 Akta ini memperuntukkan dua bahagian khusus bagi kesalahan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran pada Bahagian III dan Bahagian III A. Senarai kesalahan dan hukuman bagi setiap seksyen berkaitan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 7 dan 8 seperti yang berikut:

BAHAGIAN III KESALAHAN PEMERDAGANGAN ORANG KEKEBALAN, DSB.	
SEKSYEN	HUKUMAN
12. Kesalahan pemerdagangan orang	Pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima belas (15) tahun, dan boleh didenda.
13. Kesalahan pemerdagangan orang dengan cara ancaman, kekerasan, dsb.	Pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada tiga (3) tahun tetapi tidak melebihi dua puluh (20) tahun, dan boleh juga didenda.
14. Kesalahan pemerdagangan kanak-kanak	Pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada tiga (3) tahun tetapi tidak melebihi dua puluh (20) tahun, dan boleh juga didenda.
15. Kesalahan mendapatkan keuntungan daripada eksploitasi orang yang diperdagangkan	Pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima belas (15) tahun, dan boleh juga didenda tidak kurang daripada lima ratus ribu ringgit (RM 500,000.00) tetapi tidak melebihi satu juta (RM 1,000,000.00) dan boleh juga dilucutkan keuntungan yang daripada kesalahan itu.
15A. Kesalahan berhubung dengan pemerdagangan orang dalam transit	Pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tujuh (7) tahun, dan boleh didenda.

Jadual 7: Kesalahan Pemerdagangan Orang

BAHAGIAN IIIA PENYELUDUPAN MIGRAN	
SEKSYEN	HUKUMAN
26A. Kesalahan penyeludupan migran	Pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima belas (15) tahun, dan boleh didenda, atau kedua-duanya.
26B. Kesalahan penyeludupan migran yang lebih berat	Pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada tiga (3) tahun tetapi tidak melebihi dua puluh (20) tahun, dan boleh juga didenda.
26C. Kesalahan berhubung migran yang diseludup dalam transit	Pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tujuh (7) tahun, dan boleh didenda.
26D. Kesalahan mendapat keuntungan daripada kesalahan penyeludupan migran	Pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada tujuh (7) tahun tetapi tidak melebihi lima belas (15) tahun, dan boleh juga didenda tidak kurang daripada lima ratus ribu ringgit (RM 500,000.00) tetapi tidak melebihi satu juta (RM 1,000,000.00), atau kedua-duanya, dan boleh juga dilucutkan keuntungan yang daripada kesalahan itu.
26H. Menyembunyi atau melindungi migran yang diseludup dan penyeludup migran	Pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh (10) tahun, dan boleh didenda, atau kedua-duanya.
26J. Kesalahan mengangkut migran yang diseludup	Pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima (5) tahun, dan boleh didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit (RM 250,000.00) atau kedua-duanya.

Jadual 8 : Kesalahan Penyeludupan Migran

Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155] dan Akta Pasport 1966 [Akta 150]

4.4.7 Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155] dan Akta Pasport 1966 [Akta 150] merupakan perundangan utama negara mengenai prosedur keluar masuk Malaysia serta kewajipan mempunyai dokumen perjalanan yang sah. Warga asing terutamanya perlu mematuhi peruntukan yang ditetapkan dan memasuki negara melalui pintu masuk yang telah diwartakan.

4.4.8 Seksyen 55E(7) Akta 155 mentafsirkan "Pendatang Asing Tanpa Izin" sebagai mana-mana orang, selain daripada warganegara, yang menyalahi seksyen 5, 6, 8, 9 atau 15 Akta 155 atau Peraturan 39, Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. Antara kesalahan yang diperuntukkan di bawah akta-akta ini ialah:

SEKSYEN	KESALAHAN	HUKUMAN
Seksyen 5(2)	Masuk dan keluar dari Malaysia melalui jalan yang tidak dibenarkan atau jalan yang tidak diwartakan	Denda tidak lebih RM10,000.00 atau penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya sekali.
Seksyen 6(3)	Masuk dan tinggal di Malaysia tanpa Pas atau Permit yang sah.	Denda tidak lebih daripada RM10,000.00 atau penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya sekali dan boleh dikenakan tidak lebih daripada 6 kali sebatan.
Seksyen 8	Imigran Larangan	Denda tidak lebih RM10,000.00 atau penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya sekali.
Seksyen 9	Masuk dan tinggal di Malaysia setelah Pas atau Permit dibatalkan oleh Ketua Pengarah Imigresen Malaysia.	Denda tidak lebih RM10,000.00 atau penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya sekali.
Seksyen 15	Tinggal di Malaysia setelah Permit dibatalkan atau suatu pas tamat tempoh.	Denda tidak kurang daripada RM10,000.00 atau penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

SEKSYEN	KESALAHAN	HUKUMAN
Peraturan 39(b)	Melanggar syarat Pas , Permit atau Pas Sempadan.	Denda tidak lebih RM1,000.00 atau penjara tidak lebih 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Jadual 9 : Kesalahan Imigresen

Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) [Akta 297]

4.4.9 Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) [Akta 297] telah digubal pada tahun 1959. Akta ini adalah sebuah undang-undang yang berbentuk pencegahan yang juga digubal di bawah Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan. Akta ini bertujuan untuk mengawal penjenayah khususnya jenayah terancang/sindiket yang mengancam keselamatan negara dengan mendaftar penjenayah di bawah akta ini serta meletakkan penjenayah tersebut di bawah pengawasan pihak polis. Ia juga bagi menangani kegiatan jenayah berat seperti jenayah kongsi gelap, jenayah kekerasan, jenayah harta benda, dadah, pelacuran, perjudian dan juga penyeludupan migran. Kategori yang boleh didaftarkan (Registrable Categories) dalam Jadual Pertama Akta 297 adalah seperti berikut:

"First Schedule
Registrable Categories

1. All members of unlawful societies which—
 - (i.) use Triad ritual; or

- (ii.) are constituted or used for purposes involving the commission of offences that are seizable under the law for the time being in force relating to criminal procedure; or
 - (iii.) maintain secrecy as to their objects
2. Persons who belong to or consort with any group, body, gang or association of two or more persons who associate for purposes which include the commission of offences under the Penal Code.
 3. All traffickers in dangerous drugs, including persons who live wholly or in part on the proceeds of drug trafficking.
 4. All traffickers in persons, including persons who live wholly or in part on the proceeds of trafficking in persons.
 5. All persons concerned in the organization and promotion of unlawful gaming.
 6. All smugglers of migrants, including persons who live wholly or in part on the proceeds of smuggling or migrants.
 7. Persons who recruit, or agree to recruit, another person to be a member of an unlawful society or a gang or to participate in the commission of an offence.
 8. Persons who engage in the commission or support of terrorist acts under the Penal Code.”³⁷

³⁷ First Schedule, Prevention of Crime Act 1959 [Act 297].

Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) [Akta 747]

4.4.10 Akta ini digubal untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah khas yang berhubungan dengan kesalahan keselamatan bagi maksud mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

4.4.11 Akta ini menyenaraikan kesalahan di bawah Bab IIIA Penyeludupan Migran, Akta 670 sebagai Kesalahan Keselamatan di bawah Jadual Pertama. Senarai kesalahan keselamatan adalah seperti berikut:

<p style="text-align: center;"><u>"Jadual Pertama</u> Kesalahan Keselamatan</p> <p>Kanun Keseksaan [Akta 574]:</p> <ul style="list-style-type: none">(i) Kesalahan di bawah Bab VI(ii) Kesalahan di bawah Bab VIA(iii) Kesalahan di bawah Bab VIB <p>Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670]:</p> <p style="text-align: center;">Kesalahan di bawah Bab IIIA</p> <p>Akta Langkah-langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara 2015 [Akta 770]"³⁸</p>

³⁹ Jadual Pertama, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 [Akta 747].

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613]

4.4.12 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] bertujuan untuk mendakwa pengubahan wang haram, mana perbuatan yang berurusan dengan hasil daripada aktiviti jenayah, menyediakan langkah-langkah dan mengesan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan dan mekanisme untuk menyita dan melucut hak hasil jenayah dan harta penganas.

4.4.13 Menurut Akta 613 ini, setiap dakwaan untuk kes pengubahan wang haram perlu dibuktikan dengan kesalahan predikat (atau juga dipanggil kesalahan berat menurut Akta 613) bagi mengesahkan wang tersebut adalah wang haram. Jenayah predikat yang dimaksudkan di bawah Akta ini telah disenaraikan dalam Jadual Kedua; yang merangkumi 41 Akta yang dikendalikan oleh pelbagai agensi penguatkuasaan. Jenayah-jenayah predikat ini merupakan jenayah terancang yang berat dilakukan oleh sindiket atau kongsi gelap. Antara jenayah-jenayah yang melibatkan kesalahan berat di bawah Jadual Kedua Akta 613 ialah Akta 670, Akta Akta 150, Akta 155, Akta 37, Akta 357 dan Kanun Keseksaan.

Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [Akta 621]

4.4.14 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [Akta 621] telah dikuatkuasakan pada 1 Mei 2003 bertujuan untuk menggalakkan kerjasama antarabangsa dengan agensi-agensinya yang terlibat dalam sistem keadilan jenayah di semua peringkat di seluruh dunia. Ini dapat memastikan semua agensi dapat memberikan bantuan bersama supaya penyiasatan dan perbicaraan boleh dijalankan dengan licin dan keadilan dicapai.

4.4.15 Tujuan Akta ini ialah bagi Malaysia memberi dan memperolehi bantuan antarabangsa dalam perkara jenayah serta perkara berkaitan dengannya. Akta ini juga tidak menghalang kerjasama dengan mana-mana organisasi antarabangsa selain bantuan yang boleh diperolehi di bawah Akta ini. Akta 621 dapat membantu penyiasatan kes-kes jenayah yang melibatkan kegiatan pengubahan wang haram di peringkat antarabangsa dengan lebih berkesan lagi.

Akta Ekstradisi 1992 [Akta 479]

4.4.16 Akta Ekstradisi 1992 [Akta 479] telah dikuatkuasakan pada 21 Februari 1992 dengan pengemaskinian dan penyusunan semula dua undang-undang berhubung ekstradisi iaitu Ordinan Ekstradisi 1958 yang mula berkuat kuasa pada 1 Disember 1960 dan Akta Penjenayah Buruan Komanwel 1967 yang mula berkuat kuasa pada 30 September 1967. Akta ini membolehkan proses ekstradisi penjenayah buruan dari negara asal ke Malaysia dan dari Malaysia ke negara pemohon.

Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Mengenai Jenayah Terancang (UNTOC)

4.4.17 Konvensyen ini adalah dokumen yang mengikat negara-negara ahli secara perundangan yang telah mula berkuat kuasa pada tahun 2013. Konvensyen ini bertujuan untuk menggalakkan kerjasama bagi mencegah dan memerangi jenayah terancang rentas sempadan dengan lebih berkesan.

4.4.18 Malaysia telah menandatangani Konvensyen ini pada 26 September 2002 dan meratifikasinya pada 24 September 2004. Malaysia merupakan negara ahli³⁹ kepada Konvensyen ini bersama 189 negara di seluruh dunia.

³⁹ Negara ahli sehingga Februari 2019.

Protocol against the Smuggling of Migrants by Land, Sea and Air

4.4.19 Protokol mengenai penyeludupan migran melalui darat, laut dan udara ini merupakan instrumen utama mengenai penyeludupan migran di bawah UNTOC. Walaupun Malaysia bukan ahli kepada protokol ini, Negara mempunyai perundangan khusus bagi kesalahan berhubung penyeludupan migran.

4.4.20 Artikel 2 protokol ini menyatakan bahawa tujuan utama adalah bagi mencegah dan memerangi penyeludupan migran dan dalam masa yang sama menggalakkan kerjasama di kalangan negara ahli di samping melindungi hak migran yang diseludup (*while protecting the rights of smuggled migrants*). Instrumen ini menumpukan kepada tindakan perundangan yang perlu diambil oleh negara ahli kepada penyeludup namun tiada peruntukan khusus mengenai migran yang diseludup atau PATI.

Protocol to Prevent, Suppress and Punish Trafficking in Persons, Especially Women and Children

4.4.21 Malaysia mula menjadi ahli kepada protokol ini pada 26 Februari 2009. Protokol ini merupakan komitmen negara-negara dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang secara komprehensif dengan menggariskan tindakan daripada aspek pencegahan, pendakwaan dan perlindungan kepada mangsa pemerdagangan orang.

Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967

4.4.22 Malaysia bukan negara ahli kepada Konvensyen mengenai Status Pelarian 1951 dan/atau Protokol 1967 serta tiada peruntukan atau takrifan khusus di dalam perundangan domestik negara yang menyentuh mengenai "pelarian" termasuk Akta Imigresen 1959/63. Dasar semasa mengenai "pelarian" ini terletak di bawah bidang kuasa Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Instrumen Antarabangsa dan Serantau yang Berkaitan

4.4.23 Selain itu, Malaysia juga telah meratifikasi tiga (3) konvensyen antarabangsa mengenai hak asasi manusia iaitu Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Konvensyen Hak Asasi Kanak-Kanak (CRC) dan Konvensyen Hak Asasi Orang Kurang Upaya (CRPD).

4.4.24 Di peringkat serantau, Malaysia bersama negara-negara ASEAN telah meratifikasi ASEAN Convention Against Trafficking in Persons Especially Women and Children (ACTIP) yang memfokus kepada usaha dan kerjasama dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang di ASEAN.

Analisis dan Dapatan

4.4.25 Suruhanjaya mendapati undang-undang sedia ada adalah memadai bagi menangani jenayah yang melibatkan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Selain daripada itu, undang-undang pencegahan seperti POCA dan undang-undang khas SOSMA juga boleh digunakan bagi kes-kes penyeludupan migran.

4.4.26 Namun demikian, dalam kes ini, Suruhanjaya mendapati pihak penguat kuasa dan orang awam kurang memahami isu dan perundangan berhubung pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Ini berpunca daripada faktor-faktor seperti berikut:

- i. kurangnya penjelasan disampaikan kepada anggota penguat kuasa berhubung perundangan berkaitan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran;
- ii. kesedaran dan sensitiviti orang awam terhadap isu pemerdagangan orang dan penyeludupan migran masih rendah; dan
- iii. kurangnya keberkesanan penyebaran maklumat berkaitan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran di kalangan orang awam.

4.4.27 Dalam konteks ini, selaras dengan norma-norma antarabangsa, isu pemerdagangan orang hendaklah diiktiraf sebagai isu pencabulan hak asasi manusia yang melanda masyarakat antarabangsa. Kerjasama serantau perlu dipertingkatkan untuk menangani jenayah rentas sempadan terutamanya pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.

4.4.28 Suruhanjaya mendapati siasatan kes yang dijalankan sepatutnya tidak tertumpu kepada isu penyeludupan migran sahaja tetapi perlu juga menyiasat elemen-elemen jenayah di bawah pemerdagangan orang. Malangnya siasatan yang dijalankan tidak memenuhi kriteria di atas walaupun perundangan-perundangan domestik telah sedia ada.

4.5 KERJASAMA DUA HALA MALAYSIA - THAILAND

4.5.1 Kerjasama antara Malaysia dan Thailand telah lama terjalin dengan pewujudan General Border Committee (GBC) Malaysia-Thailand dan jawatankuasa di bawahnya yang diurusetikan oleh MKN. Di bawah GBC, terdapat Border Information Cooperation Agencies Meeting (BICAM) yang merupakan satu mesyuarat khusus di antara PDRM dan rakan sejawat Thailand. Namun begitu, kerjasama risikan dalam isu kawalan sempadan Malaysia-Thailand adalah kurang memuaskan.

4.5.2 Isu-isu PATI dan sebarang isu berhubung risikan bagi aktiviti pemerdagangan orang dan penyeludupan migran di Bukit Wang Burma dan Genting Perah juga tidak dibangkitkan atau tidak dilaporkan dalam mesyuarat GBC Malaysia – Thailand. Ini disebabkan oleh persetujuan kedua-dua pihak diperlukan dalam penetapan agenda perbincangan Mesyuarat GBC.

4.5.3 Platform ini adalah peluang untuk membincangkan isu keselamatan sempadan kedua-dua negara termasuk pertukaran maklumat, operasi dan latihan bersama yang dilaksanakan bagi kawalan sempadan darat, laut dan udara. Tambahan pula, pasukan risikan agensi penguatkuasaan tempatan juga didapati tidak memainkan peranan yang positif dalam mendapatkan maklumat awal isu pemerdagangan orang dan penyeludupan migran ini. Oleh itu, peranan GBC dan Jawatankuasa di bawahnya perlu dikaji dan ditambah baik.

4.5.4 Selain GBC, Malaysia dan Thailand turut mengadakan Joint Border Patrol iaitu satu rondaan bersama di kawasan sempadan yang ditetapkan oleh kedua-dua pihak. Kerjasama ini dilaksanakan sebanyak setahun sekali, namun, pada tahun 2013 sehingga 2015, tiada rondaan bersama dijalankan di kawasan sempadan Malaysia-Thailand di Perlis.

4.6 ANALISIS ISU KEMASUKAN PATI (FAKTOR PENOLAK DAN PENARIK)

4.6.1 Sebagaimana dijelaskan sebelum ini, kebanyakan PATI yang ditangkap dalam kes ini berasal dari Bangladesh dan Myanmar. Pergolakan antara agama Buddha dan Islam di Wilayah Rakhine, Myanmar⁴⁰ memaksa etnik minoriti Rohingya mencari perlindungan di negara asing. Konflik yang telah wujud sekian lama ini akhirnya memberi kesan kepada negara-negara jiran termasuk Malaysia.

4.6.2 Atas faktor keselamatan, terutama penganiayaan besar-besaran melalui dasar pembersihan etnik dan tindakan pembunuhan terhadap mereka, kebanyakan warga Myanmar ini terutama etnik Rohingya⁴¹, memilih untuk migrasi ke Malaysia demi kelangsungan hidup. Dalam konteks ini, kestabilan politik dan status Malaysia sebagai sebuah negara Islam memberikan rasa selamat untuk golongan ini mencari perlindungan di Malaysia dan mempengaruhi kemasukan lebih banyak PATI ke negara kita.

4.6.3 Selain itu, komuniti Rohingya yang wujud sejak sekian lama menjadikan Malaysia sebagai negara pilihan kerana mereka ingin bersatu dengan ahli keluarga yang telah lama menetap di Malaysia. Bilangan mereka yang ramai di Malaysia dengan budaya Malaysia yang pelbagai memudahkan mereka mengasimilasi diri dengan rakyat tempatan.

⁴⁰Intan Suria Hamzah, Sity Daud dan Nor Azizan Idris, "Pelarian Rohingya dan isu-isu kontemporari di Malaysia", 12:9 (2016) *Malaysian Journal of Society and Space* 11-23.

⁴¹Ibid.

4.6.4 Bagi kebanyakan PATI daripada Bangladesh pula, faktor ekonomi iaitu peluang pekerjaan di Malaysia adalah menjadi keutamaan. Namun, disebabkan kos bayaran levi (Jadual 10) bagi mendapatkan pekerjaan secara sah di Malaysia adalah lebih mahal daripada yang ditawarkan oleh sindiket haram, mereka memilih untuk masuk secara tidak sah.

SEKTOR	KADAR BAYARAN (RM)
Perkilangan	1,850
Pembinaan	1,850
Perladangan	640
Pertanian	640
Perlombongan dan Pengangkutan	1,850
Perkhidmatan	1,850

Jadual 10: Kadar Bayaran Levi Pekerja Asing⁴²

4.6.5 Menurut Mangsa 2⁴³, sindiket tidak meminta sebarang bayaran bagi menaiki bot ke Malaysia dan kos yang ditanggung oleh mangsa sendiri hanyalah tambang bas. Semasa di kem, barulah sindiket meminta bayaran sebanyak 160,000 Bangladesh Taka (RM 6,000.00). S38 dan Mangsa 4⁴⁴ juga tidak perlu membuat sebarang bayaran untuk menaiki bot ketika diperdaya untuk bekerja di Malaysia. Bayaran sebanyak 200,000 mata wang Myanmar (RM7,000.00) hanya dituntut daripada S38 oleh sindiket apabila tiba di kem bagi membolehkan S38 bekerja di Malaysia.

⁴²Kementerian Dalam Negeri, 2018 <<http://www.moha.gov.my/index.php/ms/bahagian-pa-maklumat-perkhidmatan>>.

⁴³Deposisi Mangsa 2 di Mahkamah Tinggi Malaya Kangar.

⁴⁴Deposisi Mangsa 4 di Mahkamah Tinggi Malaya Kangar.

4.6.6 Wujudnya pejabat UNHCR di Malaysia juga dilihat sebagai memudahkan proses bagi mendapatkan taraf “pelarian” dan untuk tinggal di Malaysia secara “sah”. Sejak pengoperasian UNHCR pada 1975, bilangan pemegang kad UNHCR semakin meningkat menyebabkan status kad ini disalahguna. Sehingga 31 Jun 2019, terdapat seramai 95,110 etnik Rohingya yang berdaftar sebagai pencari suaka dan pelarian dengan UNHCR⁴⁵. Jumlah ini merupakan sebahagian besar dari keseluruhan pemegang kad UNHCR yang berdaftar di Malaysia iaitu seramai 175,760 orang⁴⁶.

4.6.7 Malaysia yang bukan merupakan negara ahli kepada Konvensyen Status Pelarian 1957 telah menguruskan isu ini atas dasar kemanusiaan dan telah menggesa supaya pihak UNHCR segera melaksanakan penempatan “pelarian” ke negara ketiga (resettlement). Dalam hal ini, pihak UNHCR dilihat lebih cenderung mengamalkan pendekatan regularisasi di negara hos (regularisation) daripada penempatan semula ke negara ketiga. Atas faktor perubahan dasar negara ketiga yang mengecil atau membatalkan penerimaan pelarian, jumlah kes penempatan semula ke negara ketiga didapati menurun berbanding tahun-tahun sebelumnya. Keberadaan mereka memberi impak kepada negara di mana desakan hidup telah menyebabkan mereka terjebak dengan aktiviti jenayah dan gejala sosial. Jadual 11 ialah statistik bilangan penempatan “pelarian” ke negara ketiga oleh UNHCR:

⁴⁵United Nations High Commissioner for Refugees, Figures at a Glance in Malaysia, capaian pada 8 Ogos 2019 <<https://www.unhcr.org/en-my/figures-at-a-glance-in-malaysia.html>>.

⁴⁶Ibid.

Tahun	Bilangan (orang)
2013	8,527
2014	10,961
2015	12,547
2016	8,113
2017	2,631
2018	2,421
2019 *Sehingga Julai	1,890
JUMLAH	47,090

Jadual 11: Bilangan penempatan orang “pelarian” ke negara ketiga⁴⁷

4.7 DASAR KERAJAAN

4.7.1 Kerajaan dalam hal ini dilihat tidak mempunyai dasar dan pendirian yang jelas mengenai pekerja asing dan migrasi, menyebabkan tindakan yang diambil terutama dalam menguruskan pekerja asing tidak konsisten.

4.7.2 Dasar dan pendirian Kerajaan dilihat tidak konsisten dengan perundangan semasa, sentiasa berubah-ubah dan dilibatkan tiada iltizam di kalangan pengurusan tertinggi Kerajaan termasuk di peringkat pembuat dasar. Sebagai contoh, program pemutihan pekerja asing yang dijalankan dilihat bercanggah dengan Akta Imigresen 1959/63 yang mengenakan hukuman pemenjaraan, denda dan sebatan ke atas mereka yang masuk ke Malaysia tanpa dokumen yang sah. Ini memberi persepsi bahawa Malaysia tidak serius dalam menangani masalah kemasukan PATI yang boleh menggalakkan eksploitasi oleh sindiket-sindiket yang memperdagangkan orang.

⁴⁷ Dibekalkan oleh United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR) Representative in Malaysia.

BAB 5 SYOR-SYOR PENAMBAHBAIKAN

5.1 PENDAHULUAN

5.1.1 Kejadian yang berlaku di Wang Kelian merupakan suatu tragedi kemanusiaan yang serius dan memberi impak negatif kepada imej, keselamatan dan kedaulatan negara. Ia dilihat sebagai satu kegagalan kepada kewibawaan dan kemampuan pihak berkuasa untuk melaksana dan menguatkuasa undang-undang negara. Kegagalan awal dari sudut risikan dalam mengesan ancaman dan gagal bertindak segera telah mengundang pelbagai reaksi daripada orang awam, NGO dan masyarakat antarabangsa. Pelbagai tohmahan dan andaian telah diketengahkan oleh media tempatan dan antarabangsa berhubung kejadian ini.

5.1.2 Suruhanjaya dengan saksama telah meneliti dapatan-dapatan di atas secara holistik, praktikal dan telah mengambil kira kemungkinan situasi yang sama berulang lagi di mana-mana sempadan Malaysia.

5.1.3 Daripada dapatan yang diperolehi sepanjang penyiasatan Suruhanjaya ini, jelas terdapat beberapa kelemahan dalam penguatkuasaan undang-undang, pelaksanaan tindakan dan pelaksanaan prosedur penyiasatan. Contohnya, kelewatan dalam menjalankan siasatan yang menyeluruh, kelemahan dalam memelihara bahan bukti dan tempat kejadian dengan segera, kelemahan dalam mengumpul maklumat risikan dan kelemahan kepimpinan dalam membuat keputusan dengan sikap kesegeraan (sense of urgency). Perkara ini boleh dilihat sebagai satu disfungsi organisasi (system dysfunction) yang jika tidak ditangani dengan baik, boleh menyebabkan kejadian seumpamanya berulang.

5.1.4 Tindakan selepas penemuan kem pada bulan Januari 2015 yang lambat menggambarkan ketidakseriusan pihak berkuasa dalam menyiasat kejadian ini. Perkara ini menyebabkan timbulnya prasangka buruk di kalangan orang awam bahawa terdapat pihak-pihak tertentu yang cuba menyembunyi, memperkecil, menafi dan memandang ringan penemuan ini.

5.1.5 Terdapat ruang penambahbaikan yang perlu dilaksanakan bagi mengelak insiden seumpamanya daripada berulang dengan memperkukuh segenap aspek pengurusan sempadan secara khususnya dan pengurusan migrasi secara amnya.

5.2 SYOR-SYOR PENAMBAHBAIKAN

Dasar

5.2.1 Malaysia perlu mempunyai satu dasar pekerja asing yang jelas dan konsisten. Tidak dinafikan bahawa pekerja asing amat diperlukan dalam pelbagai sektor dalam negara ini. Dasar pintu terbuka terhadap pekerja asing perlu diteruskan tetapi pintu masuk di negara ini perlu dikawal dengan baik bagi mengelakkan ianya mudah dibolosi. Amat jelas bahawa peristiwa di Wang Kelian disebabkan oleh kelemahan penguatkuasaan di sempadan Negara. Ini memberi peluang kepada sindiket untuk mengaut keuntungan secara mudah dengan memperdagangkan orang dan menyeludup migran.

5.2.2 Kita amat faham akan pekerjaan yang tidak menarik minat rakyat tempatan terutamanya dalam sektor 3D iaitu pekerjaan sukar, kotor dan berbahaya (difficult, dirty and dangerous). Oleh itu, Kerajaan perlu mempunyai dasar yang jelas untuk menarik minat rakyat tempatan untuk bekerja dalam bidang ini, seperti menyediakan pendidikan vokasional yang bersesuaian, bayaran insentif dan tahap gaji yang lebih menarik.

5.2.3 Pada masa ini, Kerajaan hanya menentukan kadar levi pengambilan pekerja asing sahaja yang dikenakan kepada majikan. Namun begitu, Kerajaan tidak menetapkan kadar siling kepada ejen yang merekrut pekerja asing, menyebabkan harga yang dikenakan terlalu mahal dan seterusnya memberi keuntungan yang tinggi. Senario ini mendorong majikan untuk mendapatkan PATI sebagai pekerja kerana kos yang lebih rendah. Kerajaan perlu memantau peranan agensi-agensi pekerjaan ini daripada membuat keuntungan berlebihan terhadap kedua-dua pihak iaitu pekerja dan majikan sehingga memberi kesan negatif.

5.2.4 Suruhanjaya turut berpandangan bahawa Kerajaan perlu menetapkan kadar siling maksima yang boleh dikenakan oleh agensi pekerjaan. Selain itu, Kerajaan juga harus mengkaji semula proses pengambilan yang rumit, masa yang lama dan kos yang tinggi agar tidak membebankan majikan tanpa kompromi terhadap keselamatan negara. Sekiranya faktor ini ditangani oleh Kerajaan, maka permintaan terhadap pekerja haram akan turun.

5.2.5 Kebergantungan kepada pekerja asing perlu dilihat semula agar selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai ekonomi berteraskan pengetahuan sebagaimana yang diamalkan oleh negara-negara maju. Oleh itu, Kerajaan boleh memberi insentif seperti pemotongan/pengecualian cukai ke atas pembelian peralatan berteknologi tinggi kepada syarikat-syarikat yang berjaya mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

5.2.6 Selain itu, satu Dasar Pengurusan Sempadan Negara yang holistik merangkumi sumber manusia, pengurusan kewangan dan aset, hubungan strategik, koordinasi, keselamatan dan pembangunan perlu disediakan sebagai panduan pelbagai peringkat agensi yang terlibat dalam pengurusan sempadan negara.

Pembangunan Modal Insan

5.2.7 Pembangunan modal insan merupakan aspek kritikal yang perlu diberi perhatian dalam sesebuah organisasi. Kemampuan agensi untuk mendepani cabaran dan ancaman semasa berkait rapat dengan keupayaan untuk melengkapkan sumber manusia dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan. Sehubungan itu, Suruhanjaya mengesyorkan supaya latihan khusus mengenai jenayah rentas sempadan terutama pemerdagangan orang dan penyeludupan migran perlu dirangka untuk agensi penguatkuasaan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan kawalan sempadan. Ketiadaan pengetahuan dan kesedaran tentang isu-isu pemerdagangan orang dan penyeludupan migran merupakan punca utama berlakunya kejadian yang tidak diingini di Wang Kelian.

5.2.8 Latihan yang dirangka perlu dilaksanakan secara bersama antara agensi bagi membolehkan kepakaran dan kemahiran dikongsi untuk manfaat bersama terutama semasa melaksanakan operasi kelak. Latihan bersama dilihat mampu menambahbaik komunikasi serta memperkukuhkan kerjasama antara agensi di lapangan.

5.2.9 Modul latihan mengenai pemerdagangan orang dan penyeludupan migran juga perlu dijadikan modul wajib semasa pra-penempatan bagi anggota yang akan ditempatkan di sempadan. Di samping itu, latihan dan kursus dalam perkhidmatan mengenai pemerdagangan orang dan penyeludupan migran perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa secara berterusan. Selain itu, penjawat awamhendaklah didedahkan dengan laporan antarabangsa mengenai hak asasi manusia seperti Laporan Jabatan Negara Amerika Syarikat Mengenai Pemerdagangan Orang. Pegawai penguat kuasa juga perlu sentiasa peka dan prihatin terhadap perkembangan isu-isu sempadan di negara-negara jiran.

5.2.10 Suruhanjaya juga mengesyorkan supaya agensi-agensi penguatkuasaan mengkaji keperluan sebenar perjawatan berdasarkan kompleksiti tugas di sempadan. Keterangan saksi dari kalangan pegawai penguat kuasa jelas menyatakan bahawa terdapat keperluan untuk menambah kekuatan anggota penguat kuasa khususnya bagi menjaga kawasan di sempadan. Terdapat juga keadaan di mana perjawatan sedia ada yang tidak diisi. Dalam soal kawalan sempadan, keadaan ini tidak boleh dikompromi dan pengisian perjawatan perlu diberi keutamaan. Selain itu, pusingan kerja pegawai di lapangan juga perlu dilaksanakan bagi menjamin integriti dan kredibiliti agensi penguatkuasaan.

Aset

5.2.11 Sempadan darat antarabangsa Malaysia-Thailand di Perlis adalah sejauh 106 kilometer, namun, pagar dan tembok sempadan yang dibina tidak menyeluruh di mana hanya 48km pagar tembok konkrit atau pagar berdawai sahaja dibina manakala sebahagian lagi hanya gulungan dawai berduri (barb wires). Keadaan topografi di kebanyakan kawasan sempadan terutama di kawasan Wang Kelian yang lebih bercerun dan hutan tebal menyukarkan pengawasan dan rondaan dibuat.

5.2.12 Bagi memperkukuhkan lagi kawalan keselamatan di sempadan dan mengimbangi kekurangan sumber manusia, Suruhanjaya mengesyorkan supaya Kerajaan membaik pulih pagar-pagar sedia ada yang telah rosak serta membina pagar atau tembok sempadan di kawasan yang terdedah. Pagar atau tembok yang didirikan juga perlulah mengambil kira keberkesanannya seperti tahan lasak, anti-climb dan berketinggian yang menyukarkan penyeludupan berlaku.

5.2.13 Suruhanjaya mengambil maklum akan kekangan kewangan yang dihadapi oleh Kerajaan serta proses dan keutamaan yang perlu diberi perhatian dalam menimbang cadangan pembinaan tembok dan pagar sempadan terutama persetujuan daripada pihak Thailand untuk pembinaan tembok di atas garis sempadan. Namun, isu keselamatan dan kedaulatan sempadan bukanlah sesuatu yang boleh dikompromi dan perlu diberi keutamaan.

5.2.14 Selain itu, Suruhanjaya mengesyorkan supaya aset dan keperluan logistik termasuk kenderaan ditambah baik bagi tujuan rondaan termasuk kemudahan yang disediakan di pos-pos kawalan. Penggunaan lampu limbah yang mengguna pakai tenaga solar juga boleh dipertimbangkan termasuk penggunaan peralatan berteknologi tinggi seperti drone dan pemasangan CCTV yang berdefinasi tinggi bagi meluaskan lagi kawasan capaian untuk tujuan kawalan dan pemantauan

5.2.15 Suruhanjaya mendapati daripada tinjauan, terdapat aset-aset yang tidak diselenggara dan dalam keadaan daif. CCTV, kuarters, pos-pos dan pagar keselamatan serta kenderaan rondaan di jalan KESBAN Perlis-Kedah yang sedia ada perlu diselenggara dan ditambah bilangannya. Pos kawalan hendaklah dibina di kawasan sempadan di Bukit Wang Burma dan Genting Perah bagi mencegah kawasan ini dibolosi oleh sindiket penyeludupan dan PATI. Dalam hal ini, Suruhanjaya menggesa Kerajaan memberi peruntukan kewangan yang secukupnya bagi tujuan penyelenggaraan aset-aset ini.

5.2.16 Suruhanjaya ini telah meneliti laporan SIAP mengenai “Dasar bagi Pengukuhan Integriti Pegawai Penguat Kuasa yang Menjalankan Tugas Penguatkuasaan Terutama di Pintu-pintu Masuk Sempadan”⁴⁸ dan Suruhanjaya menyokong sepenuhnya syor-syor yang dikemukakan dalam laporan tersebut.

⁴⁸ Laporan “Dasar bagi Pengukuhan Integriti Pegawai Penguat Kuasa yang Menjalankan Tugas Penguatkuasaan Terutama di Pintu-pintu Masuk Sempadan” telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja kepada Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus Jabatan/Agensi Jabatan Perdana Menteri yang telah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara pada 18 Januari 2018.

Prosedur Operasi Standard (SOP)

5.2.17 Penyediaan dan pengemaskinian Prosedur Operasi Standard (SOP) perlu diberi perhatian dan disegerakan. Mengambil kira pengurusan kes yang terjadi di Wang Kelian serta rentetan kes pemerdagangan orang dan penyeludupan migran yang berlaku, terdapat ketidakpatuhan dan kelompongan dalam proses kerja semasa. Oleh itu, pihak penguat kuasa khususnya perlu memberi perhatian terhadap aspek pengenalpastian, klasifikasi kes, pengurusan ekshibit dan pengurusan maklumat. Ini termasuk pelan komunikasi bagi insiden yang berprofil tinggi supaya maklumat yang disampaikan kepada orang awam adalah tepat.

5.2.18 Suruhanjaya mencadangkan supaya mekanisme pemantauan terhadap pematuhan perintah tetap, arahan semasa dan SOP dalam pengendalian kes perlu dimantapkan. Arahan yang tidak bersesuaian dan telah lapuk perlu disemak dan dipinda mengikut keadaan semasa mengambil kira kapasiti kumpulan pelaksana di lapangan.

Koordinasi dan Kawalan Sempadan

5.2.19 Umum mengetahui terdapat beberapa agensi penguatkuasaan yang terlibat dalam pengurusan kawalan sempadan. Setiap agensi mempunyai fungsi dan kawasan pengoperasian dan penugasan yang berbeza-beza.

5.2.20 Agensi Kerajaan pada masa ini dilihat bekerja secara silo. Tiada koordinasi menyebabkan berlakunya kecelaruan dan pertindihan tugas di kalangan agensi. Perkara ini berlaku kerana ketiadaan satu agensi yang dipertanggungjawabkan menelaraskan dan memimpin agensi-agensi di sempadan.

5.2.21 Kerajaan perlu mengambil iktibar dari beberapa insiden yang berlaku di sempadan negara. Pada masa ini, pendekatan yang diamalkan jika berlakunya konflik adalah berbentuk defensif manakala strategi yang diambil pula lebih bersifat ad-hoc. Suruhanjaya mengesyorkan supaya Kerajaan menubuhkan satu agensi tunggal bagi menangani isu-isu di sempadan. Ini bagi membolehkan dasar digubal, fungsi agensi penguatkuasaan di sempadan disusun semula, koordinasi yang lebih berkesan, tindakan operasi dan tatacara kerja semua agensi penguatkuasaan undang-undang dapat diselaraskan dan dipantau berdasarkan kepada satu arahan (command).

5.2.22 Mengambil kira AKSEM yang telah ditubuhkan dan bertanggungjawab mengawal keselamatan sempadan darat Malaysia daripada apa-apa kegiatan penyeludupan atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang, Suruhanjaya mencadangkan supaya AKSEM diperkasakan sebagai agensi tunggal seperti diperuntukkan dalam Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017 [Akta 799]. Pada masa ini, Kanada dan Australia telah pun melaksanakan single border agency di sempadan negara.

5.2.23 Bagi tindakan jangka pendek, pihak MKN selaku policy custodian dalam hal-hal berkaitan keselamatan negara dan ketenteraman awam digesa memperkemaskan koordinasi tindakan mengenai isu keselamatan dan menggubal dasar yang holistik dan terpakai kepada semua agensi penguatkuasaan di sempadan sebagai rujukan dan panduan.

5.2.24 Di samping itu, Kerajaan juga perlu menggunakan sepenuhnya platform sedia ada seperti Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) untuk mengkoordinasi gerak kerja antara agensi dengan lebih berkesan. Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai Pemerdagangan Orang yang telah dirangka hendaklah dilaksanakan melalui penglibatan aktif antara agensi dan struktur MAPO dicadangkan supaya diperluaskan hingga ke peringkat negeri.

5.2.25 Kawalan keselamatan sempadan di Wang Kelian perlu diperketatkan bagi mengelakkan sempadan Negara dari mudah dibolosi dan berlakunya jenayah. Melalui tinjauan, Suruhanjaya mencadangkan supaya laluan-laluan balak di Genting Perah, Wang Kelian yang ditinggalkan, perlu dibersihkan supaya pasukan keselamatan boleh menjalankan rondaan secara berkala.

5.2.26 Selain itu juga, terdapat cadangan supaya jalan keselamatan di sepanjang sempadan dibina untuk memudahkan rondaan kawalan dan pergerakan pasukan keselamatan semasa bertugas terutamanya di kawasan berisiko tinggi.

Kerjasama Antarabangsa

5.2.27 Tragedi kemanusiaan di Wang Kelian telah memberikan imej yang negatif kepada Malaysia di peringkat antarabangsa dan kedudukan Malaysia telah diturunkan dari Tier 2 ke kedudukan Tier 2 Watchlist dalam Laporan Jabatan Negara Amerika Syarikat Mengenai Pemerdagangan Orang. Malaysia komited dalam melaksanakan obligasi negara yang dipersetujui di peringkat serantau dan antarabangsa termasuk dalam isu pemerdagangan orang tanpa berkompromi mengenai kepentingan negara dan keselamatan sempadan. Bagi pengurusan pelarian, tindakan yang diambil Malaysia adalah atas dasar perikemanusiaan memandangkan Malaysia bukanlah negara ahli kepada Konvensyen mengenai Status Pelarian 1951 dan/atau Protokol 1967. Sehubungan itu, Malaysia perlu lebih tegas dan mendesak pihak UNHCR serta negara ketiga yang merupakan negara ahli bagi menyelesaikan isu pelarian di Malaysia yang majoritinya daripada etnik Rohingya. Ini termasuk penempatan semula ke negara ketiga yang perlu ditingkatkan. Pihak Kerajaan seharusnya bersungguh-sungguh menjelaskan pendirian, kesukaran dan masalah yang dihadapi supaya organisasi antarabangsa termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak menganggap Malaysia sebagai sebuah negara yang tidak bertanggungjawab.

5.2.28 Krisis Rohingya telah menimbulkan kebimbangan dan kesan langsung terhadap keselamatan di rantau ini serta menarik perhatian global. Negara-negara anggota ASEAN dan komuniti antarabangsa perlu bergerak ke hadapan memberikan tekanan ke atas Kerajaan Myanmar untuk menghentikan keganasan politik dan menyelesaikan konflik dalaman negara tersebut. Justeru, Suruhanjaya berpandangan Kerajaan perlu lebih lantang dalam menyuarakan isu etnik Rohingya di peringkat ASEAN dan antarabangsa.

5.2.29 Di peringkat antarabangsa, Kerajaan perlu lebih aktif untuk mengetengahkan isu pemerdagangan orang dan penyeludupan migran supaya ia menjadi agenda utama dalam forum serantau dan antarabangsa sepertimana jenayah-jenayah lain.

Kesedaran Awam

5.2.30 Suruhanjaya berpandangan bahawa kesedaran di kalangan masyarakat awam mengenai implikasi kemasukan PATI masih rendah. Ini amat jelas dalam kes di Wang Kelian, di mana penduduk kampung berperanan sebagai "tekong" dalam kemasukan PATI ke negara kita bagi mendapatkan sedikit pendapatan. Beberapa orang saksi yang merupakan penduduk kampung telah memberi keterangan di hadapan Suruhanjaya, menyatakan bahawa ada di kalangan orang kampung di Wang Kelian yang telah mengambil upah sebagai "tekong". Selain daripada itu, terdapat juga penduduk kampung yang apabila berdepan dengan PATI, tidak membuat laporan polis. Bahkan terdapat beberapa penduduk kampung yang telah memberi makan kepada PATI di atas dasar belas kasihan. Oleh itu, Suruhanjaya berpandangan Kerajaan perlu memperbanyakkan program-program kesedaran dan penghebahan maklumat secara berkala kepada orang ramai terutamanya di sempadan mengenai jenayah-jenayah yang berlaku dan implikasinya terhadap negara.

5.3 PENUTUP

5.3.1 Suruhanjaya menyifatkan kejadian di Wang Kelian sebagai satu tragedi kemanusiaan yang tidak patut berlaku di zaman ini. Pemerdagangan orang dan penyeludupan migran adalah satu jenayah yang serius dan meninggalkan impak yang sangat besar kepada kesejahteraan rakyat dan keselamatan negara. Kemasukan PATI adalah merupakan satu beban kepada negara dari aspek sosial, kesihatan, ekonomi dan keselamatan.

5.3.2 Suruhanjaya menyarankan agar syor-syor penambahbaikan yang terkandung dalam laporan ini dipertimbangkan secara serius oleh Kerajaan. Adalah menjadi harapan Suruhanjaya, laporan ini menjawab isu-isu dan kelemahan yang berbangkit daripada kejadian di Wang Kelian. Juga diharapkan laporan ini boleh mengelak insiden seumpama ini daripada berulang kembali.

INDEKS

A. SENARAI JADUAL

Jadual 1:	Pecahan Pasukan PGA	79
Jadual 2:	Senarai nama Orang Kena Tahan (OKT)	87
Jadual 3:	Jumlah Mayat dan Kubur bagi Operasi Wawasan Khas	117
Jadual 4:	Jumlah Mayat dan Kubur bagi Operasi Wawasan Khas 2	117
Jadual 5:	Jumlah Tangkapan di bawah Akta 297 bagi Kes Penyeludupan Migran	129
Jadual 6:	Jumlah Tangkapan dan Tindakan di bawah Akta 747 dari 31 Julai 2012 sehingga 31 Disember 2018	130
Jadual 7:	Kesalahan Pemerdagangan Orang	158
Jadual 8 :	Kesalahan Penyeludupan Migran	159
Jadual 9 :	Kesalahan Imigresen	160
Jadual 10:	Kadar Bayaran Levi Pekerja Asing	171
Jadual 11:	Bilangan penempatan orang "pelarian" ke negara ketiga	173

B. SENARAI GAMBAR

Gambar 1 :	Peta Laluan Udara	12
Gambar 2 :	Salah satu tinggalan struktur kubur yang telah digali. Kesemua struktur kubur adalah dipercayai menghala ke arah kiblat.	13
Gambar 3 :	Beberapa tinggalan struktur kubur yang telah digali. Setiap kubur hanya menempatkan satu mayat sahaja.	13
Gambar 4 :	Tempat tahanan PATI.	14
Gambar 5 :	Kawat berduri dan jaring besi yang digunakan sebagai tempat tahanan PATI.	15
Gambar 6 :	Tinggalan paket plastik makanan yang berlabel tulisan bahasa Thai.	15
Gambar 7 :	Menara pemancar telekomunikasi yang terletak kira-kira 50 meter dari kaki bukit, laluan keluar dari hutan.	16
Gambar 8 :	Laluan udara dari Kampung Wang Kelian ke Genting Perah.	18
Gambar 9 :	Tinjauan udara di sebelah Malaysia.	19
Gambar 10 :	Perbezaan bentuk muka bumi Malaysia dan Thailand.	19
Gambar 11 :	Laluan trek menuju tapak Kubur 24	21
Gambar 12 :	Kawasan sekitar Rendezvous (RV) yang merupakan pusat operasi dan pengumpulan semasa operasi menggali kubur semasa Operasi Wawasan Khas pada tahun 2015.	22
Gambar 13:	Kawasan tempat pendaratan sementara helikopter yang telah diterangkan semasa operasi menggali kubur kini ditumbuhi hutan sekunder.	22
Gambar 14 :	Salah satu struktur kubur di Kubur 24 yang dipenuhi air.	23
Gambar 15 :	Kesan tinggalan kanvas-kanvas khemah di sepanjang pendakian menuju ke tapak Kubur 24.	23
Gambar 16 :	Kawat berduri yang didapati dalam kem.	25
Gambar 17 :	Struktur menara pengawal yang telah runtuh.	25
Gambar 18 :	Khemah-khemah yang telah runtuh dalam kawasan kem.	26
Gambar 19 :	Kesan-kesan khemah dalam kawasan kem.	26
Gambar 20 :	Kesan-kesan khemah dalam kawasan kem.	27
Gambar 21 :	Tin-tin makanan berlabel tulisan bahasa Thai yang dijumpai dalam kawasan kem.	27
Gambar 22 :	Struktur binaan surau dalam kawasan kem.	28

Gambar 23 :	Sejadah yang dijumpai berdekatan binaan surau dalam kawasan kem.	28
Gambar 24 :	Struktur tempat rumah rawatan/perubatan dalam kawasan kem.	29
Gambar 25 :	Generator berlabel tulisan bahasa Thai yang dijumpai dalam kawasan kem.	29
Gambar 26 :	Salah satu 2 pin wayar sambungan (extension wire) yang dijumpai dalam kawasan kem.	30
Gambar 27 :	Paip air yang dijumpai dalam kawasan kem.	30
Gambar 28 :	Batu sempadan Malaysia-Thailand yang terletak kira-kira 10 minit dari lokasi kawasan kem.	31
Gambar 29 :	Batu sempadan Malaysia-Thailand terletak kira-kira 10 minit dari lokasi kawasan kem.	32
Gambar 30 :	Markas PGA Pos Simpang 5.	32
Gambar 31 :	Kawasan sekeliling Pos PGA Simpang 5.	33
Gambar 32 :	Sesi perjumpaan dengan salah seorang penduduk Kampung Wang Kelian.	35
Gambar 33 :	Perjalanan menuju ke Pos PGA Simpang 5.	36
Gambar 34 :	Pos PGA Simpang 5.	37
Gambar 35 :	Taklimat khas pergerakan di Pos Simpang 5 oleh Pegawai Pemerintah Medan VAT 69, PDRM sebelum ke Kem 6 di Bukit Genting Perah.	38
Gambar 36 :	Kawasan hutan dipenuhi tumbuhan resam dan tinggalan batang kayu balak yang merintang laluan mendaki ke Kem 6, Bukit Genting Perah.	38
Gambar 37 :	Taklimat di kawasan RV yang digunakan sebagai tapak pengumpulan sementara mayat PATI semasa Operasi Wawasan Khas pada tahun 2015.	39
Gambar 38 :	Ahli-ahli Suruhanjaya mendaki sejauh 500m ke batu sempadan kecil Malaysia-Thailand.	40
Gambar 39 :	Batu sempadan kecil Malaysia-Thailand yang terletak 1.4km dari Kem 6.	41
Gambar 40 :	Antara tinggalan guni beras berlabel tulisan bahasa Thai yang ditemui dalam perjalanan berhampiran Kem 6.	41
Gambar 41 :	Antara tinggalan tin makanan berlabel tulisan bahasa Thai yang ditemui berhampiran Kem 6.	42
Gambar 42 :	Antara struktur binaan yang dibina daripada buluh dipercayai digunakan sebagai tempat perubatan, surau dan gelanggang sepak takraw di Kem 6.	42
Gambar 43 :	Antara struktur binaan yang dibina daripada buluh dan kanvas di Kem 6.	43
Gambar 44 :	Antara struktur binaan yang dibina daripada buluh dan kanvas di Kem 6.	43
Gambar 45 :	Antara struktur binaan yang dibina daripada buluh dan kanvas di Kem 6.	44
Gambar 46 :	Kawasan yang dikelilingi kawat berduri yang dipercayai tempat untuk diletakkan PATI yang ingkar serta enggan menurut perintah di Kem 6.	44
Gambar 47 :	Laluan turun ke Taman Negeri Perlis dari Kem 6.	45
Gambar 48 :	Taklimat pengoperasian oleh Pegawai PGA kepada delegasi Suruhanjaya berkenaan penugasan di kawasan KESBAN sempadan Malaysia – Thailand.	47
Gambar 49 :	Tembok sempadan Malaysia-Thailand sepanjang kawasan Tangga 100 dengan anggaran ketinggian lebih kurang 10 kaki dan dilengkapi kawat berduri.	48
Gambar 50 :	Menara tinjau TS 9 yang menempatkan anggota PGA yang bertugas di KESBAN.	48
Gambar 51 :	Kawasan Pos Tangga 100 di jalan KESBAN sempadan Malaysia – Thailand.	49
Gambar 52 :	Menara tinjau Pos Tangga 100 di jalan KESBAN sempadan Malaysia – Thailand.	49
Gambar 53 :	Pagar keselamatan dua lapisan di sepanjang sempadan jalan KESBAN sempadan Malaysia – Thailand.	51
Gambar 54 :	Pagar keselamatan dua lapisan yang uzur di sepanjang sempadan jalan KESBAN sempadan Malaysia – Thailand.	51

Gambar 55 :	Pagar keselamatan dua lapisan yang telah rosak di sepanjang sempadan Malaysia – Thailand menuju ke Bukit Kayu Hitam.	52
Gambar 56 :	Di sepanjang bahagian Thailand terdapat jalan raya dua hala bersebelahan dengan pagar keselamatan Malaysia-Thailand.	52
Gambar 57 :	Pembangunan perumahan Thailand yang amat hampir dengan pagar keselamatan sempadan Malaysia – Thailand.	53
Gambar 58 :	Kawasan perumahan Thailand yang amat hampir dengan pagar keselamatan sempadan Malaysia – Thailand.	53
Gambar 59 :	Bangunan komersil juga dibina hampir dengan pagar keselamatan sempadan Malaysia – Thailand berhampiran Pos BKC 7.	54
Gambar 60 :	Rondaan keselamatan bermotosikal di kawasan KESBAN sempadan Malaysia – Thailand oleh anggota PGA.	54
Gambar 61 :	Pos BKC 7, PGA.	55
Gambar 62 :	Pos Kawalan PGA di KESBAN dengan kemudahan menara tinjau.	55
Gambar 63 :	Lawatan delegasi Suruhanjaya ke jalan KESBAN selesai di Ibu Pejabat AKSEM Bukit Kayu Hitam, Kedah.	56
Gambar 64:	Sesi Taklimat di Markas Operasi Pasukan Polis Marin Wilayah Tiga, Pengkalan Kubor, Tumpat, Kelantan.	62
Gambar 65:	Pengkalan Markas Operasi PPM Pengkalan Kubor.	64
Gambar 66:	Tebing sungai di sebelah Malaysia dan tebing sungai di sebelah Thailand yang dekat.	64
Gambar 67:	Perumahan yang dibina di tebing sungai. Terdapat bot kecil atau perahu yang dipercayai milik persendirian.	65
Gambar 68:	Struktur pangkalan di sebelah Malaysia.	65
Gambar 69:	Struktur pangkalan di sebelah Thailand.	66
Gambar 70:	Struktur pangkalan dan perahu di sebelah Thailand.	66
Gambar 71:	Struktur baru di tebing sungai sebelah Thailand yang boleh dijadikan tempat bot berlabuh.	67
Gambar 72:	Kompleks ICQS Rantau Panjang.	71
Gambar 73:	Sesi taklimat di ICQS Rantau Panjang.	71
Gambar 74:	Lorong ke arah Malaysia yang lebih banyak kenderaan.	72
Gambar 75:	Laluan masuk adalah merentas Sungai Golok.	72
Gambar 76:	Pejabat AKSEM Rantau Panjang.	73
Gambar 77:	Sekatan Jalan Raya AKSEM.	73
Gambar 78:	Buku nota dalam bahasa Thai.	81
Gambar 79:	Handphone dan 3 unit simcard.	81
Gambar 80:	Lesen memandu Thailand.	82
Gambar 81:	Struktur binaan kem yang ditemui di Bukit Genting Perah.	86
Gambar 82:	HR yang ditemui di Sektor A, Bukit Genting Perah.	91
Gambar 83:	Salah satu HR yang ditemui di Sektor B, Bukit Wang Burma.	92
Gambar 84:	Kubur yang mengandungi 3 HR yang ditanam secara bersama di Sektor C, Bukit Genting Perah.	93
Gambar 85:	Proses pengecaman struktur tanah dipercayai kubur di Sektor D, Bukit Genting Perah.	94
Gambar 86:	Proses penggalian HR di Sektor D, Bukit Genting Perah.	94
Gambar 87:	Proses penggalian HR di Sektor D, Bukit Genting Perah.	95
Gambar 88:	HR yang dijumpai hasil penggalian di Sektor D, Bukit Genting Perah.	95
Gambar 89:	Proses pengecaman struktur tanah dipercayai kubur di Sektor E, Bukit Genting Perah.	96
Gambar 90:	Proses penggalian kubur di Sektor E, Bukit Genting Perah.	96

Gambar 91:	HR yang dijumpai hasil penggalian di Sektor E, Bukit Genting Perah.	97
Gambar 92:	Proses pengecaman struktur tanah dipercayai kubur di Sektor F, Bukit Genting Perah.	97
Gambar 93:	HR yang dijumpai hasil penggalian di Sektor F, Bukit Genting Perah.	98
Gambar 94:	Ukuran lebar kubur.	99
Gambar 95:	Ukuran lebar kubur.	99
Gambar 96:	Ukuran panjang kubur.	100
Gambar 97:	Ukuran kedalaman kubur.	100
Gambar 98:	Antara barang kes yang dijumpai di Sektor B, Bukit Wang Burma.	102
Gambar 99:	Antara barang kes yang dijumpai di Sektor B, Bukit Wang Burma.	102
Gambar 100:	Antara barang kes yang dijumpai di Sektor B, Bukit Wang Burma.	103
Gambar 101:	Antara barang kes yang dijumpai di Sektor D, Bukit Genting Perah.	103
Gambar 102:	Antara barang kes yang dijumpai di Sektor D, Bukit Genting Perah.	104
Gambar 103:	Antara barang kes yang dijumpai di Sektor D, Bukit Genting Perah.	104
Gambar 104:	Antara barang kes yang dijumpai di Sektor D, Bukit Genting Perah.	105
Gambar 105:	Antara barang kes yang dijumpai di Sektor C, Bukit Genting Perah.	106
Gambar 106:	Antara barang kes yang dijumpai di Sektor C, Bukit Genting Perah.	106
Gambar 107:	Antara barang kes yang dijumpai di Sektor E, Bukit Genting Perah.	107
Gambar 108:	Antara barang kes yang dijumpai di Sektor E, Bukit Genting Perah.	108
Gambar 109:	Antara barang kes yang dijumpai di Sektor F, Bukit Genting Perah.	109
Gambar 110:	Antara barang kes yang dijumpai di Sektor F, Bukit Genting Perah.	109
Gambar 111:	Antara barang kes yang dijumpai di Sektor F, Bukit Genting Perah.	110
Gambar 112:	Kawasan Perkuburan Islam Lama Kampung Tualang, Pokok Sena, Kedah.	119
Gambar 113:	Papan tanda di Kawasan Perkuburan Islam Lama Kampung Tualang, Pokok Sena, Kedah.	120
Gambar 114:	Batu nisan di Kawasan Perkuburan Islam Lama Kampung Tualang, Pokok Sena, Kedah.	120

C. SENARAI PETA

Peta 1: Lokasi Lawatan di Kawasan Sempadan Malaysia – Thailand, Kelantan.	10
---	----

